

SEKATARAKYAT

**KOPERASI KAKITANGAN
BANK RAKYAT BERHAD 4958**

SEKATA MAKMUR, RINGLET, CH
26.4.2022 11.14AM

**MESYUARAT
AGUNG
PERWAKILAN
KALI KE-27
2022**

SEKATA MAKMUR, RINGLET, CH
26.1.2023 10.01PM

ATUR CARA

MAJLIS PERASMIAN
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN
KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(SEKATARAKYAT)
TAHUN 2023

8.00 pagi – 8.40 pagi	:	Pendaftaran Para Perwakilan
8.45 pagi	:	Perwakilan mengambil tempat di dewan
8.55 pagi	:	Juruacara memulakan majlis
9.00 pagi	:	Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran
	:	Bacaan Doa
	:	Ucapan Pengerusi Sekatarakyat Datuk Mohamed Arsad Sehan
	:	Ucapan Perasmian Pemangku Pengerusi Bank Rakyat Datuk Mohd Irwan Mohd Mubarak
10.00 pagi	:	Kudapan (<i>Refreshments</i>)
10.30 pagi	:	Mesyuarat Agung Perwakilan Bermula

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

ISI KANDUNGAN / PERJALANAN MESYUARAT

Bil	Perkara	Kandungan	Mukasurat
i.		Perutusan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	MAP 8
ii.		Perutusan Pemangku Pengerusi Bank Rakyat	MAP 9
iii.		Perutusan Pengerusi Sekatarakyat	MAP 10
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE DUA PULUH TUJUH (KE-27)			
1		Garis Panduan Etika Mesyuarat Agung Perwakilan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	MAP 12 - MAP 22
2		Ucapan Y. Bhg. Datuk Pengerusi Sekatarakyat	
3		Notis Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke Dua Puluh Tujuh (Ke-27)	MAP 24 – MAP 25
4		Pelantikan Pengerusi Mesyuarat	
5		Pelantikan Pencatat Minit	
6	10	Pelantikan Jawatankuasa Penentusahan Minit Mesyuarat Agung kali ke Dua Puluh Tujuh (Ke-27)	MAP 254
7	1	Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke Dua Puluh Enam (Ke-26) Tahun 2022	MAP 27 – MAP 51
8	2	Menimbang laporan-laporan Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalam dan Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atas akaun-akaun teraudit dan Lembaga Koperasi 1) Laporan Lembaga Pengarah a) Profil Anggota Lembaga Pengarah b) Tugas dan Tanggungjawab Anggota Lembaga Pengarah c) Senarai Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah dalam tahun 2022	MAP 54 – MAP 69 MAP 71 – MAP 80 MAP 81 – MAP 83 MAP 84 – MAP 87

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

	d) Senarai Mesyuarat Portfolio Lembaga Pengarah dalam tahun 2022	MAP 88 – MAP 91
	e) Laporan Mesyuarat, Perbincangan & Lawatan Rasmi Anggota Lembaga Pengarah Sepanjang Tahun 2022	MAP 92
	f) Laporan Lawatan Rasmi Hartanah Milik Sekatarakyat oleh Anggota Lembaga Pengarah Sepanjang Tahun 2022	MAP 93 – MAP 94
	g) Laporan butir-butir perbelanjaan Lembaga dan bayaran kepada pihak individu Lembaga Pengarah Sekatarakyat dalam tahun 2022	MAP 95 – MAP 96
	h) Senarai Lembaga Pengarah menghadiri kursus / seminar / persidangan dalam tahun 2022	MAP 97 – MAP 98
	i) Perancangan Jangka Masa Hadapan Sekatarakyat	MAP 99 – MAP 100
	j) Polisi Integriti	MAP 101
	k) Laporan Jawatankuasa Pencalonan	MAP 103
	l) Laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko	MAP 105 – MAP 107
	m) Laporan Jawatankuasa Disiplin	MAP 109 – MAP 110
	n) Laporan Jawatankuasa Pelaburan	MAP 112 – MAP 113
	o) Laporan Jawatankuasa Imbuhan	MAP 115 – MAP 116
	p) Laporan Jawatankuasa Syariah	MAP 118 – MAP 121
	2) Laporan Jawatankuasa Audit Dalam 2022	MAP 124 – MAP 128
	3) Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia atas akaun teraudit pada 31 Disember 2022	

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

9	3	<p>Menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit koperasi berdaftar dan subsidiari-subsidiari</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Perbentangan Bendahari Kehormat Sekatarakyat ke atas Penyata Kewangan Diaudit 31 Disember 2022 2) Penyata Kewangan Diaudit 31 Disember 2022 3) Laporan Juruaudit Koperasi 	<p>MAP 132 – MAP 138</p> <p>MAP 141 – MAP 196</p> <p>MAP 198 – MAP 202</p>
10	4	Memilih anggota-anggota Lembaga Pengarah	MAP 204 – MAP 209
11	5	Menimbang dan meluluskan Belanjawan Tahunan bagi tahun kewangan 2023	MAP 211 – MAP 222
12	6	<p>Meluluskan elaun-elaun kepada Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan saraan kepada anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah subsidiari atau subsidiari-subsidiarinya</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Cadangan Elaun Mesyuarat Anggota Lembaga Pengarah 2) Cadangan Elaun Tetap Anggota Lembaga Pengarah 3) Cadangan Elaun Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman 4) Cadangan Elaun Jawatankuasa Syariah 5) Makluman elaun kepada anggota lembaga yang dilantik sebagai pengarah dalam syarikat bersekutu 6) Cadangan perbelanjaan Takaful Group Hospital & Surgical dan rawatan pesakit luar bagi Anggota Lembaga Pengarah 	<p>MAP 225 – MAP 226</p> <p>MAP 228 – MAP 232</p> <p>MAP 234</p> <p>MAP 236</p> <p>MAP 238 – MAP 239</p> <p>MAP 241 – MAP 245</p>
13	7	Meluluskan pelantikan suatu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua firma audit untuk mengaudit akaun-akaun atau lain-lain firma yang berkaitan	MAP 247
14	8	Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan koperasi	MAP 249 – MAP 250

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

15	9	Menentukan had maksimum keterhutangan koperasi	MAP 252
16	11	Menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan tahun kewangan 2022	MAP 256 – MAP 259
17	12	Mengisytihar atau menerbitkan syer-syer bonus (Tiada)	
18	13	Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa urusan lain koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan	
19	14	Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Sekatarakyat (Tiada)	
20	15	Mendengar dan memutuskan apa-apa aduan, yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan kepada Sekatarakyat, yang dikemukakan oleh anggota yang terkilan dengan keputusan Lembaga Pengarah Sekatarakyat	
21	16	Meluluskan apa-apa perbelanjaan bagi pelantikan orang-orang yang kompeten untuk membantu Jawatankuasa Audit Dalaman	MAP 265 – MAP 266
22	17	Menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut peraturan-peraturan Laporan kursus luar negara bagi Lembaga Pengarah (Tiada)	

PERUTUSAN



**PERUTUSAN
PENGURUSI EKSEKUTIF
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamu'alaikum wbt,

Pertama sekali, saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah swt atas limpah kurnia-Nya, Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat) telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan 2022.

Buku laporan ini adalah dokumentasi yang memaparkan pencapaian keseluruhan Sekatarakyat sepanjang tahun 2022 dengan pelbagai aktiviti dilaksanakan dengan jayanya meskipun dunia masih berhadapan dengan situasi mencabar akibat penularan pandemik Covid-19. Pada 1 April 2022, Malaysia telah memasuki fasa peralihan endemik. Hal ini dapat dicapai susulan kejayaan program vaksinasi Covid-19 dan sistem perkhidmatan kesihatan yang berada di tahap yang terkawal.

Berhadapan dengan pertumbuhan ekonomi yang sederhana, saya yakin potensi lanskap sektor koperasi tidak harus diabaikan dan terus relevan kepada pelbagai lapisan masyarakat. Dalam pembangunan ekonomi moden, koperasi mempunyai ekosistem tersendiri dan unik yang telah memberikan sumbangan yang signifikan terutamanya dalam membantu Kerajaan dalam menangani kos sara hidup rakyat. Hal ini adalah berkait rapat dengan matlamat sesebuah koperasi iaitu menggembelngkan sumber dan modal untuk menjalankan kegiatan yang boleh meningkatkan taraf sosioekonomi anggotanya.

Akhir kata, saya berharap supaya Sekatarakyat akan terus memberikan impak yang berkesan kepada semua anggota koperasi dalam menghayati dan menilai semula peranannya serta dijadikan sebagai asas kekuatan koperasi. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) akan terus memberikan sokongan kepada Sekatarakyat dalam menjayakan aktiviti-aktiviti yang berkepentingan anggota-anggotanya, seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Sekatarakyat yang berjaya menganjurkan Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Kali Ke-27 bagi tahun 2023 dan adalah diharapkan semoga koperasi ini akan terus berjaya dan disegani di masa akan datang.

Selamat Maju Jaya.

Wassalam.

RUSLI BIN JAAFAR



**PERUTUSAN
PEMANGKU Pengerusi Bank Rakyat**

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamu'alaikum wbt,

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kesudian Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad Sekatarakyat memberikan ruang untuk saya mencoretkan sepatah dua kata dalam Laporan Tahunan 2022 bersempena Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Kali Ke-27 bagi tahun 2023.

Sekatarakyat telah berjaya menunjukkan prestasi yang cemerlang dan memberansangkan serta terbukti apabila Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah menyenaraikan Sekatarakyat di kedudukan tangga ke-5 dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2022. Ini menggambarkan kekuatan pentadbiran yang ditunjangi oleh barisan Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat dan Pengurusan Sekatarakyat yang saling bekerjasama dan berganding bahu dengan memberikan komitmen yang tinggi dalam menerajui koperasi ini. Namun begitu, sokongan serta kerjasama yang jitu oleh semua anggota, perlu dihargai bagi memastikan kejayaan ini akan terus dinikmati bersama dengan seluruh anggota Sekatarakyat.

Menerusi perancangan yang strategik dan dinamik, saya yakin bahawa Sekatarakyat akan dapat menceburi pelaburan yang lebih berdaya saing dan menguntungkan dengan sokongan pentadbiran yang efektif dan efisien. Elemen ini amat penting agar kepercayaan anggota terhadap Sekatarakyat akan terus dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Dengan suasana yang lebih kompetitif dan mencabar pada ketika ini apabila Kerajaan telah mengumumkan fasa peralihan endemik Covid-19 yang lalu, pulangan yang tinggi bukannya penanda aras tanda kejayaan Sekatarakyat, tetapi kekuatan kewangan Koperasi dititikberatkan agar Sekatarakyat terus mengembangkan sayap perniagaannya dengan lebih berjaya di masa hadapan.

Akhir kata, saya mengucapkan jutaan tahniah kepada Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat dan Pengurusan Sekatarakyat di atas komitmen tinggi yang ditunjukkan dalam menggalas tanggungjawab dan amanah anggota serta semoga terus kekal cemerlang, insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

DATUK MOHD IRWAN MOHD MUBARAK



**PERUTUSAN
PENGURUSI SEKATARAKYAT**

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamu'alaikum wbt,

Segala puji bagi Allah SWT yang menguasai alam semesta serta selawat dan salam kepada junjungan kita, Rasulullah SAW. Bersyukurlah kita kepada-Nya kerana masih diberikan hidayah dan inayah dalam menjalankan tugas yang diamanahkan khasnya usaha untuk menyiapkan Laporan Tahunan 2022 ini.

Tahun 2022 merupakan tahun penerusan kepada kemajuan Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat) sebagai menyambut peralihan fasa endemik Covid-19 yang diumumkan oleh Kerajaan pada 1 April 2022 bagi membolehkan sektor ekonomi berkembang maju selepas hampir 2 tahun negara diselubungi dengan penularan wabak Covid-19.

Bagi merintangai cabaran di masa akan datang, Sekatarakyat bergantung kepada iltizam dan jati diri daripada para anggota, Anggota Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit Dalaman, Jawatankuasa Syariah, Pengurusan, Warga Kerja serta pihak-pihak berkepentingan.

Budaya integriti adalah sangat dituntut bagi mengurus tadbir koperasi dengan efektif agar matlamat penubuhan Sekatarakat iaitu "meningkatkan kepentingan ekonomi anggotanya mengikut Prinsip Koperasi" dapat digapai.

Bagi memelihara kepentingan dan kebajikan semua anggota, Sekatarakyat akan terus berusaha mempertingkatkan kemudahan dan perkhidmatan ke tahap yang lebih cemerlang di masa hadapan. Justeru, saya bertekad dan menyeru rakan Anggota Lembaga Pengarah dan Pengurusan sekalian untuk terus menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan Amanah dan Jujur dengan meletakkan kepentingan Anggota-Anggota di tahap yang teratas.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat bermesyuarat kepada semua perwakilan. Saya berdoa semoga mesyuarat ini berjalan dengan penuh tertib dan teratur serta mendapat berkat daripada Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

DATUK MOHAMED ARSAD SEHAN

**GARIS PANDUAN ETIKA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN OLEH
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM)**

ETIKA MESYUARAT AGUNG

1. Perhimpunan

Anggota-anggota koperasi hendaklah berhimpun di suatu tempat pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan seperti mana dalam notis mesyuarat.

2. Bahasa Rasmi

Bahasa Rasmi bagi mesyuarat hendaklah Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, bahasa-bahasa lain dibenarkan mengikut kesesuaian.

3. Pengerusi Mesyuarat

Pengerusi mesyuarat hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang kecil.

4. Agenda Mesyuarat

Agenda mesyuarat hendaklah sebagaimana dinyatakan dalam Notis Mesyuarat.

5. Kuorum

Kuorum hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang kecil dan Peraturan-Peraturan Koperasi.

6. Minit Mesyuarat Agung yang lalu

Minit mesyuarat agung yang lalu akan diedarkan dan dibentang untuk pengesahan. Selain dari pembedahan minit, perbincangan ke atasnya tidak dibenarkan. Hanya selepas pengesahan dibuat, anggota-anggota boleh bertanya sekadar mendapat penjelasan sahaja. Perbahasan terhadapnya tidak dibenarkan.

7. Setiausaha Mesyuarat

Setiausaha atau orang yang diarahkannya hendaklah mencatat perjalanan mesyuarat. Minit Mesyuarat hendaklah disiapkan dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh mesyuarat agung diadakan.

8. Hak-hak Anggota

Anggota-anggota yang layak hadir dalam mesyuarat mempunyai hak untuk bercakap, menyuarakan pendapat, pandangan, cadangan dan mengundi atas sesuatu perkara yang dibincangkan dalam agenda mesyuarat.

9. Laporan Tahunan

(a) Laporan Tahunan yang mengandungi Laporan Lembaga dan Penyata Kewangan Teraudit akan dibentangkan untuk dibincangkan setelah minit mesyuarat agung yang lalu disahkan. Penerimaannya hendaklah di bawah syor "Telah diterima dan diluluskan".

- (b) Laporan Tahunan hendaklah diberi keutamaan daripada perkara lain. Sesuatu syor boleh dibuat terhadap mana-mana perkara dalam laporan tersebut dan ia hendaklah dibuat dengan persetujuan Pengerusi Mesyuarat.

10. Tertib Bercakap

- (a) Anggota yang ingin bercakap hendaklah bangun dan apabila diberi keizinan oleh Pengerusi, beliau hendaklah berdiri dan mengajukan ucapannya kepada Pengerusi Mesyuarat.
- (b) Apabila lebih daripada seorang anggota bangun untuk bercakap, anggota yang terdahulu hendaklah diberi keutamaan untuk bercakap. Walau bagaimanapun, keputusan terletak kepada Pengerusi mesyuarat agung.
- (c) Anggota tidak boleh bercakap lebih daripada sekali di atas sebarang usul atau pindaan yang sama kecuali (sebagai pembawa usul atau pindaan kepada usul itu) untuk menjawab. Sekiranya ada pindaan dibuat ke atas usul asal, anggota berkenaan boleh bercakap sekali lagi terhadap pindaan yang dibuat itu.
- (d) Seseorang anggota tidak boleh mengganggu anggota lain yang sedang bercakap, kecuali –
 - (i) jika hendak membuat teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat. Ketika itu anggota yang sedang bercakap hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak disampaikan untuk pengetahuan mesyuarat dan diserahkan kepada Pengerusi Mesyuarat untuk memutuskannya; atau

- (ii) jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang disampaikan oleh anggota yang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat anggota yang sedang bercakap itu mahu memberi laluan dan anggota yang hendak mencelah itu diberi izin oleh Pengerusi Mesyuarat.

- (e) Jika seseorang anggota mengganggu seorang anggota lain yang sedang bercakap semasa mesyuarat sedang berjalan atau menggunakan bahasa kasar atau biadab dan ingkar mematuhi arahan Pengerusi Mesyuarat apabila diminta menjaga tertib mesyuarat, namanya akan dicatat oleh Pengerusi Mesyuarat. Ia akan diminta meninggalkan bilik mesyuarat dan tidak akan dibenarkan masuk selagi ia tidak meminta maaf yang memuaskan dan diterima oleh Pengerusi Mesyuarat.

- (f) Jika Pengerusi Mesyuarat memberi arahan untuk bertenang, atau apa-apa arahan yang ada kaitan dengan mesyuarat, anggota yang sedang bercakap hendaklah kembali duduk dan anggota lain tidak dibenarkan bercakap sehingga Pengerusi Mesyuarat memberi kebenaran untuk meneruskan perbincangan.

11. Had Masa Bercakap

Pembawa usul atau pindaan tidak dibenarkan bercakap lebih daripada lima minit. Anggota yang membicarakan usul selepas itu tidak dibenarkan melebihi tiga (3) minit, kecuali jika dibenarkan masa tambahan oleh Pengerusi Mesyuarat. Tambahan masa yang diberi hendaklah tidak melebihi dua (2) minit.

12. Isi-isi Ucapan

- (a) Anggota hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja, dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa yang tidak ada kaitan dengan perkara yang dibincangkan itu.
- (b) Perkara-perkara yang dalam pertimbangan atau perbicaraan mahkamah tidak boleh dibincang.
- (c) Perkara-perkara yang telah diputuskan oleh mesyuarat tidak boleh dipertimbangkan semula kecuali dengan adanya usul tersendiri bagi membatalkan keputusan mesyuarat berkenaan dengan perkara itu.
- (d) Seseorang anggota tidak boleh menggunakan bahasa kasar atau biadab dan tidak boleh mengeluarkan sangkaan buruk terhadap orang lain.
- (e) Nama, kelakuan dan sifat Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong atau nama DYMM Raja-Raja Melayu atau TYT Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi mesyuarat.
- (f) Seseorang anggota yang bercakap tidak boleh menggunakan —
 - (i) perkatan-perkataan derhaka kepada negeri;
 - (ii) perkataan-perkataan yang membangkitkan perasaan melawan terhadap kerajaan yang memerintah, dan

- (iii) perkataan-perkataan yang menaikkan perasaan sakit hati dan permusuhan antara kaum dan agama di Malaysia.

- (g) Jika pada pendapat Pengerusi, bahawa apa-apa usul atau pindaan atau perbahasan yang akan dijalankan atas usul atau pindaan itu tujuannya melanggar peraturan ini, maka Pengerusi boleh menolak usul atau pindaan berkenaan itu, atau memberhentikan perbahasan itu dan memerintahkan supaya usul atau pindaan berkenaan itu tidak dibahaskan lagi.

13. Menutup Ucapan/Perbahasan

Setelah sesuatu usul dikemukakan kepada mesyuarat, seorang anggota boleh mencadangkan usul itu diputuskan. Jika pada pendapat Pengerusi, usul itu tidak bercanggah dengan mana-mana peraturan, maka usul itu boleh dikemukakan untuk diputuskan dengan serta merta. Ia hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibincang walaupun pembawa usul asal atau pindaan tidak berpeluang menjawab.

14. Usul (Motion)

- (a) Sebarang cadangan pertama di dalam satu perkara itu akan dikenali sebagai usul asal dan semua cadangan mengenai perkara yang sama dikenali sebagai pindaan.

- (b) Tiap-tiap usul atau pindaan-pindaan kepadanya hendaklah ada pencadang dan penyokongnya dan hendaklah dibentangkan secara bertulis.

- (c) Tiap-tiap usul yang hendak dimasukkan ke dalam agenda hendaklah dihantar secara bertulis kepada Setiausaha koperasi

sekurang-kurangnya **tujuh (7) hari** sebelum mesyuarat agung diadakan.

- (d) Seseorang anggota yang ingin menarik balik atau mengubah atau meminda isi-isi sesuatu usul yang dibuat olehnya boleh berbuat demikian dengan memberitahu secara bertulis berkenaannya kepada Setiausaha sebelum tarikh mesyuarat agung. Walau bagaimanapun, disyaratkan pindaan itu pada pendapat Pengerusi tidak mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam usul asal itu.
- (e) Apabila sesuatu usul itu ditarik balik selepas ianya dimasukkan dalam agenda mesyuarat agung, Pengerusi, apabila tiba masanya, mengisytiharkan dalam mesyuarat agung bahawa usul tersebut telah ditarik balik dan tidak boleh dibahas lagi.

15. Cadangan dan Sokongan

- (a) Sesuatu usul atau pindaan tidak boleh dibincangkan atau dibahas sehingga ia mendapat sokongan. Jika tiada sokongan, usul atau pindaan itu gugur dengan sendirinya.
- (b) Seseorang anggota tidak boleh mencadang atau menyokong lebih daripada sekali bagi sesuatu usul. Pencadang atau penyokong sesuatu usul atau pindaan usul tidak boleh mengemukakan (mencadang) atau menyokong pindaan lain kepada usul tersebut.

16. Pindaan

Jika sebarang pindaan dikemukakan dan disokong terhadap sesuatu usul, pindaan selanjutnya tidak boleh dibuat sehingga pindaan terdahulu itu dibatalkan. Apabila pindaan kepada usul tersebut diisytiharkan, usul yang dipinda menjadi usul asal, yang mana pindaan-pindaan selanjutnya boleh dikemukakan tertakluk kepada para 18 Etika ini.

17. Hak Menjawab

(a) Pembawa usul (termasuk pembawa pindaan yang menjadi usul asal) mempunyai hak untuk menjawab dengan syarat dia hendaklah menjawab kepada ucapan yang dibuat olehnya terdahulu. Perkara-perkara baru tidak boleh dibangkitkan. Setelah menjawab, usul hendaklah diundi dengan segera untuk mendapatkan suara majoriti anggota-anggota yang hadir.

(b) Jika usul asal telah diganti dengan pindaan, hak menjawab diberikan kepada orang yang membawa pindaan.

18. Usul Tergempar

Sebarang usul yang tidak dimasukkan ke dalam agenda mesyuarat agung tidak boleh dikemukakan dalam mesyuarat untuk dibahas.

19. Pengundian

(a) Semua perkara hendaklah diputuskan dengan kelebihan undi kecuali perkara-perkara berkaitan dengan Pindaan Undang-undang Kecil. Jika undi sama banyak, perkara yang dibincangkan disifatkan kalah. Pengerusi tiada undi pemutus.

- (b) Pengerusi mesyuarat tidak boleh mengundi berkenaan sebarang perkara mengenai dirinya.

20. Adab Anggota Tidak Bercakap

Masa mesyuarat sedang berjalan —

- (i) Anggota hendaklah masuk ke dewan atau keluar daripada dewan atau membawa diri dalam dewan dengan tertib adab;
- (ii) Seseorang anggota tidak boleh melintas ruangan tengah dewan tanpa apa-apa urusan;
- (iii) Anggota-anggota tidak boleh membaca surat-surat khabar, buku-buku, surat-surat atau lain-lain kecuali dengan perkara-perkara yang ada kaitan dengan perkara yang dibahas; dan
- (iv) Masa seseorang anggota bercakap, anggota lain hendaklah diam dan tidak mengganggu.

21. Kuasa Pengerusi Mesyuarat dan Tertib Dalam Mesyuarat

- (a) Bila anggota-anggota ditegur oleh pengerusi berkenaan dengan peraturan mesyuarat atau bangun semasa perbahasan berjalan, mana-mana anggota yang sedang bercakap atau yang hendak bercakap, hendaklah duduk dan Mesyuarat hendaklah diam supaya percakapan Pengerusi dapat didengar dan tidak terganggu.
- (b) Adalah menjadi tanggungjawab Pengerusi memastikan supaya etika mesyuarat ini dipatuhi dan keputusannya mengenai apa-apa

perkara peraturan mesyuarat tidak boleh diminta ditimbangkan semula.

- (c) Pengerusi setelah menarik perhatian mesyuarat kepada kelakuan seseorang anggota yang degil dengan menyebutkan perkara-perkara yang tidak kena mengenai dengan perkara mesyuarat boleh memerintahkan dia berhenti bercakap.
- (d) Pengerusi hendaklah memerintahkan mana-mana anggota yang berkelakuan tidak baik keluar dengan serta merta daripada mesyuarat.
- (e) Anggota yang diperintahkan keluar menurut perenggan 21(d), dengan serta merta hendaklah keluar dari dewan mesyuarat dan tidak dibenarkan masuk hingga habis mesyuarat.
- (f) Jika sesuatu perkara berbangkit mengenai prosedur, maka proses pengundian untuk membuat keputusan adalah tidak diperlukan. Adalah memadai dengan keputusan pengerusi sahaja. Sekiranya perkara yang dibincangkan melibatkan perkara hakiki (substantive) maka keputusan hendaklah dibuat secara pengundian.
- (g) Jika mesyuarat agung membincangkan sesuatu perkara yang melibatkan kepentingan pengerusi, maka mesyuarat hendaklah dipengerusikan oleh seorang yang lain sehingga keputusan telah dibuat. Dalam hal ini prinsip "Natural Justice" hendaklah terpakai.
- (h) Pengerusi hendaklah menasihatkan anggota yang hadir dalam mesyuarat supaya sentiasa berada di dalam dewan mesyuarat sepanjang mesyuarat diadakan bagi memastikan kuorum mesyuarat adalah mencukupi pada setiap masa.

- (i) Jika berlaku kekacauan besar dan luar jangka dalam mesyuarat, Pengerusi boleh, jika pandangannya wajar, menangguhkan mesyuarat tanpa perlu meminta keputusan mesyuarat selama yang ditetapkan olehnya.

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE DUA PULUH TUJUH (KE-27)

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

KKBR / Notis / MAP / Kali Ke-27 - 2023

9 Februari 2023

Kepada :

ANGGOTA-ANGGOTA PERWAKILAN SEKATARAKYAT

Assalamualaikum wbt,
Tuan / Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE DUA PULUH TUJUH (MESYUARAT AGUNG KALI KE EMPAT PULUH)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan, **Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat) Kali Ke Dua Puluh Tujuh (Ke-27)** akan diadakan pada seperti butiran yang berikut :-

Tarikh : 18 Mac 2023 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Balai Tan Sri Sheikh Ahmad
Tingkat 3, Menara 1, MKBR
No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral
50470 Kuala Lumpur

AGENDA MESYUARAT

1. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan yang terdahulu dan mana-mana Mesyuarat Agung Khas yang berselang.
2. Menimbang laporan-laporan Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalam dan Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) mengenai akaun-akaun teraudit dan laporan Lembaga koperasi.
3. Menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit koperasi berdaftar dan subsidiari-subsidiari, jika ada, bersama dengan laporan juruaudit.
4. Memilih Anggota-Anggota Lembaga.
5. Menimbang dan meluluskan Belanjawan Tahunan bagi tahun kewangan 2023.
6. Meluluskan elaun-elaun kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam dan saraan kepada Anggota Lembaga yang dilantik sebagai Pengarah Subsidiari atau subsidiari-subsidiari koperasi itu jika ada.
7. Meluluskan pelantikan suatu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua (2) firma audit untuk mengaudit akaun-akaun.
8. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan koperasi.
9. Menetapkan had maksimum keterhutangan koperasi.


KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

10. Melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang anggota atau perwakilan dan empat (4) orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan.
11. Menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan.
12. Mengisytihar atau menerbitkan syer-syer bonus.
13. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa urusan lain koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari telah diberikan.
14. Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-Undang Kecil Koperasi.
15. Mendengar dan memutuskan apa-apa aduan, yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari telah diberikan kepada koperasi berdaftar itu, yang dikemukakan oleh anggota yang terkilan dengan sesuatu keputusan Lembaga.
16. Meluluskan apa-apa perbelanjaan bagi pelantikan Orang-Orang Kompeten untuk membantu Jawatankuasa Audit Dalaman.
17. Menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut Peraturan-Peraturan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Bp : KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD


.....
HASRUL LIZA SHAH RUDIN
Setiausaha Kehormat
mhb/neag/army/hlsr

NOTA :

Sekiranya tuan / puan mempunyai sebarang usul yang hendak dikemukakan bagi kelulusan Mesyuarat Agung, sila kemukakan dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan secara emel atau faks kepada Sekatarakyat seperti butiran yang berikut :-

Emel : sekata@sekatarakyat.com.my
: rozaman@sekatarakyat.com.my / (Ahmad Rozaman Mohd Yusoff)
: elina@sekatarakyat.com.my / (Nor Elina Ab Ghani)
: hafiz@sekatarakyat.com.my / (Mohd Hafiz Bukhari)
: faizul@sekatarakyat.com.my / (Mohammad Faizul Md Yunus)
: amirah.jaafar@sekatarakyat.com.my / (Noor Amirah Ja'afar)
: aqilah@sekatarakyat.com.my / (Nur Aqilah Aziz)

No. Telefon : 03-2273 3314 / 03-2273 3315 / 03-2273 3609
No. Faks : 03-2274 1314

PERKARA 1

MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE DUA PULUH ENAM (KE-26) PADA 5 MAC 2022

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD



KKBR / Pengesahan Minit MAP Ke-26 / SKM WP – 2022

4 April 2022

Encik Jaafar Ahmad
Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan
Aras 1, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan
Off Jalan Semantan, Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur



Assalamualaikum wbt,
Tuan,

PENYERAHAN PENGESAHAN & MINIT MAP KALI KE-26/2022

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Seperti yang sedia maklum, Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat) telah mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Kali Ke-26 pada 5 Mac 2022 (Sabtu) yang lalu secara Hybrid di Pusat Penyiaran (Balai Tan Sri Sheikh Ahmad, Tingkat 2A, Menara 2, MKBR, No. 33, Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur) dan "Zoom Meeting".

Bersama ini, disertakan Minit MAP Kali Ke-26/2022 yang telah disahkan oleh Jawatankuasa Menentukan Deraf Minit MAP Sekatarakyat Kali Ke-26 untuk makluman dan perhatian tuan selanjutnya.

Untuk makluman, Jawatankuasa Menentukan Deraf Minit MAP Sekatarakyat Kali Ke-26/2022 terdiri daripada :-

BIL	NAMA	NO. ANGGOTA	JAWATAN	NO. KAWASAN
1	Datuk Mohamed Arsad Sehan	530	Pengerusi	ALP
2	Hasrul Liza Shah Rudin	1291	Setiausaha Kehormat	ALP
3	Dato' Mustafha Abd Razak	2203	Bendahari Kehormat	ALP
4	Mohamad Sabri Mohamed Nor	753	Pengarah	ALP
5	Mohd Khuzaini Ab Ghani	1815	Pengerusi Mesyuarat (semasa mesyuarat)	1
6	Mohd Shaifuddin Abdullah	2013	Anggota Perwakilan	1
7	Nor Laily Nor Anuar	1756	Anggota Perwakilan	1
8	Suhaimi Omar	2023	Anggota Perwakilan	1
9	Suhaimi Che Omar	2192	Anggota Perwakilan	1
10	Ismat Nazrul Mat Isa	4161	Anggota Perwakilan	2

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD (4958)

Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur. No. Tel: 03-22733314, 22733315
Bah. Insuran: 03-22733609 No. Faks: 03-22741314 E-mail: sekata@sekatarakyat.com.my

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

Sekiranya tuan mempunyai sebarang pertanyaan, bolehlah berhubung dengan Encik Mohd Hafiz Bukhari (Eksekutif) di talian **012-3591404** untuk keterangan lebih lanjut.

Kerjasama dan perhatian tuan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,


.....
AHMAD ROZAMAN MOHD YUSOFF
Pengurus Besar
mhb/neag/army

S.k : Anis Syahira Azhar
Penolong Pengarah – Nasional F
SKM WP

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD SEKATARAKYAT 4958

MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE-26/2022

Tarikh : 05 Mac 2022 (Sabtu)

Tempat : Hybrid

Pusat Penyiaran
Balai Tan Sri Sheikh Ahmad
Tingkat 3, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat
No. 33, Jalan Rakyat
50470 Kuala Lumpur

&

Zoom Meeting

Masa : 9.36 pagi – 11.55 tengah hari

Kehadiran : 172 orang Anggota Perwakilan
(Lampiran 1)



PERMULAAN MESYUARAT

Pelantikan Pengerusi Mesyuarat dan Pencatat Minit

Sebelum mesyuarat dimulakan, Datuk Mohamed Arsad Sehan selaku Pengerusi Sekatarakyat memaklumkan kehadiran adalah mencukupi korum untuk meneruskan MAP 2022 dan seterusnya memperkenalkan barisan Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat, Jawatankuasa Audit Dalaman, Jawatankuasa Syariah, kru teknikal ANGKASA, dan pasukan kerja Sekatarakyat yang bertugas.

Pengerusi Sekatarakyat memaklumkan, mesyuarat kali ini merupakan kali kedua diadakan secara *hybrid* iaitu sebahagian berada di pusat penyiaran dan selebihnya berada di lokasi masing-masing dengan menggunakan aplikasi *Zoom Meeting*. Oleh yang demikian, etika dan tatacara yang diedarkan perlu dipatuhi bagi melancarkan perjalanan mesyuarat sehingga tamat.

Pengerusi Sekatarakyat menyatakan komitmen Sekatarakyat untuk sentiasa meningkatkan manfaat kepada anggota-anggotanya melalui penyediaan jenis-jenis perkhidmatan kepada anggota termasuk perkhidmatan penyimpanan wang.

Pengerusi Sekatarakyat turut memaklumkan Sekatarakyat akan mewujudkan produk Deposit Anggota; selama ini, yuran merupakan cara anggota menyimpan wang.

Deposit Anggota menggunakan konsep yang sama seperti yuran tetapi sedikit berbeza iaitu keuntungan dibayar sebelum pembahagian berkanun dan anggota dapat menikmati pulangan yang lebih besar. Ini selaras dengan prinsip koperasi iaitu meningkatkan taraf ekonomi anggota-anggotanya.

Pengerusi Sekatarakyat turut menjelaskan mengikut format perakaunan yang ditetapkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, deposit bukan di bawah akaun modal. Akta Koperasi di bawah seksyen 50 menyatakan Deposit Anggota merupakan sebahagian Kumpulan Wang Koperasi. Oleh itu, kewujudan Deposit Anggota akan menyebabkan modal Sekatarakyat kelihatan kecil di bawah format perakaunan. Oleh sebab itu, kedudukan Sekatarakyat dalam Indeks Koperasi Terbaik di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia mungkin terjejas. Walaubagaimanapun, Sekatarakyat memilih untuk meningkatkan manfaat anggota berbanding tempat dalam Indeks Koperasi Terbaik Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Hasil penglibatan Sekatarakyat dalam beberapa projek usahasama membangunkan kilang dan perumahan dengan PTT Synergy Berhad, Goodmode Sdn. Bhd. dan IRMA Worlwide serta pembelian blok-blok komersial milik MRCB, aset Sekatarakyat dijangka bertambah menjangkau RM1 bilion dalam tahun 2022.

Pengerusi Sekatarakyat menambah cara bagi menghasilkan pendapatan untuk manfaat anggota adalah melalui aktiviti-aktiviti yang digunakan oleh anggota. Oleh itu, adalah amat penting untuk Sekatarakyat mencari aktiviti-aktiviti yang kompetitif.

Sekatarakyat telah memperluaskan perniagaan dan perkhidmatan dengan menawarkan perkhidmatan sewaan apartment, sewaan bilik mesyuarat/persidangan, farmasi dan restoran makanan barat Kenny Rogers Roaster di Cameron Highlands.

Pengerusi Sekatarakyat memaklumkan, sehingga 31 Disember 2021, Sekatarakyat mempunyai seramai 127 orang warga kerja dari pelbagai latar belakang dan tahap pendidikan dan kemahiran. Selain itu, beliau bersyukur Sekatarakyat berjaya menjadi majikan yang baik dengan menyediakan gaji dan imbuhan lain yang menarik.

Pada masa hadapan, Sekatarakyat perlu mencari peluang-peluang baru bagi memastikan matlamat Sekatarakyat menghasilkan manfaat kepada anggota tercapai dan terus bertindak sebagai majikan yang baik tercapai dan dalam masa yang sama tidak menceburi bidang yang berisiko tinggi.

Pengerusi Sekatarakyat turut memaklumkan Sekatarakyat bakal menyambut Jubli Emas (50 tahun) pada 23 September 2024 dan beberapa aktiviti yang telah dan akan dirangka bagi tujuan sambutan tersebut.

Bagi melancarkan perjalanan mesyuarat, Lembaga Pengarah mencadangkan supaya Tn. Hj. Md. Khuzaini Ab. Ghani (1815) dari Kawasan 1 dilantik sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke-26. En. Zakaria Abdul Majid (1236) dari Kawasan 128 mencadangkan agar cadangan melantik Tn. Hj. Md. Khuzaini Ab. Ghani (1815) dari Kawasan 1 sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke-26 disokong. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.

Mesyuarat juga sebulat suara bersetuju dengan cadangan Pengerusi Sekatarakyat, Datuk Mohamed Arsad Sehan (530) untuk melantik Pengurus Sekatarakyat, Pn. Nor Elina Ab Ghani sebagai pencatat minit.

Pengerusi Sekatarakyat, Datuk Mohamed Arsad Sehan (530) seterusnya menjemput Tn. Hj. Md. Khuzaini Ab. Ghani mempengerusikan Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-26.

Tn. Hj. Md. Khuzaini Ab. Ghani dari Kawasan 1 mengucapkan terima kasih atas pelantikan tersebut dan menyatakan akan menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan memohon agar semua perwakilan dapat bersama-sama dari mula ke akhir dengan penuh tertib dan bertanggungjawab. Sekiranya anggota perwakilan ada persoalan atau hendak memberikan sebarang pendapat/cadangan, beliau juga mengingatkan perwakilan perlulah mengikut tatacara seperti yang termaktub dalam Etika dan Tatacara iaitu perlu klik ikon "raise hand" dan perlu mendapat keizinan daripada pengerusi mesyuarat sebelum mula bercakap.

- | | | |
|----------------|------------|---|
| PERKARA | 1.0 | MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE-25 |
| | 1.1 | Pengerusi Sekatarakyat, Datuk Mohamed Arsad Sehan membentangkan minit mesyuarat agung perwakilan yang lalu yang terdapat dalam buku mesyuarat dari muka surat MAP23 hingga MAP46. Minit tersebut telah ditentukan oleh jawatankuasa yang telah dilantik oleh mesyuarat agung perwakilan yang lalu. |
| | 1.2 | Pn. Hamsiah Untong (2857) daripada Kawasan 58 mencadangkan minit mesyuarat agung perwakilan kali ke-25 diterima dan disahkan. En. Mohamad Rosli Bin Md Ali (4108) dari Kawasan 1 menyokong cadangan tersebut. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini. |
| PERKARA | 2.0 | MENIMBANG LAPORAN-LAPORAN LEMBAGA, JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN & SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA ATAS AKAUN-AKAUN TERAUDIT DAN LAPORAN LEMBAGA KOPERASI |
| | 2.1 | Pengerusi Sekatarakyat membentangkan laporan Lembaga Pengarah bagi tahun 2021, Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2021, dan pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atas akaun-akaun teraudit bagi tahun 2021 seperti yang tertera dalam buku laporan tahunan di muka surat MAP49 hingga MAP112. |

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

Perkara	Kandungan	Mukasurat
2	Menimbang laporan-laporan Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalam dan Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atas akaun-akaun teraudit dan Laporan Lembaga Koperasi	
	1) Laporan Lembaga Pengarah	MAP 49 – MAP 58
	a) Profil Anggota Lembaga Pengarah	MAP 60 – MAP 69
	b) Tugas dan Tanggungjawab Anggota Lembaga Pengarah	MAP 70 – MAP 71
	c) Senarai Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah dalam tahun 2021	MAP 72
	d) Senarai Mesyuarat Portfolio Lembaga Pengarah dalam tahun 2021	MAP 73 – MAP 75
	e) Laporan Mesyuarat, Perbincangan & Lawatan Rasmi Anggota Lembaga Pengarah Sepanjang Tahun 2021	MAP 76
	f) Laporan Lawatan Rasmi Hartanah Milik Sekatarakyat oleh Anggota Lembaga Pengarah Sepanjang Tahun 2021	MAP 77
	g) Laporan butir-butir perbelanjaan Lembaga dan bayaran kepada pihak individu Lembaga Pengarah Sekatarakyat dalam tahun 2021	MAP 78
	h) Senarai Lembaga Pengarah menghadiri kursus/seminar/persidangan dalam tahun 2021	MAP 79
	i) Perancangan Jangka Masa Hadapan Sekatarakyat	MAP 80 – MAP 81
	j) Polisi Integriti	MAP 82
	k) Laporan Jawatankuasa Pencalonan	MAP 84 – MAP 85
	l) Laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko	MAP 87 – MAP 89
	m) Laporan Jawatankuasa Disiplin	MAP 91
	n) Laporan Jawatankuasa Pelaburan	MAP 93 – MAP 94
	o) Laporan Jawatankuasa Imbuhan	MAP 96 – MAP 97
	p) Laporan Jawatankuasa Syariah	MAP 99 – MAP 102
	2) Laporan Jawatankuasa Audit Dalam 2021	MAP 105 – MAP 108
	3) Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia atas akaun teraudit pada 31 Disember 2021	MAP 110 – MAP 112

2.2 En. Zakaria Abdul Majid (1236) dari Kawasan 128 mencadangkan Perkara 2 seperti yang terdapat dalam buku laporan mesyuarat diterima dan cadangan beliau disokong oleh Tn. Hj. Pahmi

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

Samsudin (3636) dari Kawasan 102. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.

PERKARA 3.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN-AKAUN TERAUDIT KOPERASI BERDAFTAR DAN SUBSIDIARI ATAU SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA, JIKA ADA, BERSAMA-SAMA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT.

- 3.1 Pengerusi Sekatarakyat membentangkan serba sedikit berkenaan akaun-akaun teraudit bagi tahun 2021 yang telah diaudit oleh juruaudit luar iaitu Tetuan UHY sebelum menyerahkannya kepada Bendahari Kehormat Sekatarakyat iaitu Dato' Mustafha Abd. Razak untuk penerangan selanjutnya.
- 3.2 Bendahari Kehormat, Dato' Mustafha Abd. Razak (2203) memberikan penerangan lanjut tentang akaun-akaun teraudit bagi tahun 2021 dan Laporan Juruaudit Koperasi seperti yang dinyatakan di muka surat MAP115 hingga MAP185 untuk diluluskan oleh mesyuarat seperti yang berikut:-

a) Penyata Pendapatan – Pendapatan

PENDAPATAN	2018	2019	2020	2021	Beza Tahun 2021 vs 2020	
	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000	
Pendapatan pembiayaan anggota	30.93	32.31	33.34	31.55	↑	1.79
Pendapatan Ar-Rahnu	9.26	10.72	14.80	18.76	↓	-3.96
Pendapatan kafeteria dan kedai serbaneka	3.03	2.76	2.29	1.80	↑	0.49
Pendapatan pembersihan pejabat	4.84	4.88	3.69	3.18	↑	0.51
Pendapatan sewaan	2.60	2.25	2.13	1.98	↑	0.15
Pendapatan sewa Sekata Apartment	-	0.56	0.63	0.57	↑	0.06
Pendapatan aktiviti takaful	0.01	0.06	0.19	0.07	↑	0.12
Pendapatan Hibah dan aktiviti pelaburan	1.18	0.77	0.81	1.10	↓	-0.29
Pendapatan Taska Nuri	0.66	0.70	0.50	0.37	↑	0.13
Pendapatan projek usaha sama	1.64	4.86	0.25	-	↑	0.25
Pendapatan Sekata Makmur	-	-	-	0.29	↓	-0.29
Jualan barangan SBP & EPP	0.31	0.38	0.16	0.11	↑	0.05
Lain-lain pendapatan	0.50	0.25	0.44	0.05	↑	0.39
Pemulihan hapuskira hutang lapuk	0.79	1.18	1.18	1.00	↑	0.18
Jumlah pendapatan	55.75	61.68	60.41	60.83	↓	-0.42

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

b) Penyata Pendapatan – Kos Jualan

KOS JUALAN	2018	2019	2020	2021	Beza Tahun 2021 vs 2020
	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000
Kos pembiayaan	15.50	16.77	18.16	9.72	-8.44
Kos aktiviti Ar-Rahnu	1.69	1.11	1.35	7.69	6.34
Kos aktiviti kafetaria dan kedai serbaneka	2.03	2.15	1.48	1.41	-0.07
Kos pembersihan pejabat	4.82	4.57	3.38	3.01	-0.37
Kos aktiviti sewa	0.11	1.00	1.07	1.04	-0.03
Kos aktiviti sewa Sekata Apartment	-	0.07	0.30	0.26	-0.04
Kos aktiviti Taska Nuri	0.19	0.09	0.07	0.04	-0.03
Kos penghantaran barang	0.01	-	-	-	0.00
Kos Jualan barangan SBP & EPP	0.26	0.35	0.16	0.07	-0.09
Kos pemulihan hapuskira hutang lapuk	-	0.11	0.10	0.18	0.08
Lain-lain kos jualan	-	0.63	0.25	0.24	-0.01
Jumlah kos jualan	24.61	26.85	26.32	23.66	2.66

c) Penyata Pendapatan – Perbelanjaan Am


PERBELANJAAN AM	2018	2019	2020	2021	Beza Tahun 2021 vs 2020
	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000
Belanja penyelenggaraan	0.97	1.07	1.44	1.82	0.38
Gaji dan perbelanjaan kakitangan	4.37	4.91	6.14	6.81	0.67
Perbelanjaan ahli lembaga dan jawatankuasa	0.07	0.09	0.10	0.25	0.15
Perbelanjaan kewangan	-	0.27	0.26	0.39	0.13
Perbelanjaan pejabat dan utiliti	1.79	0.88	0.96	0.78	-0.18
Perbelanjaan sewa	0.82	0.73	0.83	1.04	0.21
Perbelanjaan lain berkaitan operasi	0.07	0.22	0.25	0.84	0.59
Perbelanjaan hari raya	0.50	0.51	0.80	0.84	0.04
Susutnilai aset	1.13	0.04	0.72	0.83	0.11
Yuran audit luar	0.03	0.14	0.04	0.05	0.01
Yuran profesional	0.57	1.54	0.69	0.24	-0.45
Hapuskira Hutang Lapuk	-	1.21	1.96	-	-1.96
Pelbagai perbelanjaan	0.11	0.06	0.09	-	-0.09
Peruntukan Am	-	-	0.45	-	-0.45
ibra'	2.85	3.54	3.63	3.54	-0.09
Jumlah perbelanjaan	13.28	15.21	18.36	17.43	0.93

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

d) Penyata Pendapatan – Perbelanjaan Kakitangan

PERBELANJAAN KAKITANGAN	2019	2020	2021	Beza Tahun 2021 vs 2020
	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000
Belanja Sumber Manusia				
Gaji Pokok	2.21	3.02	3.04	↑ 0.02
Bayaran Bonus	1.22	1.39	1.63	↑ 0.24
Elaun Sara Hidup	0.16	0.18	0.19	↑ 0.01
Elaun lebih masa	0.37	0.29	0.24	↓ -0.05
Elaun tuntutan perjalanan	0.13	0.14	0.05	↓ -0.09
Elaun-elaun lain	0.16	0.18	0.82	↑ 0.64
KWSP	0.34	0.61	0.66	↑ 0.05
PERKESO	0.05	0.06	0.06	↑ 0.00
SIP Majikan	0.01	0.01	0.01	↑ 0.00
Belanja Kebajikan kakitangan	0.15	0.21	0.00	↓ -0.21
Subsidi perumahan & bayaran perubatan	0.05	0.04	0.05	↑ 0.01
Kursus dan latihan	0.06	0.02	0.06	↑ 0.04
Jumlah Perbelanjaan Kakitangan	4.91	6.15	6.81	↑ 0.66


e) Penyata Pendapatan – Untung Bersih Sebelum Pembahagian



KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

f) Penyata Kedudukan Kewangan – Aset

PERKARA/TAHUN	2017	2018	2019	2020	2021	Beza Tahun 2021 vs 2020
	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000
Pembiayaan Anggota	264.20	302.40	354.30	349.10	326.30	↓ -22.80
Pembiayaan Ar-Rahnu	70.00	67.50	84.10	163.40	203.47	↑ 40.07
Aset Lain	100.60	135.20	150.10	102.40	127.43	↓ 25.03
JUMLAH	434.8	505.1	588.5	614.9	657.2	↑ 42.30



KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

g) Penyata Kedudukan Kewangan – Kumpulan Wang Anggota & Liabiliti



h) Penyata Pembahagian Keuntungan – Keuntungan Yang Boleh Dibahagikan

PERKARA/TAHUN	2017	2018	2019	2020	2021
	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000
Keuntungan yang boleh dibahagikan	17.06	17.86	19.63	15.78	20.79
Pembahagian berkanun	2.51	2.68	2.94	1.26	1.66
Dividen anggota	12.16	13.32	15.02	11.89	15.78
Honararium Lembaga Pengarah	0.13	0.13	0.13	0.13	-
Tabung Khairat anggota	0.26	0.28	0.31	0.27	0.37
Tabung persaraan kakitangan	0.26	0.28	-	-	0.37
Peruntukan cukai tahun semasa	1.47	1.08	0.91	0.88	0.60
Peruntukan zakat tahun semasa	0.23	0.03	0.27	-	0.13
Jumlah Pembahagian	17.02	17.80	19.58	14.43	18.91
% Pembahagian Keuntungan	99.77%	99.66%	99.75%	91.44%	90.96%

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

i) Akaun Pembahagian Keuntungan – Pulangan Kepada Anggota

TAHUN	2017	2018	2019	2020	2021
Tabung Khairat Anggota	256,799	281,368	310,395	271,920	368,161
Peruntukan Hari Raya	480,350	518,300	521,487	798,900	840,600
IBRA'	2,951,601	2,849,377	3,542,893	3,634,491	3,536,529
Peruntukan Dividen	9,856,534	13,322,493	15,022,743	11,858,047	15,779,418
Jumlah Peruntukan kepada Anggota	13,545,284	16,971,538	19,397,518	16,563,358	20,524,708
Keuntungan Sebelum Cukai (dipelaras)*	16,374,476	20,714,212	24,058,161	19,360,137	24,327,913
Peratusan Jumlah Peruntukan Kepada Anggota	83%	82%	81%	86%	84%

* Ibra' dicampur balik kepada keuntungan sebelum cukai

Nota:-

Baki tabung

Tabung Khairat Anggota	1,122,614	1,277,982	1,470,777	1,636,829	1,741,790
Tabung Saguhati Pendidikan Lanjutan	2,292,113	2,269,113	2,184,113	2,152,113	2,059,613

j) Akaun Pembahagian Keuntungan – Cadangan Dividen – Peratusan (%)



3.8 En. Zakaria Abdul Majid (1236) dari Kawasan 128 mencadangkan akaun-akaun teraudit Sekatarakyat bersama-sama dengan laporan juruaudit diluluskan dan cadangan beliau disokong oleh Tn. Hj. Pahmi Samsudin (3636) dari Kawasan 102. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

PERKARA 4.0 MEMILIH ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA

- 4.1 Pengerusi Mesyuarat mengingatkan perwakilan tentang tatacara pengundian yang telah diedarkan melalui emel dan medium *whatsapp*.
- 4.2 Pengerusi Sekatarakyat memaklumkan, SKM telah menentusahkan 6 orang calon yang berikut sebagai "layak dan sesuai" untuk dilantik atau dilantik semula sebagai Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat :-

BIL	NAMA CALON SAH	NO ANGGOTA	KAWASAN
1	ABDUL LIDZAM BIN MUHAMAD ALIAS	1138	Lembaga Pengarah
2	MOHD KHUZAINI BIN AB GHANI	1815	1
3	MOHD SHAIFUDDIN BIN ABDULLAH	2013	1
4	NOR LAILY BINTI NOR ANUAR	1756	1
5	ROSKHAN BIN ABDUL SHUKUR	3940	1
6	MOHD ZAILANI BIN MOHAMED NOR	1275	130

- 4.3 Pengerusi Sekatarakyat turut memperkenalkan kesemua calon dan memohon para perwakilan untuk memilih tidak lebih daripada 3 orang calon dengan membuat *klik* pada *link* yang dimuat turun pada ruang *chat zoom meeting* dan para perwakilan diberikan tempoh selama 10 minit bagi tujuan tersebut.
- 4.4 Keputusan undian dikeluarkan oleh sistem E-Undi ANGKASA dan disahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalam iaitu Tn. Hj. Nazarudin Zainal Abidin yang dibantu oleh En. Ismarazi Ismail selaku Ahli Jawatankuasa Audit Dalam.
- 4.5 Seramai 160 orang perwakilan bersamaan dengan 93% daripada jumlah perwakilan yang hadir telah mengundi dengan keputusan undian seperti yang berikut :-
- a) Abdul Lidzam Muhamad Alias (1138) - 128 undian
 - b) Mohd Shaifuddin Abdullah (2013) - 100 undian
 - c) Md. Khuzaini Ab Ghani (1815) - 99 undian
 - d) Nor Laily Nor Anuar (1756) - 63 undian
 - e) Mohd Zailani Mohamed Nor (1275) - 52 undian
 - f) Roskhan Abdul Shukur (3940) - 34 undian
5	Abdul Lidzam Muhamad Alias	Sesi Percambahan Minda 2022	14-Jan-22	16-Jan-22	Sekata Makmur	In-House	3
		MSWG Webinar on Cyber Security : What Directors Need to Know	8-Jun-22		Zoom	Minority Shareholders Watch Group (MSWG)	
		Pengurusan Strategik (Wajib III)	26-Jul-22	27-Jul-22	Shervinton Executive Boutique Hotel, Tawau	IKMa, Zon Sabah	
6	Mohd Salleh Mahmood	Sesi Percambahan Minda 2022	14-Jan-22	16-Jan-22	Sekata Makmur	In-House	2
		Pengurusan Strategik (Wajib III)	26-Jul-22	27-Jul-22	Shervinton Executive Boutique Hotel, Tawau	IKMa, Zon Sabah	
8	Mohamad Sabri Mohamed Nor	Sesi Percambahan Minda 2022	14-Jan-22	16-Jan-22	Sekata Makmur	In-House	1
7	Mohd Khuzaini Ab Ghani	-	-	-	-		-
9	Mohd Shaifuddin Abdullah	Governance in Audit Conference 2022 – Auditing in This New Governance Era	6-Sep-22		DoubleTree by Hilton Kuala Lumpur Hotel	The Institute of Internal Auditors Malaysia & Malaysian Institute of Corporate Governance	1
8	Mohamad Thuairi Mohamad Tayeb	Sesi Percambahan Minda 2022	14-Jan-22	16-Jan-22	Sekata Makmur	In-House	1
9	Azlan Alias	Sesi Percambahan Minda 2022	14-Jan-22	16-Jan-22	Sekata Makmur	In-House	1

PERANCANGAN JANGKA MASA HADAPAN SEKATARAKYAT

Sekatarakyat amat mementingkan perihal anggota-anggotanya sepanjang masa. Sekatarakyat mahu memberikan pulangan yang terbaik kepada anggota dengan melipat gandakan usaha dalam mencapai sasaran yang ditetapkan. Sekatarakyat menyediakan kemudahan-kemudahan yang berkualiti kepada anggotanya di samping memastikan kebajikan setiap anggota sentiasa terpelihara dan diutamakan.

Walaubagaimanapun, Sekatarakyat beranggapan sekiranya operasi hanya melibatkan perniagaan sedia ada, maka potensi untuk memberikan pulangan keuntungan dan hibah deposit anggota yang diinginkan amat rendah di samping peluang untuk menambah pendapatan Sekatarakyat terjejas.

Sepanjang tahun 2022, Lembaga Pengarah telah meluluskan beberapa cadangan perniagaan baru yang sedang dijalankan dalam tahun 2023 seperti yang berikut:

1. Usaha sama Pembangunan Projek Perumahan Salak Tinggi, Sepang, Selangor.
2. Usaha sama Pembangunan Projek Perumahan Mantin, Negeri Sembilan.
3. Usaha sama Pembangunan Projek Perindustrian Elmina, Shah Alam, Selangor.
4. Usaha sama Pembangunan Projek Perindustrian Pontian, Pontian, Johor.
5. Usaha sama Pembangunan Projek Perumahan Villa Bukit Negeri, Seremban, Negeri Sembilan.
6. Pembelian dan Penyewaan Bangunan Vivo @ 9 Seputeh, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur.

Bagi tahun 2023, Anggota Lembaga Pengarah dan Pengurusan telah menggariskan beberapa cadangan aktiviti perniagaan dalam bidang hartanah, perkhidmatan dan lain-lain yang bersesuaian dengan tujuan untuk meningkatkan pulangan kepada Sekatarakyat untuk diagihkan kepada anggota. Dalam pada itu, Sekatarakyat terus berusaha memfokuskan aktiviti-aktiviti perniagaan sedia ada supaya lebih berdaya saing.

Setiap aktiviti-aktiviti perniagaan ini turut mengambilkira pelbagai aspek termasuklah “kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman” (SWOT) dan kepatuhan Syariah agar setiap perancangan yang dilaksanakan dapat dicapai dengan jayanya.

Melalui pembentukan Jawatankuasa-Jawatankuasa mengikut Garis Panduan (GP) daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Sekatarakyat sentiasa mengkaji isu-isu kritikal yang berlaku sepanjang operasi perniagaan dijalankan. Kajian juga dilaksanakan terhadap risiko-risiko jika Sekatarakyat menceburi sesuatu bidang yang baru. Kajian tersebut amat penting bagi memastikan kelancaran perjalanan projek baru memberi impak yang baik bagi mengelakkan kerugian di masa akan datang di samping kekal mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

Jawatankuasa-Jawatankuasa yang telah dibentuk mengikut GP SKM adalah seperti butiran yang berikut :-

BIL	JAWATANKUASA	GARIS PANDUAN (GP)	ANGGOTA JAWATANKUASA
1	Jawatankuasa Pelaburan	GP10	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Dato' Mustafha Abd Razak ✓ Tn Hj Mohd Khuzaini Ab Ghani ✓ Tn Hj Mohd Shaifuddin Abdullah ✓ En Ahmad Rozaman Mohd Yusoff
2	Jawatankuasa Disiplin	GP13	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Tn Hj Saliman Zainal ✓ Tn Hj Mohd Salleh Mahmood ✓ Tn Hj Mohd Khuzaini Ab Ghani
3	Jawatankuasa Audit Dalam	GP27	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Tn Hj Nazaruddin Zainal Abidin ✓ Encik Ismarazi Ismail ✓ Tn Hj Mohd Arief Azree Tun Arifin
4	Jawatankuasa Syariah	GP27	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Ustaz Mohd Mawerdi Sairi ✓ Dr. Mohd Aizam Mas'od ✓ Dr. Ahmad Zainuddin Abdullah
5	Jawatankuasa Pengurusan Risiko	GP27	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Datuk Mohamed Arsad Sehan ✓ Tn Hj Mohd Salleh Mahmood ✓ Tn Hj Mohamad Sabri Mohamed Nor ✓ Tn Hj Saliman Zainal ✓ En Ahmad Rozaman Mohd Yusoff
6	Jawatankuasa Pencalonan	GP27	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pn Hasrul Liza Shah Rudin ✓ Tn Hj Abdul Lidzam Muhamad Alias ✓ Tn Hj Mohd Khuzaini Ab Ghani ✓ Tn Hj Mohd Shaifuddin Abdullah
7	Jawatankuasa Imbuhan	-	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pn Hasrul Liza Shah Rudin ✓ Dato' Mustafha Abd Razak ✓ Tn Hj Abdul Lidzam Muhamad Alias ✓ Tn Hj Mohd Shaifuddin Abdullah

POLISI INTEGRITI

Polisi Integriti yang telah dikuatkuasakan pada 18 Jun 2019 dibahagikan kepada tiga (3) bahagian utama iaitu Asas, Komponen-Komponen Utama dan Kaedah Pelaksanaan Umum.

Asas Polisi Integriti Sekatarakyat ialah Hukum Syarak, Undang-undang Negara Malaysia dan prinsip serta amalan terbaik antarabangsa yang tidak bertentangan dengan Hukum Syarak. Perkara-perkara yang mesti diamalkan dibawah polisi ini adalah perkara-perkara yang diwajibkan oleh Hukum Syarak dan Undang-undang Negara. Antaranya ialah amanah, menunaikan janji, menghormati hak orang lain, berlaku adil, berkata benar, berlaku jujur, membayar cukai dan zakat dan membayar hutang.

Perkara-perkara yang dilarang di bawah polisi ini adalah perkara-perkara yang ditegah oleh Hukum Syarak dan Undang-undang Negara. Antaranya ialah rasuah, riba, pecah amanah, menipu, menindas, sengaja melambat-lambatkan membayar hutang, mungkir janji, berbohong, mengambil harta orang lain dengan cara yang batil dan memeras ugut.

Objektif polisi ini dibangunkan adalah untuk memastikan setiap amalan Sekatarakyat sentiasa ditahap integriti yang tinggi menerusi pernyataan yang jelas tentang dasar, kaedah dan garis panduan yang diperlukan.

Skop Polisi ini berkuatkuasa atas individu-individu seperti butiran berikut:

1. Anggota-anggota Sekatarakyat
2. Anggota-anggota Lembaga Pengarah
3. Jawatankuasa Audit Dalaman
4. Jawatankuasa Syariah
5. Jawatankuasa-jawatankuasa lain yang ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah
6. Wargakerja Sekatarakyat
7. Pihak-pihak yang berkepentingan dengan Sekatarakyat secara langsung atau tidak langsung

Sehingga kini, komponen yang telah diwujudkan ialah Sistem Integriti Korporat (CIS) yang terdiri daripada Whistleblowing dan Polisi Pemberian dan Penerimaan Hadiah.

Komponen-komponen lain seperti Integriti Perniagaan, Rasuah, Sistem Pengurusan Anti Rasuah, Pengurusan Risiko Penipuan dan Penggubahan Wang Haram sedang disediakan secara berperingkat.

**LAPORAN JAWATANKUASA
PENCALONAN
SEKATARAKYAT SESI 2022 /
2023**

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(SEKATARAKYAT)
TINGKAT 2A, MENARA2
MENARA KEMBAR BANK RAKYAT
NO. 33, JALAN RAKYAT, KL SENTRAL
50470 KUALA LUMPUR

JAWATANKUASA PENCALONAN

1. Jawatankuasa Pencalonan Sekatarakyat terdiri daripada 4 orang Anggota Lembaga Pengarah seperti yang berikut :
 - i. Datuk Mohamed Arsad Sehan - Pengerusi
 - ii. Dato' Mustafha Abd Razak - Anggota Jawatankuasa
 - iii. Puan Hasrul Liza Shah Rudin - Anggota Jawatankuasa
 - iv. Tuan Haji Mohamad Sabri Mohamed Nor - Anggota Jawatankuasa

2. Walaubagaimanapun, terdapat perubahan anggota bagi Jawatankuasa Pencalonan Sekatarakyat pada 22 Disember 2022 seperti yang berikut :
 - i. Hasrul Liza Shah Rudin - Pengerusi
 - ii. Tuan Haji Abdul Lidzam Muhamad Alias - Anggota Jawatankuasa
 - iii. Tuan Haji Saliman Zainal - Anggota Jawatankuasa
 - iv. Tuan Haji Mohd Khuzaini Ab Ghani - Anggota Jawatankuasa

3. Peranan / Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Pencalonan
 - i. Mewujudkan keperluan minimum untuk Anggota Lembaga Pengarah (ALP) mengenai keperluan pelbagai kemahiran, pengalaman, kelayakan dan kompetensi utama bagi Ketua Pegawai Eksekutif (KPE). Kelulusannya daripada Lembaga Pengarah.
 - ii. Menyarankan dan membuat penilaian ke atas ALP, anggota jawatankuasa dan calon KPE termasuk penilaian terhadap pencalonan semula ALP.
 - iii. Mewujudkan satu mekanisme tindakan disiplin kepada KPE, Pengurusan Kanan dan kakitangan sekiranya didapati tidak efektif, cuai dan salah laku dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.
 - iv. Memastikan semua ALP menerima program latihan yang bersesuaian secara berterusan.
 - v. Mengawasi pelantikan, pelan penggantian pengurusan dan penilaian prestasi KPE atau pihak pengurusan kanan.

4. Kekerapan dan kehadiran mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan
 - i. 28 Disember 2022 - Mesyuarat Penentusahan Pencalonan Lembaga Pengarah 2023/2024.
 - ii. 11 Januari 2023 - Mesyuarat Penentusahan Dokumen Pencalonan Lembaga Pengarah 2023/2024.

5. Tugas Jawatankuasa Pencalonan dalam tahun 2022
 - Menyemak dan mengesahkan borang pencalonan Lembaga Pengarah yang diterima daripada perwakilan.
 - Menyemak dan mengesahkan dokumen pencalonan Lembaga Pengarah lengkap diisi untuk dihantar ke Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

6. Rumusan

Jawatankuasa Pencalonan sentiasa akan memastikan kerja-kerja penentusahan pencalonan dilakukan mengikut Garis Panduan SKM (GP3 – Garis Panduan bagi Pelantikan atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi) oleh pihak pengurusan.

**LAPORAN JAWATANKUASA
PENGURUSAN RISIKO
SEKATARAKYAT SESI
2022/2023**

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(SEKATARAKYAT)
TINGKAT 2A, MENARA 2
MENARA KEMBAR BANK RAKYAT
NO. 33, JALAN RAKYAT, KL SENTRAL
50470 KUALA LUMPUR

LAPORAN JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO SESI 2022/2023

1. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Sekatarakyat bagi sesi 2022/2023 yang telah dilantik pada 16 Disember 2020 (dibentang & diluluskan di Mesyuarat Lembaga Pengarah) dianggotai seramai lima (5) orang iaitu :-

- | | |
|--|-------------|
| a) Datuk Mohamed Arsad Sehan | - Pengerusi |
| b) Tuan Haji Mohd Salleh Mahmood | - AJK |
| c) Tuan Haji Saliman Zainal | - AJK |
| d) Tuan Haji Mohamad Sabri Mohamed Nor | - AJK |
| e) Encik Ahmad Rozaman Mohd Yusoff | - AJK |

2. Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko –

- a. Bertanggungjawab memastikan terdapat dasar pengurusan risiko yang komprehensif dan berkesan serta proses dan infrastruktur untuk mengenalpasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko yang terlibat dengan lebih berkesan.
- b. Mengkaji dan menyarankan strategi pengurusan risiko, dasar dan toleransi risiko untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
- c. Mengkaji dan menyarankan kecukupan dasar pengurusan risiko dan rangka kerja dalam mengenalpasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko dan sejauh mana keberkesanan dasar dan rangka kerja tersebut beroperasi.
- d. Memastikan infrastruktur, sumber dan sistem dibangunkan untuk pengurusan risiko serta mewujudkan proses dan amalan pengurusan risiko yang bersesuaian dengan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan mahupun yang akan dilaksanakan.
- e. Menganalisa dan membuat penyemakan yang berterusan terhadap pendekatan pengurusan risiko yang sedang dilaksanakan serta mengkaji sama ada pendekatan yang mantap dan berkesan telah diikuti dalam membangunkan pelan pengurusan risiko yang strategik bagi projek-projek utama.
- f. Dengan memberi input kepada Sekatarakyat mengenai risiko yang mungkin supaya Sekatarakyat dapat meminimumkan risiko tersebut.
- g. Mengkaji laporan pengurusan berkala ke atas pendedahan risiko, komposisi portfolio risiko dan aktiviti pengurusan risiko serta mengemukakan cadangan balas kepada Lembaga Pengarah untuk tindakan susulan.
- h. Mengkaji dan menyarankan strategi peningkatan reputasi dan imej koperasi.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

3. Mesyuarat-mesyuarat yang telah dijalankan sepanjang tahun 2022/2023 adalah seperti yang berikut :-
- a. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kali Pertama/2022
Tarikh : 20 Januari 2022 (Khamis)
 - b. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kali Ke-2 /2022
Tarikh : 5 Ogos 2022 (Jumaat)
4. Kursus-kursus yang dihadiri JPR melalui Sekatarakyat/ Bank Rakyat/ Kursus Luar adalah seperti yang berikut :-
- Datuk Mohamed Arsad Sehan
 - (a) Sesi Percambahan Minda Sekatarakyat 2022
14 – 16 Januari 2022 / Sekata Makmur
 - (b) MSWG Webinar on Cyber Security : What Directors Need to Know
8 Jun 2022 / Zoom
 - (c) Governance in Audit Conference 2022 – Auditing in This New Governance Era
6 September 2022 / DoubleTree by Hilton Kuala Lumpur Hotel
 - Tuan Haji Mohd Salleh Mahmood
 - (a) Sesi Percambahan Minda Sekatarakyat 2022
14 – 16 Januari 2022 / Sekata Makmur
 - (b) Pengurusan Strategik (Wajib III)
26 & 27 Julai 2022 / Shervinton Executive Boutique Hotel, Tawau
 - Tuan Haji Saliman Zainal
 - (a) Sesi Percambahan Minda Sekatarakyat 2022
14 – 16 Januari 2022 / Sekata Makmur
 - (b) Governance in Audit Conference 2022 – Auditing in This New Governance Era
6 September 2022 / DoubleTree by Hilton Kuala Lumpur Hotel
 - (c) Pengurusan Strategik (Wajib III)
11 & 12 Oktober 2022 / IKMa, Petaling Jaya
 - Tuan Haji Mohamad Sabri Mohamed Nor
Sesi Percambahan Minda Sekatarakyat 2022
14 – 16 Januari 2022 / Sekata Makmur
 - Encik Ahmad Rozaman Mohd Yusoff
 - (a) Sesi Percambahan Minda 2022
 - (b) Mesyuarat Kaedah Pengurusan Wang Tunai
 - (c) Mesyuarat Team Penyediaan Buku Laporan Tahunan MAP
 - (d) Mesyuarat Pengurusan Strategik & Succession Planning
 - (e) Mesyuarat Kajian Penularan Wabak Covid-19 Warga Kerja
 - (f) Ceramah Bulanan
 - (g) Kursus Induksi 2022
 - (h) How To Identify Good Industrial Properties

- (i) Cyber Security : What Directors Need To Know starts in 1 day
- (j) Governance In Audit Conference

5. Hasil semakan dan perbandingan bagi sesi 2022 / 2023 adalah seperti yang berikut:-

- a) Kami telah meneliti dan menetapkan risiko setiap unit perniagaan yang telah dijalankan di Sekatarakyat.
- b) Selain itu, kami telah meneliti dan menetapkan tahap risiko bagi projek pelaburan yang akan diceburi oleh sekatarakyat.
- c) Kami juga telah meneliti dan menambahbaik Laporan Penilaian Risiko daripada pengurusan berdasarkan pandangan / komen Anggota Jawatankuasa Pengurusan Risiko.
- d) Secara rumusan, tahap risiko bagi setiap aktiviti perniagaan dan projek pelaburan yang bakal diceburi oleh Sekatarakyat berada di tahap yang rendah.

**LAPORAN JAWATANKUASA
DISIPLIN SEKATARAKYAT
SESI 2022/2023**

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(SEKATARAKYAT)
TINGKAT 2A, MENARA 2
MENARA KEMBAR BANK RAKYAT
NO. 33, JALAN RAKYAT, KL SENTRAL
50470 KUALA LUMPUR

LAPORAN JAWATANKUASA DISIPLIN SESI 2022/2023

1. Jawatankuasa Disiplin Sekatarakyat bagi sesi 2022/2023 yang telah dilantik dianggotai seramai tiga (3) orang iaitu :-

- a) **Tuan Haji Saliman Zainal** - **Pengerusi**
- b) **Tuan Haji Mohd Salleh Mahmood** - **AJK**
- c) **Tuan Haji Mohd Khuzaini Ab Ghani** - **AJK**

2. Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Disiplin –

- a) Memastikan perkara-perkara berkaitan dengan disiplin calon Lembaga Pengarah (LP) dalam tempoh pencalonan sehingga hari pengundian mengikut kehendak perundangan koperasi.
- b) Menerima, mengkaji, mendengar dan memutuskan aduan-aduan terhadap calon LP.
- c) Mewakillikan apa-apa tanggungjawab dan tugasnya kepada mana-mana orang yang difikirkan perlu tertakluk kepada terma dan syarat atau sekatan yang ditentukan.
- d) Bertanggungjawab terhadap disiplin kakitangan dan menentukan jenis tindakan yang akan diambil terhadap kakitangan.

3. Mesyuarat-mesyuarat yang telah dijalankan sepanjang tahun 2022/2023 adalah seperti yang berikut :-

BIL MESYUARAT	PERKARA	TARIKH	HARI	BILANGAN KEHADIRAN
Bil 01/2022	Mesyuarat Pertama	18 Ogos 2022	Khamis	3/3

4. Kursus/Seminar/Taklimat/Persidangan yang dihadiri jawatankuasa melalui Sekatarakyat / Bank Rakyat / Kursus Luar adalah seperti yang berikut :-

- Tuan Haji Saliman Zainal
 - (a) Sesi Percambahan Minda Sekatarakyat 2022
14 – 16 Januari 2022 / Sekata Makmur
 - (b) Governance in Audit Conference 2022 – Auditing in This New Governance Era
6 September 2022 / DoubleTree by Hilton Kuala Lumpur Hotel
 - (c) Pengurusan Strategik (Wajib III)
11 & 12 Oktober 2022 / IKMa, Petaling Jaya
- Tuan Haji Mohd Salleh Mahmood
 - (a) Sesi Percambahan Minda Sekatarakyat 2022
14 – 16 Januari 2022 / Sekata Makmur
 - (b) Pengurusan Strategik (Wajib III)
26 & 27 Julai 2022 / Shervinton Executive Boutique Hotel, Tawau

- Tuan Haji Mohd Khuzaini Ab Ghani
 - (a) 6TH Cambridge Islamic Finance Leadership Program
7 – 12 Ogos 2022
 - (b) Customer Experience (CX) Week – Industrial Knowledge
15 September 2022
 - (c) Domestic Inquiry Training
26 – 27 Oktober 2022
 - (d) Anti Bribery Management System
10 November 2022
 - (e) Sales Transformation Strategy
17 – 17 November 2022
 - (f) Hari Kesedaran Fraud dan Integriti
14 Disember 2022

5. Hasil semakan dan perbandingan :-

- **Pembentangan Laporan Kes Penipuan Slip Gaji & Penerimaan Imbuhan Daripada Anggota – 18 Ogos 2022**

**LAPORAN JAWATANKUASA
PELABURAN
SEKATARAKYAT SESI
2022/2023**

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(SEKATARAKYAT)
TINGKAT 2A, MENARA 2
MENARA KEMBAR BANK RAKYAT
NO. 33, JALAN RAKYAT, KL SENTRAL
50470 KUALA LUMPUR

LAPORAN JAWATANKUASA PELABURAN SESI 2022/2023

1. Jawatankuasa Pelaburan Sekatarakyat bagi sesi 2022/2023 yang telah dilantik pada 22 Mac 2022 (dibentang & diluluskan di Mesyuarat Lembaga Pengarah) dianggotai seramai empat (4) orang iaitu :-

- | | | |
|---------------------------------------|---|-----------|
| a) Dato' Mustafha Abd Razak | - | Pengerusi |
| b) Tuan Haji Mohd Khuzaini Ab Ghani | - | AJK |
| c) Tuan Haji Mohd Shaifuddin Abdullah | - | AJK |
| d) Encik Ahmad Rozaman Mohd Yusoff | - | AJK |

2. Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Pelaburan –

- Memilih strategi bersesuaian untuk mencapai prestasi yang baik menurut dasar pelaburan.
- Memastikan supaya strategi berkenaan dipilih dengan cekap dan dilaksanakan dengan berkesan.
- Mencadangkan kadar pulangan yang munasabah ke atas dana yang dilaburkan.
- Memastikan pendapatan yang optimum diperolehi daripada pelaburan dengan pendedahan risiko yang sewajarnya.

3. Mesyuarat-mesyuarat yang telah dijalankan sepanjang tahun 2022/2023 adalah seperti yang berikut :-

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan Kali Pertama / 2022
Tarikh : 10 Januari 2022 (Isnin)

4. Kursus-kursus yang dihadiri Jawatankuasa Pelaburan melalui Sekatarakyat/ Bank Rakyat/ Kursus Luar adalah seperti yang berikut :-

- Dato' Mustafha Abd Razak
 - Sesi Percambahan Minda Sekatarakyat 2022
14 – 16 Januari 2022 / Sekata Makmur
 - MSWG Webinar on Cyber Security : What Directors Need to Know
8 Jun 2022 / Zoom
 - Governance in Audit Conference 2022 – Auditing in This New Governance Era
6 September 2022 / DoubleTree by Hilton Kuala Lumpur Hotel
- Tuan Haji Mohd Khuzaini Ab Ghani
 - 6TH Cambridge Islamic Finance Leadership Program
7 – 12 Ogos 2022
 - Customer Experience (CX) Week – Industrial Knowledge
15 September 2022
 - Domestic Inquiry Training
26 – 27 Oktober 2022
 - Anti Bribery Management System
10 November 2022

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

- (e) Sales Transformation Strategy
16 – 17 November 2022
 - (f) Hari Kesedaran Fraud dan Integriti
14 Disember 2022
 - Tuan Haji Mohd Shaifuddin Abdullah
Governance in Audit Conference 2022 – Auditing in This New
Governance Era
6 September 2022 / DoubleTree by Hilton Kuala Lumpur Hotel
 - Encik Ahmad Rozaman Mohd Yusoff
 - (a) Sesi Percambahan Minda 2022
 - (b) Mesyuarat Kaedah Pengurusan Wang Tunai
 - (c) Mesyuarat Team Penyediaan Buku Laporan Tahunan MAP
 - (d) Mesyuarat Pengurusan Strategik & Succession Planning
 - (e) Mesyuarat Kajian Penularan Wabak Covid-19 Warga Kerja
 - (f) Ceramah Bulanan
 - (g) Kursus Induksi 2022
 - (h) How To Identify Good Industrial Properties
 - (i) Cyber Security : What Directors Need To Know starts in 1 day
 - (j) Governance In Audit Conference
5. Hasil semakan dan perbandingan bagi sesi 2022 / 2023 adalah seperti yang berikut:-
- a) Kami telah meneliti serta memberi pandangan berkenaan projek pelaburan yang akan diceburi oleh Sekatarakyat.
 - b) Kami juga telah meneliti dan memberikan pandangan berkenaan cadangan pembelian dan penyewaan semula bangunan MRCB di Vivo @Seputeh, Jalan Klang Lama.

**LAPORAN JAWATANKUASA
IMBUHAN SEKATARAKYAT
SESI 2022/2023**

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(SEKATARAKYAT)
TINGKAT 2A, MENARA 2
MENARA KEMBAR BANK RAKYAT
NO. 33, JALAN RAKYAT, KL SENTRAL
50470 KUALA LUMPUR

LAPORAN JAWATANKUASA IMBUHAN SESI 2022/2023

1. Jawatankuasa Imbuan Sekatarakyat bagi sesi 2022/2023 yang telah dilantik pada 22 Mac 2022 (dibentang & diluluskan di Mesyuarat Lembaga Pengarah) dianggotai seramai empat (4) orang iaitu :-

- | | |
|---|-------------|
| a) Dato' Mustafha Abd Razak | - Pengerusi |
| b) Puan Hasrul Liza Shah Rudin | - AJK |
| c) Tuan Haji Abdul Lidzam Muhamad Alias | - AJK |
| d) Tuan Haji Mohd Shaifuddin Abdullah | - AJK |

2. Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Imbuan –

- a) Membangunkan dasar dan rangka kerja pakej imbuan dan elaun secara formal dan telus bagi Anggota Lembaga pengarah, Jawatankuasa, Ketua Pegawai Eksekutif (KPE), dan Pengurusan yang lain.
- b) Jumlah imbuan yang akan diberikan hendaklah dinyatakan dalam belanjawan tahunan secara terperinci mengikut kategori dan jenis elaun yang ditetapkan. Perkara berikut perlu diambilkira dalam penyediaan dasar dan pekej imbuan adalah seperti yang berikut :-
 - i) Objektif dan hala tuju koperasi.
 - ii) Perbandingan imbuan dengan industri lain.
 - iii) Prestasi koperasi itu.
 - iv) Skala imbuan hendaklah meliputi skop dasar perniagaan umum dan tidak hanya berasaskan kepada pencapaian jangka masa pendek.
- c) Dasar mengenai imbuan kepada Jawatankuasa dan Pengurusan hendaklah menarik untuk mengekalkan Jawatankuasa dan Pengurusan yang berkaliber. Walaubagaimanapun, ia hendaklah tidak keterlaluan sehingga menjejaskan perniagaan koperasi.
- d) Bertanggungjawab menyemak dan mengesyorkan struktur imbuan.

3. Mesyuarat-mesyuarat yang telah dijalankan sepanjang tahun 2022/2023 adalah seperti yang berikut :-

- a) Mesyuarat Jawatankuasa Imbuan Kali Pertama/2022
11 April 2022 (Isnin)
- b) Mesyuarat Jawatankuasa Imbuan Kali Ke-2/2022
3 Ogos 2022 (Rabu)
- c) Mesyuarat Jawatankuasa Imbuan Kali Ke-3/2022
11 November 2022 (Jumaat)

4. Kursus-kursus yang dihadiri Jawatankuasa Imbuan melalui Sekatarakyat/ Bank Rakyat/ Kursus Luar adalah seperti yang berikut :-

- Dato' Mustafha Abd Razak
 - (a) Sesi Percambahan Minda Sekatarakyat 2022
14 – 16 Januari 2022 / Sekata Makmur
 - (b) MSWG Webinar on Cyber Security : What Directors Need to Know
8 Jun 2022 / Zoom

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

(c) Governance in Audit Conference 2022 – Auditing in This New Governance Era
6 September 2022 / DoubleTree by Hilton Kuala Lumpur Hotel

- Puan Hasrul Liza Shah Rudin
 - (a) Sesi Percambahan Minda Sekatarakyat 2022
14 – 16 Januari 2022 / Sekata Makmur
 - (b) Pengurusan Strategik (Wajib III)
26 & 27 Julai 2022 / Shervinton Executive Boutique Hotel, Tawau

- Tuan Haji Abdul Lidzam Muhamad Alias
 - (a) Sesi Percambahan Minda Sekatarakyat 2022
14 – 16 Januari 2022 / Sekata Makmur
 - (b) MSWG Webinar on Cyber Security : What Directors Need to Know
8 Jun 2022 / Zoom
 - (c) Pengurusan Strategik (Wajib III)
26 & 27 Julai 2022 / Shervinton Executive Boutique Hotel, Tawau

- Tuan Haji Mohd Shaifuddin Abdullah
 - Governance in Audit Conference 2022 – Auditing in This New Governance Era
6 September 2022 / DoubleTree by Hilton Kuala Lumpur Hotel

5. Hasil semakan dan perbandingan :-

- a) Kami juga telah memeriksa dokumen-dokumen berkaitan Cadangan Bonus 2021 dan Kenaikan Gaji 2022 adalah benar dan tepat.
- b) Sehubungan dengan itu, kami berpuashati di atas cadangan yang dikemukakan oleh Pengurusan serta tindakan daripada pihak Pengurusan selaras mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) Sekatarakyat dan Garis Panduan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).
- c) Kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan sepanjang kami mengadakan mesyuarat dan perbincangan dengan pihak Pengurusan di Ibu Pejabat Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat), Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat No.33 Jalan Rakyat 50470 Kuala Lumpur.

**LAPORAN JAWATANKUASA
SYARIAH SEKATARAKYAT
SESI 2022 / 2023**

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(SEKATARAKYAT)
TINGKAT 2A, MENARA2
MENARA KEMBAR BANK RAKYAT
NO. 33, JALAN RAKYAT, KL SENTRAL

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH SESI 2022 / 2023

1. Komposisi Jawatankuasa Syariah

- Jawatankuasa Syariah Sekatarakyat bagi sesi 2022 / 2023 terdiri seramai tiga (3) orang ahli jawatankuasa seperti yang berikut:

i. Ustaz Mohd Mawerdi Sairi	-	Pengerusi
ii. Dr. Ahmad Zainudin Abdullah	-	Ahli Jawatankuasa
iii. Dr. Mohd Aizam Mas'od	-	Ahli Jawatankuasa

2. Pelantikan baru / pelantikan semula sebagai Jawatankuasa Syariah bagi sesi 2022/2023.

- Tiada.

3. Peranan / Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Syariah

a. Tanggungjawab dan Akauntabiliti

Bertanggungjawab terhadap semua keputusan dan pandangan Syariah yang telah disediakan.

b. Menasihati Lembaga Pengarah dan Pengurusan

- i. Dengan memberi input kepada Sekatarakyat mengenai perkara Syariah supaya Sekatarakyat mematuhi prinsip Syariah pada setiap masa.
- ii. Memberi nasihat dan kelulusan kepada Sekatarakyat berhubung dengan pengiraan, pembayaran dan pengagihan zakat.

c. Memperakukan Dasar dan Prosedur Syariah

Memperakukan dasar dan prosedur dalam semua perkara yang disediakan oleh Sekatarakyat dan memastikan kandungannya tidak mempunyai sebarang unsur yang tidak selaras dengan Syariah.

d. Memperakukan dan Mengesahkan Dokumen Berkaitan

Bagi memastikan produk Sekatarakyat mematuhi prinsip Syariah, jawatankuasa akan memperakukan dan mengesahkan terma dan syarat yang terkandung dalam borang, kontrak, perjanjian atau dokumentasi perundangan lain yang digunakan dalam pelaksanaan urusan niaga.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

- e. Membantu Pihak Berkaitan mengenai Hal Ehwal Syariah
- i. Menilai kerja yang dijalankan mengikut semakan dan audit Syariah bagi memastikan prinsip Syariah dipatuhi.
 - ii. Jawatankuasa Syariah Sekatarakyat yang ditubuhkan boleh memberi khidmat nasihat kepada pihak-pihak yang berkaitan dengan Sekatarakyat seperti peguam, juruaudit, perunding dan lain-lain.
- f. Nasihat mengenai perkara untuk dirujuk kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
- i. Menasihati Sekatarakyat untuk merujuk/berunding dengan SKM mengenai perkara Syariah yang tidak dapat diselesaikan.
 - ii. SKM pula akan membawa perkara tersebut kepada mana-mana badan kuasa tertinggi bagi mendapatkan penjelasan dan keputusan muktamad, sekiranya perlu.
- g. Menyediakan Pendapat Syariah Bertulis

Menyediakan pendapat Syariah secara bertulis dalam keadaan di mana Sekatarakyat merujuk kepada SKM untuk perbincangan selanjutnya bersama-sama badan berkuasa tertinggi atau di mana terdapat persoalan berkenaan produk koperasi oleh Suruhajaya.

4. Kekerapan dan kehadiran mesyuarat Jawatankuasa Syariah

- a. Bagi tahun 2022 / 2023, tarikh mesyuarat diadakan seperti yang berikut:
- i. Mesyuarat JKS Pertama - 30 Mac 2022 (Rabu)
 - ii. Mesyuarat JKS Kali Ke-2 - 7 April 2022 (Khamis)
 - iii. Mesyuarat JKS Kali Ke-3 - 21 Jun 2022 (Selasa)
 - iv. Mesyuarat JKS Kali Ke-4 - 29 Julai 2022 (Jumaat)
 - v. Mesyuarat JKS Kali Ke-5 - 20 Oktober 2022 (Khamis)
 - vi. Mesyuarat JKS Kali Ke-6 - 28 Oktober 2022 (Jumaat)
 - vii. Mesyuarat JKS Kali Ke-7 - 6 Disember 2022 (Selasa)
 - viii. Mesyuarat JKS Kali Ke-8 - 10 Februari 2023 (Jumaat)
- b. Kekerapan kehadiran mesyuarat bagi sesi Jawatankuasa Syariah untuk tahun 2022 / 2023 adalah seperti yang berikut:

BIL	NAMA	KEHADIRAN MESYUARAT
1	Ustaz Mohd Mawerdi Sairi	8/8
2	Dr. Ahmad Zainudin Abdullah	8/8
3	Dr. Mohd Aizam Mas'od	8/8

5. Tugas Jawatankuasa Syariah bagi Sesi 2022 / 2023

- Bagi Sesi 2022 / 2023, Jawatankuasa Syariah Sekatarakyat melaksanakan tugas-tugas bagi perkara-perkara berikut:
 - i. Mengemukakan pandangan berkenaan konsep Syariah yang terlibat bagi pelaksanaan Deposit Anggota.
 - ii. Pandangan berkenaan borang pelaksanaan Deposit Anggota.
 - iii. Mengemukakan pandangan dari segi konsep dan isu-isu syariah yang berkaitan dengan cadangan seperti yang berikut:
 - 1. Cadangan Pelaburan Projek Perumahan Salak Tinggi, Sepang, Selangor
 - 2. Cadangan Pelaburan Projek Perumahan Mantin, Negeri Sembilan
 - 3. Cadangan Pelaburan Projek Industri di Kota Elmina, Shah Alam, Selangor
 - 4. Cadangan Pelaburan Projek Industri di Tropicana Industrial Park, Pontian, Johor
 - 5. Cadangan Pembelian dan Penyewaan Semula Bangunan Oleh Pihak MRCB bertempat di Jalan Klang Lama
 - iv. Mengemukakan pandangan berkenaan Parameter Syariah ke atas bangunan Sekatarakyat yang menyediakan khidmat penginapan dan perhotelan.
 - v. Mengemukakan pandangan berkenaan penyajian makanan tidak halal bagi pelanggan di Sekata Makmur.
 - vi. Mengemukakan pandangan berkenaan tawaran pakej di Sekata Makmur.
 - vii. Mengemukakan pandangan berkenaan iklan pertandingan mencipta logo.
 - viii. Mengemukakan pandangan terhadap produk deposit-i Akaun Deposit Koperasi di Coop Bank Pertama.
 - ix. Mengemukakan pandangan berkenaan penerimaan Logo Jubli Emas dan Logo S.
 - x. Mengemukakan pandangan berkenaan semakan dan penilaian syariah terhadap Sekatarakyat daripada pihak Bank Rakyat.
 - xi. Menyediakan laporan Jawatankuasa bagi sesi 2022 / 2023.

6. Kursus yang dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa Syariah melalui Sekatarakyat / Bank Rakyat / Kursus Luar adalah seperti yang berikut :-

- Ustaz Mohd Mawardi Sairi
 - (a) International Shariah Scholars Roundtable (iSHAR)
 - (b) Identification of Shariah Non-Compliance Risk And Reporting Process
 - (c) 17th Kuala Lumpur Islamic Finance Forum 2022 KLIIF
 - (d) 5th Islamic Fintech Dialogue 2022
- Dr. Ahmad Zainudin Abdullah
 - Evaluation Social Program – MIT Online Course

- Dr. Mohd Aizam Mas'od
 - (a) Bengkel Halatuju dan Pelan Strategik Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Hal Ehwal Agama)
 - (b) Bengkel Pengurusan Hal Ehwal Parlimen
 - (c) Lawatan Kerja Pentadbiran Ehwal Islam dan Pengurusan Haji ke Arab Saudi Bersama Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama)

7. Rumusan

Kami telah meneliti prinsip dan kontrak yang berkaitan dengan transaksi dan aplikasi yang diperkenalkan oleh Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad bagi tempoh berakhir 31 Disember 2022. Kami juga telah melaksanakan kajian untuk memberi pandangan sama ada Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad telah mematuhi prinsip Syariah, keputusan dan resolusi Syariah yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berautoriti dan juga keputusan Syariah yang ditetapkan oleh kami.

Pengurusan Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad bertanggungjawab untuk memastikan bahawa koperasi telah menjalankan perniagaan mengikut prinsip Syariah. Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk menyediakan suatu pandangan yang bebas, berdasarkan kajian kami ke atas operasi Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad.

Kami telah merancang dan melaksanakan penyemakan untuk memperoleh segala maklumat dan penjelasan yang dianggap perlu bagi membolehkan kami memperoleh bukti-bukti yang mencukupi untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad tidak melanggar prinsip-prinsip Syariah.

Berdasarkan semua maklumat yang dimajukan kepada kami dan penerangan daripada pihak pengurusan Sekatarakyat, pada pendapat kami:

1. Kontrak, transaksi dan urusan yang dilakukan oleh Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 yang telah kami semak adalah mematuhi prinsip Syariah;
2. Peruntukan keuntungan dan caj kerugian berkaitan akaun pelaburan mematuhi asas yang telah diluluskan oleh kami mengikut prinsip Syariah; dan
3. Pengiraan zakat adalah selaras dengan prinsip Syariah.

Kami, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad, dengan ini mengesahkan bahawa operasi Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah dijalankan selaras dengan prinsip Syariah.

PERKARA 2

2. LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN 2022

**LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN
SEKATARAKYAT SESI 2022/2023**

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD (SEKATARAKYAT)
Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SESI 2022/2023

1. Jawatankuasa Audit Dalam Sekatarakyat bagi sesi 2022/2023 yang telah mengikut tempoh dari 5 Mac 2022 hingga 4 Mac 2023 dianggotai seramai tiga (3) orang iaitu :-

- | | |
|---------------------------------------|-------------------|
| a) Tuan Haji Nazaruddin Zainal Abidin | – Pengerusi (854) |
| b) Encik Ismarazi Ismail | – AJK (4020) |
| c) Encik Mohd Arief Azree Tun Arifin | – AJK (4515) |

2. Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Audit Dalam -

Mengikut **Garis Panduan 4 Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)**, tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit Dalam adalah seperti yang berikut :-

Perkara 8 : Seseorang JAD yang dilantik hendaklah sama ada :

- a. arif dalam bidang kewangan semasa pelantikannya iaitu mempunyai kefahaman asas tentang kewangan dan perakaunan serta berkebolehan membaca dan memahami asas penyata kewangan termasuklah akaun perdagangan dan akaun untung rugi, akaun pembahagian, kunci kira-kira dan apa-apa penyata yang ditentukan oleh Suruhanjaya; atau
- b. berjanji untuk menimba pengetahuan dalam bidang kewangan dalam tempoh masa enam bulan selepas pelantikan sebagai JAD.

Perkara 9 : Walau apa pun yang dinyatakan di para 8, bagi koperasi yang mempunyai pusingan perniagaan tidak melebihi RM200,000.00 setahun, sekurang-kurangnya seorang JAD yang dilantik hendaklah memenuhi kehendak di bawah para 8(a) atau para 8(b) garis panduan ini.

Perkara 10 : Melainkan koperasi keluarga, JAD yang dilantik hendaklah tidak mempunyai hubungan saudara dengan mana-mana anggota Lembaga.

Perkara 12 : Bagi menjalankan tanggungjawabnya, JAD menurut subperaturan 23(1) dan (2) Peraturan-Peraturan Koperasi 2008 mempunyai kuasa :-

- a. memeriksa segala rekod perakaunan dan rekod lain yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan koperasi dan subsidiarinya, jika ada, bagi memastikan hal-ehwal koperasi dijalankan mengikut matlamat penubuhan, undang-undang kecil serta keputusan mesyuarat agung.
- b. menghendaki mana-mana orang mengemukakan atau menyerahkan apa-apa maklumat atau buku, akaun dan dokumen yang berkaitan.

Perkara 13 : JAD bertanggungjawab untuk :-

- a. memastikan pihak Pengurusan mempunyai dan mematuhi dasar dan prosedur mengenai kawalan dalaman;

- b. meluluskan rancangan kerja audit dalaman berasaskan kewajaran skop dan risiko;
- c. memantau pelaksanaan syor yang dibuat melalui audit tahunan oleh juruaudit luar, juruaudit dalam dan pandangan Suruhanjaya;
- d. menyasiat perkara-perkara yang diarahkan oleh Lembaga;
- e. memaklumkan Lembaga apa-apa ketakselarasan yang berlaku dalam Pengurusan koperasi dengan serta-merta;
- f. menyemak laporan Audit Dalaman bagi membolehkannya memberi nasihat dan cadangan yang wajar kepada Lembaga mengenai Pengurusan dan hal-ehwal koperasi termasuk pelanggaran terhadap Akta, Peraturan atau Undang-undang Kecil;
- g. mengadakan mesyuarat, sekurang-kurangnya sekali dalam tiga bulan;
- h. mengemukakan laporan bertulis kepada Lembaga dan Suruhanjaya sekurang-kurangnya dua kali setahun; dan
- i. mengkaji dan memaklumkan kepada Lembaga apa-apa transaksi yang meragukan.

Perkara 14 : Bagi koperasi yang mempunyai unit audit dalaman atau mana-mana orang yang menjalankan fungsi audit dalaman, JAD perlu memastikan mereka melaksanakan tanggungjawab berikut:

- a. mengemukakan rancangan kerja audit dalaman berasaskan kewajaran skop dan risiko;
- b. mengkaji integriti proses dan struktur kawalan dalaman koperasi;
- c. menyemak pelaksanaan kuasa dan kesahan bagi segala aktiviti koperasi seperti kuasa melulus pinjaman dan perbelanjaan;
- d. memeriksa akaun-akaun koperasi pada lat-lat masa yang tetap dan tidak boleh kurang daripada sekali dalam tempoh tiga bulan; dan
- e. mengemukakan kepada JAD laporan mengenai Pengurusan dan hal-ehwal koperasi termasuk pematuhan terhadap Akta, Peraturan atau Undang-undang Kecil.

Perkara 15 : Walau apapun peruntukan di para 14, sekiranya koperasi tidak mempunyai unit audit dalaman atau mana-mana orang yang menjalankan fungsi audit dalaman, JAD hendaklah melaksanakan fungsi-fungsi yang dinyatakan di atas.

Perkara 16 : Walaubagaimanapun, koperasi hendaklah mengambil langkah-langkah bagi mewujudkan fungsi audit dalaman yang berasingan daripada JAD.

Perkara 17 : JAD atau mana-mana orang yang menjalankan fungsi audit dalaman yang mempunyai akses kepada maklumat yang diperolehi dalam melaksanakan tugasnya, tidak boleh menggunakan maklumat tersebut untuk kepentingan peribadi dan hendaklah dipelihara kerahsiaannya.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

3. Mesyuarat – mesyuarat yang telah dijalankan sepanjang tahun 2022/2023 adalah seperti yang berikut :-

BIL MESYUARAT	PERKARA	TARIKH	HARI	BILANGAN KEHADIRAN
Bil 01/2022	Mesyuarat JAD Pertama	11 Mei 2022	Rabu	3/3
Bil 02/2022	Mesyuarat JAD Ke-2	26 Ogos 2022	Jumaat	3/3
Bil 03/2022	Mesyuarat JAD Ke-3	29 September 2022	Khamis	3/3
Bil 04/2022	Mesyuarat JAD Ke-4	13 Disember 2022	Selasa	3/3

4. Laporan JAD ini dibuat berdasarkan pemerhatian yang kami jalankan atas Laporan Penemuan Audit oleh Orang Kompeten berdasarkan *Standard Operating Procedure* (SOP) untuk menilai keberkesanan Bidang Kuasa Pengurusan untuk menilai keberkesanan sistem kawalan dalaman bagi proses perniagaan seperti yang berikut berikut :-

a) Ibu Pejabat

- Pengurusan Aset Tetap di Ibu Pejabat – Hapus Kira, Susut Nilai dan Penandaan Aset Tetap

b) Ar-Rahnu X'Change (ARX)

- Pengurusan tunai / Pengurusan Dana
- Klasifikasi Laburan & Aset
- Latihan (Operasi & Giliran Kerja)

c) Kafeteria & Kedai Serbaneka

- Pengurusan tunai / Pengurusan Dana
- Klasifikasi Laburan & Aset
- Latihan (Operasi & Giliran Kerja)

5. Kerja pengauditan oleh Orang Kompeten (CWC & Company) telah dijalankan di lokasi berikut:

- a) Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad, Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, 50740 Kuala Lumpur.
- b) Medan Selera, Tingkat 5, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur
- c) Kafeteria Sekatarakyat Jalan Tangsi, Jalan Bawah, Bangunan Bank Rakyat Jalan Tangsi, Kuala Lumpur.
- d) ARX Jalan Othman, No.23, Jln Othman, PJ Old Town, 46000 Petaling Jaya, Selangor.
- e) ARX Sungai Besi, 28-54, Jalan Tasik Utama 5, Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

6. Kursus-kursus yang dihadiri JAD melalui Sekatarakyat/ Bank Rakyat/ Kursus Luar adalah seperti yang berikut :-

- Tuan Haji Nazaruddin Zainal Abidin
Tiada
- Encik Ismarazi Ismail
 - (a) Personal Data Protection Act (PDPA) 2010 (Bank Rakyat)
 - (b) Money Laundering And Terrorism Financing (Bank Rakyat)
 - (c) Kod Tatalaku & Etika Perniagaan (Bank Rakyat)
- Encik Mohd Arief Azree Tun Arifin
 - (a) Strengthening Risk Management and Embedded Risk Function (Bank Rakyat)
 - (b) Personal Data Protection Act (PDPA) 2010 (Bank Rakyat)
 - (c) Ethics in Islamic Finance (Bank Rakyat)
 - (d) Chartered Professional in Islamic Finance (Bank Rakyat)

7. Ringkasan keputusan audit mengikut keutamaan untuk pelaksanaan berdasarkan sifat penemuan yang dikategorikan oleh Orang Kompeten seperti yang berikut :-

SIFAT	Deskripsi
Kawalan (K)	Keputusan semakan, sama ada secara individu atau secara agregat, menunjukkan kelemahan dalam reka bentuk atau fungsi kawalan dalaman.
Operasi (O)	Penemuan menunjukkan keperluan untuk penambahbaikan dalam keberkesanan atau kecekapan proses perniagaan atau sistem kawalan dalaman yang berkaitan.
Peraturan/Undang-undang (P)	Penemuan mengenai isu yang berkaitan dengan pematuhan peraturan dan pematuhan kepada perundangan dan peraturan semasa.
Dokumentasi (D)	Keputusan mengenai isu yang berkaitan dengan keperluan pentadbiran dan dokumentasi proses perniagaan.

8. Hasil semakan dan perbandingan :-

- a) Cadangan daripada Orang Kompeten atas penemuan audit telah dipenuhi oleh pihak Pengurusan berdasarkan *Standard Operating Procedure* (SOP) untuk menilai keberkesanan Bidang Kuasa Pengurusan untuk menilai keberkesanan sistem kawalan dalaman bagi proses perniagaan ARX, Kafeteria & Kedai Serbaneka dan Pengurusan Aset Tetap di Ibu Pejabat. Walaubagaimanapun masih terdapat ruang-ruang yang mana boleh diperincikan dari masa ke masa agar SOP dan Pengurusan Aset di Ibu pejabat sentiasa lebih jelas dan efektif.
- b) Kami juga telah memeriksa dokumen-dokumen yang dinyatakan adalah benar dan tepat.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

- c) Buat masa yang akan datang, JAD berhasrat untuk membuat tambahan skop semakan sama ada yang akan dilaksanakan oleh Orang Kompeten dari pihak luar atau pun dikalangan anggota yang berkemahiran. Ini bagi memastikan pengendalian operasi Sekatarakyat lebih lancar.
 - d) Sehubungan dengan itu. Kami berpuashati di atas kerja-kerja pengauditan Orang Kompeten (CWC & Company) dan cadangan serta tindakan daripada pihak Pengurusan selaras mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) Sekatarakyat.
 - e) Sebarang teguran daripada Orang Kompeten (CWC & Company) telah diperjelaskan secara terperinci dan tindakan susulan lebih dilaksanakan oleh pihak Pengurusan serta-merta seperti dinyatakan dalam Laporan JAD atas 3 perkara audit yang diaudit pada tahun 2022.
 - f) Kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan sepanjang kami mengadakan mesyuarat dan perbincangan dengan pihak Pengurusan dan Orang Kompeten (CWC & Company) melalui kaedah Hybrid (Ibu Pejabat Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat), Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat No.33 Jalan Rakyat 50470 Kuala Lumpur & Zoom).
9. Diharapkan laporan ini dapat membantu Lembaga Pengarah dan Pengurusan koperasi mempertingkatkan lagi urusan harian koperasi dengan cekap dan berkesan.

Kerjasama yang diberikan oleh Sekatarakyat, kami amat hargai dan dahului dengan ucapan terima kasih.

PERKARA 2

**3. PANDANGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA ATAS AKAUN
TERAUDIT PADA 31 DISEMBER 2022**

PERKARA 3

MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN-AKAUN TERAUDIT KOPERASI BERDAFTAR DAN SUBSIDIARI ATAU SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA, JIKA ADA, BERSAMA-SAMA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT SEPERTI LAMPIRAN YANG BERIKUT :-

- 1. PEMBENTANGAN BENDAHARI KEHORMAT SEKATARAKYAT KE ATAS PENYATA KEWANGAN DIAUDIT 31 DISEMBER 2022**
- 2. PENYATA KEWANGAN DIAUDIT 31 DISEMBER 2022**
- 3. LAPORAN JURUAUDIT KOPERASI**

PERKARA 3

- 1. PEMBENTANGAN BENDAHARI KEHORMAT SEKATARAKYAT KE ATAS
PENYATA KEWANGAN DIAUDIT 31 DISEMBER 2022**

1. PENYATA PENDAPATAN -RUMUSAN

PERKARA/TAHUN	2018	2019	2020	2021	2022	Beza Tahun 2022 vs 2021
	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA
Pendapatan	55.75	61.69	60.41	60.83	79.32	↑ 18.49
Kos Jualan	24.61	26.85	26.32	23.66	32.41	↑ 8.75
Keuntungan Kasar	31.14	34.84	34.09	37.17	46.91	↑ 9.74
Perbelanjaan am	8.91	10.30	12.22	10.62	10.88	↑ 0.26
Gaji dan perbelanjaan kakitangan	4.37	4.91	6.14	6.81	9.21	↑ 2.40
Keuntungan bersih sebelum Keuntungan & Hibah Deposit Anggota, Ibra' dan Cukai	20.71	23.17	19.36	23.28	26.82	↑ 3.54
Keuntungan Deposit Anggota					18.77	↑ 18.77
Hibah Deposit Anggota					2.63	↑ 2.63
Ibra'	2.85	3.54	3.63	3.54	3.71	↑ 0.17
Keuntungan yang boleh dibahagikan	17.86	19.63	15.73	19.74	1.71	↓ -18.03

4



5

1. PENYATA PENDAPATAN- PENDAPATAN

PERKARA	2018	2019	2020	2021	2022	Beza Tahun 2022 vs 2021
	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA
Pendapatan						
Pendapatan pembiayaan anggota	30.93	32.31	33.34	31.55	29.66	-1.89
Pendapatan Ar-Rahnu	9.26	10.72	14.80	18.76	28.92	10.16
Pendapatan kafeteria dan kedai serbaneka	3.03	2.76	2.29	1.80	4.67	2.87
Pendapatan pembersihan pejabat	4.84	4.88	3.69	3.18	3.57	.39
Pendapatan sewaan	2.13	2.25	2.13	1.98	4.62	2.63
Pendapatan sewa Sekata Apartment	.47	.56	.63	.57	1.07	.50
Pendapatan aktiviti takaful	.01	.06	.19	.07	.08	.01
Pendapatan Hibah dan aktiviti pelaburan	1.18	.77	.81	1.10	.86	-.24
Pendapatan Taska Nuri	.65	.70	.50	.37	.59	.21
Jualan barangan SBP & EPP	.31	.38	.16	.11	.13	.02
Pemulihan hapuskira hutang lapuk	.79	1.18	1.18	1.00	1.88	.88
Lain-lain pendapatan	.50	.25	.44	.05	.42	.37
Projek Pembangunan	1.64	4.86	.25	.00	1.67	1.67
Pendapatan Sekata Makmur				.29	.66	.37
Pendapatan Farmasi					.23	.23
Pendapatan Kenny Rogers					.30	.30
Jumlah pendapatan	55.75	61.70	60.41	60.84	79.32	

6

1. PENYATA PENDAPATAN - KOS JUALAN

PERKARA	2018	2019	2020	2021	2022	Beza Tahun 2022 vs 2021
	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA
Kos pembiayaan	15.50	16.77	18.16	8.86	10.94	2.08
Kos aktiviti Ar-Rahnu	1.69	1.11	1.35	7.69	9.68	2.00
Kos aktiviti kafeteria dan kedai serbaneka	2.28	2.16	1.48	1.41	3.37	1.96
Kos pembersihan pejabat	4.57	4.57	3.38	3.01	3.26	.25
Kos aktiviti sewa	.00	1.00	1.08	1.91	1.59	-.32
Kos aktiviti sewa Sekata Apartment	.12	.07	.31	.26	.52	.26
Kos aktiviti Taska Nuri	.19	.09	.07	.04	.06	.03
Kos Jualan barangan SBP	.28	.35	.16	.07	.13	.06
Kos pemulihan hapuskira hutang lapuk		.11	.10	.18	.31	.13
Kos Jualan Penghantaran barang	.01					.00
Kos Jualan Air Mineral			.00			.00
Kos Kewangan Bangunan	.00					.00
Kos aktiviti projek usahasama					1.49	1.49
Kos aktiviti Sekata Makmur					.01	.01
Kos aktiviti Farmasi					.13	.13
Kos aktiviti Kenny Rogers					.17	.17
Lain-lain kos jualan		.63	.25	.23	.74	.51
Jumlah kos jualan	24.61	26.85	26.32	23.66	32.41	8.75
Keuntungan Kasar	31.14	34.84	34.09	37.18	46.91	9.74

7

1. PENYATA PENDAPATAN- PERBELANJAAN AM

PERKARA	2018	2019	2020	2021	2022	Beza Tahun 2022 vs 2021
	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA
Belanja penyelenggaraan	.97	1.07	1.44	1.82	1.17	↑ -.65
Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh penyata kedudukan kewangan di antara asas cukai dan nilai bawaan bagi aset dan liabiliti dalam penyata kewangan. Secara prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan sehingga ke tahap di mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan akan dikredit cukai belum digunakan dan kredit cukai sebelum digunakan boleh direalisasikan dengan keuntungan boleh cukai masa depan yang boleh capai. Cukai tertunda tidak akan diiktiraf jika perbezaan sementara wujud daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukan komunikasi perniagaan dan pada masa transaksi tersebut, tidak memberi kesan terhadap keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang diramal akan dikenakan dalam tempoh apabila aset itu direalisasikan, atau liabiliti itu diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah dikuatkuasakan ataupun telah dikuatkuasakan sebahagian besarnya pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali jika terhasil daripada transaksi yang diiktiraf terus ke dalam ekuiti, di mana cukai tertunda dicajkan atau dikreditkan terus ke dalam ekuiti ataupun bila ia terhasil daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambil alihan syarikat di mana cukai tertunda dimasukkan ke dalam muhibah atau muhibah negatif yang terhasil.

4.12 Manfaat Pekerja

(a) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Gaji, upah, bonus, cuti tahunan berbayar, cuti rawatan dan keuntungan yang berbentuk wang diiktiraf sebagai belanja dalam tahun kewangan di mana pekerja telah memberikan perkhidmatan kepada Koperasi.

(b) Pelan sumbangan tetap

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia dikehendaki menyumbang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sumbangan ini diiktiraf sebagai belanja dalam penyata pendapatan dalam tahun kewangan yang berkaitan. Sebaik sahaja sumbangan ini dibayar, Koperasi tidak mempunyai sebarang tanggungan masa hadapan.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.12 Manfaat Pekerja (Samb.)

(c) Manfaat pemberhentian

Manfaat pemberhentian pekerja diiktiraf hanya selepas persetujuan wakil pekerja atas syarat-syarat yang telah ditetapkan atau selepas seseorang pekerja telah dimaklumkan mengenai syarat-syarat tersebut.

Koperasi mengiktiraf sebagai liabiliti apabila pekerja telah menyediakan perkhidmatan sebagai pertukaran untuk manfaat pekerja yang akan dibayar pada masa hadapan dan perbelanjaan apabila Koperasi menggunakan manfaat ekonomi yang timbul daripada perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja sebagai pertukaran untuk manfaat pekerja.

4.13 Aset Kesetaraan Tunai

Tunai merangkumi tunai di tangan dan di bank. Kesetaraan tunai merangkumi pelaburan yang matang dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh pembelian yang sedia ada dan boleh ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan adalah tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

4.14 Peruntukan

Koperasi mengiktiraf liabiliti sebagai peruntukan jika aliran keluar yang diperlukan untuk menyelesaikan liabiliti adalah tidak pasti dalam bentuk masa atau jumlah.

Peruntukan untuk kos jaminan, kos pemulihan, kos penyusunan semula, kontrak yang membebaskan atau tuntutan mahkamah diiktiraf apabila Koperasi mempunyai kewajipan perundangan atau konstruktif akibat daripada peristiwa yang lalu, dan yang mana aliran keluar sumber bagi penyelesaian adalah berkemungkinan dan kenyataan boleh percaya bagi anggaran jumlah boleh dibuat. Tiada peruntukan diiktiraf jika syarat ini tidak dipenuhi.

Sebarang pembayaran balik disebabkan oleh peruntukan yang diiktiraf dari pihak balas (seperti pihak insurans) tidak ditolak daripada peruntukan tetapi diiktiraf secara berasingan sebagai aset apabila, dan hanya apabila, pembayaran semula dapat dipastikan.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.14 Peruntukan (Samb.)

Peruntukan diukur pada anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan semasa pada akhir tempoh pelaporan. Bagi peruntukan jaminan, hasil yang dijangka bagi sumber yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan berdasarkan kebarangkalian berwajaran adalah digunapakai, dengan mengambil kira pengalaman Koperasi dalam urus niaga yang sama dan ditambah dengan fakta dan keadaan semasa. Bagi peruntukan pemulihan, di mana kewajipan tunggal diukur, Koperasi menggunakan hasil individu yang paling mungkin sebagaimana anggaran terbaik bagi liabiliti dengan merujuk kepada harga semasa caj yang akan dikenakan kontraktor untuk melaksanakan kewajipan itu, dan mengambil kira peristiwa masa depan yang mungkin yang boleh menjejaskan jumlah yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan. Bagi kontrak yang membebankan, peruntukan yang diukur berdasarkan jumlah di mana kos untuk memenuhi kontrak melebihi manfaat. Bagi peruntukan tuntutan mahkamah, hasil yang dijangka berdasarkan kebarangkalian berwajaran digunapakai dalam pengukuran, dengan mengambil kira keputusan masa lalu penghakiman mahkamah yang dibuat dalam kes-kes yang serupa dan atas nasihat daripada pakar perundangan.

Peruntukan diukur pada nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan dengan menggunakan kadar diskaun yang mencerminkan nilai masa wang dan risiko bahawa hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat. Penamatan diskaun adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah.

4.15 Kos Pinjaman

Kos pinjaman Koperasi termasuk faedah atas pinjaman, liabiliti pajakan kewangan dan perbelanjaan faedah instrumen hutang lain yang dikira menggunakan kaedah faedah efektif. Semua kos pinjaman diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila berlaku.

4.16 Yuran Masuk

Yuran masuk yang diterima dalam tahun kewangan dikreditkan ke akaun untung rugi sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Undang-undang Kecil Koperasi bilangan 13(4).

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.17 Pengiktirafan dan Pengukuran Hasil

Pendapatan dari aktiviti pembekalan barangan pejabat dan operasi kedai serbaguna (runcit) diiktiraf apabila keluaran dihantar kepada pelanggan. Pendapatan dari pembiayaan anggota diiktiraf pada asas akrual. Koperasi mengukur hasil daripada jualan barangan atau perkhidmatan pada nilai saksama bagi imbalan yang diterima atau boleh diterima, yang kebiasaannya harga invois selepas ditolak diskaun dagangan dan rebat yang diberikan kepada pelanggan dalam urusan jualan atau perkhidmatan. Hasil daripada jualan barangan diiktiraf apabila: (a) Koperasi telah memindahkan kepada pembeli risiko dan ganjaran ketara pemilikan barang-barang; (b) Koperasi mengekalkan untuk tidak meneruskan penglibatan pengurusan pada tahap kebiasaannya dikaitkan dengan pemilikan atau tanpa kawalan efektif ke atas barangan yang dijual; (c) amaun hasil boleh diukur dengan pasti; (d) terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urusan niaga akan mengalir kepada Koperasi; dan (e) kos yang sudah atau akan berlaku berkenaan dengan transaksi tersebut boleh diukur dengan pasti.

Bagi menjadikan sesuatu perkhidmatan pembinaan atau untuk perkhidmatan kontrak hartanah dengan pelanggan yang dilakukan dari masa ke masa, apabila hasil kontrak boleh dianggarkan dengan pasti, hasil diiktiraf dari masa ke masa dengan merujuk kepada peringkat siap kontrak pada akhir tempoh pelaporan. Kaedah yang digunakan untuk mengukur peringkat siap adalah dengan membahagikan kos hingga pada tarikh semasa kepada jumlah anggaran kos kontrak. Apabila hasil daripada kontrak perkhidmatan tidak dapat dianggarkan dengan pasti, hasil diiktiraf hanya setakat perbelanjaan diiktiraf, yang boleh diperolehi semula.

Lain-lain pendapatan Koperasi adalah diiktiraf menggunakan asas berikut:

- (a) Pendapatan faedah daripada instrumen hutang diiktiraf menggunakan kaedah-kaedah efektif.
- (b) Pendapatan sewa daripada hartanah pelaburan diiktiraf berdasarkan asas garis lurus sepanjang tempoh perjanjian sewaan yang berkaitan.
- (c) Dividen daripada pelaburan ekuiti diiktiraf apabila hak Koperasi, sebagai pemegang saham penerima pelaburan, telah wujud, yang mana merupakan tarikh dividen telah dibenarkan sewajarnya.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

5. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

5.1 Pertimbangan

Dalam pemilihan dasar-dasar perakaunan Koperasi, perkara-perkara yang memerlukan pertimbangan penting adalah seperti berikut:

(a) Klasifikasi Pajakan Kewangan dan Pajakan Operasi

Koperasi mengklasifikasikan pajakan sebagai pajakan kewangan atau pajakan operasi berdasarkan kriteria sejauh mana kedudukan risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan aset. Sebagai penerima pajak, Koperasi mengiktiraf pajakan sebagai pajakan kewangan jika ia terdedah kepada risiko dan ganjaran yang ketara yang berkaitan dengan pemilikan aset sandaran. Dalam menggunakan pertimbangan, Koperasi mempertimbangkan sama ada terdapat insentif ekonomi yang ketara untuk menjalankan pilihan pembelian atau mana-mana pilihan tempoh pembaharuan. Pajakan diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan jika tempoh pajakan adalah untuk sekurang-kurangnya 75% jangka hayat ekonomi aset sandaran, nilai kini bayaran pajakan adalah sekurang-kurangnya 90% daripada nilai saksama aset sandaran, atau aset yang dikenal pasti dalam pajakan adalah aset khusus yang hanya boleh digunakan secara berkesan oleh penerima pajak. Semua pajakan lain yang tidak mengakibatkan pemindahan risiko dan ganjaran ketara diklasifikasikan sebagai pajakan operasi.

Koperasi mengklasifikasikan pajakan tanah sebagai pajakan kewangan jika nilai saksama tanah pegangan pajak adalah 90% atau lebih daripada nilai saksama tanah pegangan bebas yang setara atau jika tempoh pajakan, yang ditentukan pada permulaan pajakan, adalah 50 tahun atau lebih. Pajakan tanah yang tidak memenuhi mana-mana kriteria ini dikelaskan sebagai pajakan operasi.

(b) Klasifikasi Hartanah Pelaburan

Sesetengah hartanah terdiri daripada sebahagian yang dipegang untuk memperoleh pendapatan sewa atau peningkatan nilai modal atau untuk kedua-duanya, manakala bakinya dipegang untuk kegunaan dalam pengeluaran atau bekalan barangan dan perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran. Jika bahagian yang dipegang untuk sewa dan/atau peningkatan nilai modal boleh dijual secara berasingan (atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan), Koperasi menganggap bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Jika bahagian yang dipegang untuk sewa dan/atau peningkatan nilai modal tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, ia diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan hanya jika bahagian yang tidak ketara harta yang dipegang digunakan dalam pengeluaran atau bekalan barangan dan perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran. Pengurusan menggunakan pertimbangan untuk menentukan sama ada apa-apa perkhidmatan sampingan adalah ketara bahawa harta tersebut tidak layak dianggap sebagai hartanah pelaburan.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

5. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN KETIDAKPASTIAN ANGGARAN (SAMB.)

5.2 Ketidakpastian Anggaran

Pengukuran beberapa aset dan liabiliti memerlukan pihak pengurusan menggunakan anggaran berdasarkan pelbagai input yang boleh diperhatikan dan andaian lain. Bidang atau barangan yang tertakluk kepada ketidaktentuan anggaran ketara Koperasi adalah seperti berikut:

(a) Pengukuran Peruntukan

Koperasi menggunakan "anggaran terbaik" sebagai asas untuk mengukur peruntukan. Pihak pengurusan menilai anggaran berdasarkan pengalaman sejarah Koperasi dan input lain atau andaian, perkembangan terbaru dan peristiwa masa depan yang munasabah dalam hal keadaan tertentu. Dalam kes dimana peruntukan yang berkaitan dengan populasi besar pelanggan (seperti peruntukan jaminan), suatu anggaran kebarangkalian berlawanan aliran keluar yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan adalah digunakan. Dalam hal anggaran tunggal (seperti peruntukan untuk kos pemulihan alam sekitar), harga atau pasaran harga kontraktor yang dirujuk digunakan sebagai anggaran terbaik. Jika kewajipan adalah perlu diselesaikan dari masa ke semasa, aliran keluar yang dijangka akan didiskaun pada kadar yang mengambil kira nilai masa wang dan risiko yang mana hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat. Hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat dan ini mungkin memberi kesan yang ketara ke atas kedudukan kewangan dan keputusan Koperasi.

(b) Menentukan Nilai Gunaan

Dalam menentukan nilai gunaan aset secara berasingan atau unit penjanaan tunai, pengurusan menggunakan input yang munasabah dan disokong berkenaan jualan, kos jualan dan perbelanjaan lain berdasarkan pengalaman lalu, peristiwa semasa dan perkembangan masa depan yang mungkin. Aliran tunai diunjur berasaskan input tersebut dan didiskaunkan pada kadar diskaun yang sesuai. Hasil atau peristiwa sebenar mungkin tidak bertepatan dengan input atau andaian dan kadar diskaun yang digunakan dalam pengukuran, dan ini akan memberi kesan yang ketara ke atas kedudukan kewangan dan keputusan Koperasi.

(c) Kemerosotan atau Pengurangan Nilai Inventori Tiada Pergerakan dan Usang

Koperasi mengurangkan nilai bagi inventori tiada pergerakan dan usang berdasarkan penilaian nilai saksama ditolak kos jualan. Inventori dikurangkan nilai apabila peristiwa dan keadaan menunjukkan bahawa jumlah nilai dibawa mungkin tidak boleh diperolehi semula. Pihak pengurusan menggunakan pertimbangan untuk menganalisa corak jualan lalu dan corak ekonomi semasa untuk menilai kerugian kemerosotan secukupnya bagi inventori tiada pergerakan dan usang. Kerugian kemerosotan nilai sebenar hanya boleh disahkan dalam jualan berikutnya bagi inventori tersebut dan ini mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat sebelum ini. Ini boleh memberi kesan ke atas kedudukan kewangan dan keputusan Koperasi.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

5. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN KETIDAKPASTIAN ANGGARAN (SAMB.)

5.2 Ketidakpastian Anggaran (Samb.)

(d) Peruntukan Rugi Aset Kewangan

Koperasi mengiktiraf kerugian kemerosotan nilai bagi pinjaman dan penghutang menggunakan model kerugian ditanggung. Pinjaman dan penghutang ketara diuji untuk rosotnilai secara berasingan dengan menganggarkan aliran tunai yang dijangka boleh diperolehi semula. Semua pinjaman dan lain-lain penghutang dikategorikan ke dalam kelas risiko kredit dan diuji untuk rosotnilai secara kolektif, dengan menggunakan pengalaman lalu Koperasi berkenaan statistik kerugian, pengumuman jumlah masa lalu dan corak ekonomi semasa. Kerugian akhir sebenar mungkin berbeza daripada peruntukan dibuat dan ini boleh memberi kesan ke atas kedudukan kewangan dan keputusan Koperasi.

(e) Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos sesuatu item hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus atau satu lagi kaedah yang sistematik yang mencerminkan penggunaan manfaat ekonomi aset sepanjang jangka hayat. Anggaran digunakan dalam pemilihan kaedah susutnilai, jangka hayat dan nilai baki. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi bagi hartanah, loji dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh membawa kepada keuntungan atau kerugian atas pelupusan akhir sesuatu hartanah, loji dan peralatan.

(f) Pengukuran Cukai Pendapatan

Koperasi beroperasi di pelbagai bidang kuasa dan tertakluk kepada cukai pendapatan di setiap bidang kuasa. Penghakiman penting diperlukan dalam menentukan peruntukan Koperasi untuk cukai semasa dan tertunda kerana liabiliti cukai akhir untuk keseluruhan Koperasi tidak dapat dipastikan. Apabila hasil akhir cukai yang perlu dibayar ditentukan oleh pihak berkuasa cukai dalam setiap bidang kuasa, amaun yang perlu dibayar mungkin berbeza daripada anggaran awal peruntukan cukai. Perbezaan sedemikian boleh mempengaruhi cukai semasa dan tertunda dalam tempoh penentuan sedemikian dibuat.

Koperasi akan menyesuaikan dengan perbezaan kerana cukai semasa atau tertunda di bawah peruntukan semasa atau kurang tertakluk dalam tempoh semasa di mana perbezaan tersebut timbul.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kos	Pada 1.1.2022 RM	Tambahan RM	Pelupusan RM	Pada 31.12.2022 RM
Kenderaan	85,628	-	-	85,628
Komputer, mesin kira dan telefon	650,444	68,745	(850)	718,339
Papan tanda	113,861	90,384	-	204,245
Penghawa dingin	-	13,800	-	13,800
Perabot dan kelengkapan	368,529	81,592	-	450,121
Perkakas	1,544,065	219,910	-	1,763,975
Tanah pegangan bebas	545,000	-	-	545,000
Ubah suai	2,794,097	2,623,410	-	5,417,507
Emas	1,900	-	-	1,900
	6,103,524	3,097,841	(850)	9,200,515

Susutnilai dan kerugian kemerosotan nilai terkumpul	Pada 1.1.2022 RM	Tambahan RM	Pelupusan RM	Pada 31.12.2022 RM
Kenderaan	85,627	-	-	85,627
Komputer, mesin kira dan telefon	245,143	159,658	-	404,801
Papan tanda	56,662	13,978	-	70,640
Penghawa dingin	-	1,380	-	1,380
Perabot dan kelengkapan	261,162	41,579	-	302,741
Perkakas	668,733	163,690	-	832,423
Ubah suai	1,963,946	960,316	-	2,924,262
Emas	-	-	-	-
	3,281,273	1,340,601	-	4,621,874

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD (Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

	2022 RM	2021 RM
Nilai pembawa		
Kenderaan	1	1
Komputer, mesin kira dan telefon	313,538	405,301
Papan tanda	133,605	57,199
Penghawa dingin	12,420	-
Perabot dan kelengkapan	147,380	107,367
Perkakas	931,552	875,332
Tanah pegangan bebas	545,000	545,000
Ubah suai	2,493,245	830,151
Emas	1,900	1,900
	<u>4,578,641</u>	<u>2,822,251</u>

Termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan Koperasi adalah kenderaan bermotor dengan jumlah bawaan bersih RMNil (2021: RM1) yang diadakan di bawah perjanjian sewa beli seperti dinyatakan di Nota 23.

7. PELABURAN DALAM USAHASAMA

	2022 RM	2021 RM
Usahasama Projek Perumahan Salak Tinggi - IRMA	2,000,000	-
Usahasama Projek Perumahan Mantin - PTT	3,350,000	-
Usahasama Projek Perumahan Seremban 2 - Goodmode	12,500,000	-
	<u>17,850,000</u>	<u>-</u>
Baki pada 31 Disember	<u>17,850,000</u>	<u>-</u>

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

8. HARTANAH PELABURAN

	Pada 1.1.2022 RM	Tambahan/ (Pelupusan) RM	Pada 31.12.2022 RM
Kos			
Rumah kedai (Space U8)	11,250,154	-	11,250,154
Rumah kedai (Jitra)	373,001	(373,001)	-
Rumah kedai (Melawati)	2,900,000	-	2,900,000
Kampung Attap	1,270,000	-	1,270,000
Wisma Sekata Rakyat	22,600,000	-	22,600,000
Sekata Apartment	8,000,000	-	8,000,000
Banglo Sekata Vista	2,660,640	-	2,660,640
Sekata Makmur	15,360,000	-	15,360,000
Komersial Vivo	-	165,128,544	165,128,544
	<u>64,413,795</u>	<u>164,755,543</u>	<u>229,169,338</u>
	Pada 1.1.2022 RM	Tambahan/ (Pelupusan) RM	Pada 31.12.2022 RM
Akaun rizab penilaian semula			
Rumah kedai (Space U8)	737,846	-	737,846
Rumah kedai (Jitra)	376,999	(376,999)	-
Rumah kedai (Melawati)	2,900,000	-	2,900,000
Kampung Attap	1,430,000	-	1,430,000
Wisma Sekata Rakyat	3,244,000	-	3,244,000
Sekata Apartment	3,040,000	-	3,040,000
Banglo Sekata Vista	939,360	-	939,360
Sekata Makmur	-	3,680,000	3,680,000
Komersial Vivo	-	-	-
	<u>12,668,205</u>	<u>3,303,001</u>	<u>15,971,206</u>
		Pada 31.12.2022 RM	Pada 31.12.2021 RM
Nilai pembawa			
Rumah kedai (Space U8)		11,988,000	11,988,000
Rumah kedai (Jitra)		-	750,000
Rumah kedai (Melawati)		5,800,000	5,800,000
Kampung Attap		2,700,000	2,700,000
Wisma Sekata Rakyat		25,844,000	25,844,000
Sekata Apartment		11,040,000	11,040,000
Banglo Sekata Vista		3,600,000	3,600,000
Sekata Makmur		19,040,000	15,360,000
Komersial Vivo		165,128,544	-
		<u>245,140,544</u>	<u>77,082,000</u>

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

8. HARTANAH PELABURAN (SAMB.)

- (a) Nilai saksama hartanah pelaburan diukur dengan merujuk kepada harga pasaran harta serupa yang setanding bagi urusan terkini dalam pasaran hartanah. Tiada andaian penting yang digunakan dalam pengukuran. Koperasi telah melantik jurunilai bebas Chartwell ITAC International (Kajang) Sdn. Bhd. untuk menilai harga saksama hartanah pelaburan pada 31 Disember 2022 sepertimana yang ditunjukkan di bawah:

	2022	2021
	RM	RM
Nilai saksama		
Rumah kedai (Space U8)	11,988,000	11,988,000
Rumah kedai (Melawati)	5,800,000	5,800,000
Kampung Attap	2,700,000	2,700,000
Wisma Sekata Rakyat	25,844,000	25,844,000
Sekata Apartment	11,040,000	11,040,000
Banglo Sekata Vista	3,600,000	3,600,000
Sekata Makmur	19,040,000	-
Komersial Vivo	-	-
	<u>80,012,000</u>	<u>60,972,000</u>

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

9. PELABURAN DALAM SAHAM SIAR HARGA

	2022	2021
	RM	RM
Pelaburan saham		
<u>Pada kos</u>		
Saham tersiarharga di Malaysia	72,850	72,850
<u>Pada nilai pasaran</u>		
Saham tersiarharga di Malaysia	130,387	147,559
Tambahan: Dividen diterima pada tahun semasa	-	18,612
Baki pada 31 Disember	130,387	166,171
Bilangan unit	418,040	418,040
Nilai pasaran per unit	0.3119	0.3975

Pelaburan saham siarharga di Malaysia adalah pelaburan dalam Tabung Unit Amanah yang diuruskan oleh PMB Investment Berhad, iaitu Pelaburan PMB Syariah Premier Fund.

10. PELABURAN DALAM SAHAM TAK SIAR HARGA

	2022	2021
	RM	RM
Pelaburan saham		
Saham tak siar harga di Malaysia	6,000,097	6,000,097

Pelaburan saham tak siar harga di Malaysia adalah pelaburan dalam Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

11. PENGHUTANG PEMBIAYAAN ANGGOTA

	2022 RM	2021 RM
(a) Pembiayaan peribadi		
Baki pada 1 Januari	275,590,765	297,700,131
Tambahan dalam tahun	122,584,806	104,058,483
	398,175,571	401,758,614
Tolak: Bayaran diterima	(130,646,240)	(126,167,849)
Baki pada 31 Disember	267,529,331	275,590,765
(b) Pembiayaan SBP		
Baki pada 1 Januari	40,800,733	45,023,912
Tambahan dalam tahun	8,037,069	7,009,575
	48,837,802	52,033,487
Tolak: Bayaran diterima	(17,744,628)	(11,232,754)
Baki pada 31 Disember	31,093,174	40,800,733
(c) Pembiayaan kenderaan		
Baki pada 1 Januari	449,963	647,089
Tambahan dalam tahun	115,138	101,731
	565,101	748,820
Tolak: Bayaran diterima	(147,004)	(298,857)
Baki pada 31 Disember	418,097	449,963
(d) Pembiayaan saham Bank Rakyat		
Baki pada 1 Januari	1,153,944	2,454,191
Tambahan dalam tahun	14,551	348,036
	1,168,495	2,802,227
Tolak: Bayaran diterima	(583,361)	(1,648,283)
Baki pada 31 Disember	585,134	1,153,944
(e) Pembiayaan umrah		
Baki pada 1 Januari	5,323	10,281
Tambahan dalam tahun	784	-
	6,107	10,281
Tolak: Bayaran diterima	(2,453)	(4,958)
Baki pada 31 Disember	3,654	5,323
(f) Pembiayaan barangan kedua		
Baki pada 1 Januari	4,598	2,939
Tambahan dalam tahun	3,313	3,063
	7,911	6,002
Tolak: Bayaran diterima	(5,111)	(1,404)
Baki pada 31 Disember	2,800	4,598

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

11. PENGHUTANG PEMBIAYAAN ANGGOTA (SAMB.)

	2022 RM	2021 RM
(g) Pembiayaan burung walit		
Baki pada 1 Januari	-	2,976
Tambahan dalam tahun	-	-
	-	2,976
Tolak: Bayaran diterima	-	(2,976)
Baki pada 31 Disember	-	-
(h) Pembiayaan raya		
Baki pada 1 Januari	24,786	116,722
Tambahan dalam tahun	44,830	229,817
	69,616	346,539
Tolak: Bayaran diterima	(55,971)	(321,753)
Baki pada 31 Disember	13,645	24,786
(i) Pembiayaan kecemasan		
Baki pada 1 Januari	2,307,523	2,293,734
Tambahan dalam tahun	1,390,626	1,235,456
	3,698,149	3,529,190
Tolak: Bayaran diterima	(2,122,372)	(1,221,667)
Baki pada 31 Disember	1,575,777	2,307,523
(j) Pembiayaan hartanah		
Baki pada 1 Januari	752,556	760,336
Tambahan dalam tahun	138,448	259,020
	891,004	1,019,356
Tolak: Bayaran diterima	(228,049)	(266,800)
Baki pada 31 Disember	662,955	752,556
(k) Pembiayaan naik sekolah		
Baki pada 1 Januari	36,501	98,760
Tambahan dalam tahun	19,382	229,284
	55,883	328,044
Tolak: Bayaran diterima	(45,458)	(291,543)
Baki pada 31 Disember	10,425	36,501

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD (Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

11. PENGHUTANG PEMBIAYAAN ANGGOTA (SAMB.)

	2022 RM	2021 RM
(l) Pembiayaan takaful		
Baki pada 1 Januari	5,142	5,402
Tambahan dalam tahun	25,271	11,224
	30,413	16,626
Tolak: Bayaran diterima	(17,896)	(11,484)
Baki pada 31 Disember	12,517	5,142
(m) Pembiayaan jubli emas		
Baki pada 1 Januari	5,235,500	-
Tambahan dalam tahun	51,572,282	5,284,996
	56,807,782	5,284,996
Tolak: Bayaran diterima	(10,407,330)	(49,496)
Baki pada 31 Disember	46,400,452	5,235,500
Jumlah baki pembiayaan anggota pada 31 Disember	348,307,961	326,367,334
Akan diterima dalam tempoh 12 bulan	34,830,796	32,636,733
Akan diterima selepas tempoh 12 bulan	313,477,165	293,730,601
	348,307,961	326,367,334

12. PELABURAN AKAUN DEPOSIT KOPERASI DI COOP BANK

	2022 RM	2021 RM
Baki pada 1 Januari	5,285,224	-
Tambahan dalam tahun	1,039,569	5,285,224
Baki pada 31 Disember	6,324,793	5,285,224
Akaun deposit Koperasi dari Kumpulan Wang Rizab Statutori	6,324,793	-

- (i) Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah mengeluarkan arahan kepada koperasi yang dikenalpasti untuk memindahkan wang Kumpulan Wang Rizab Statutori ke Akaun Deposit Koperasi (ADK) yang diuruskan oleh Coop Bank Pertama (Pengurus Akaun Deposit) selaras dengan kehendak seksyen 57(1E) Akta 502 dan Garis Panduan 29 (GP29).
- (ii) Sekatarakyat telah menerima surat arahan rasmi daripada SKM berjumlah RM2,143,209 ke dalam ADK di Co-opbank Pertama pada 27 September 2019. Jumlah ini berdasarkan akaun teraudit SEKATARAKYAT bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.
- (iii) Sekatarakyat telah membuka akaun di Co-opbank Pertama dan membuat deposit seperti berikut:
- RM2,143,209 bagi tahun kewangan 2018
 - RM2,355,733 bagi tahun kewangan 2019
 - RM786,282 bagi tahun kewangan 2020
- (iv) Pulangan atas simpanan dalam ADK bagi tahun kewangan 2022 adalah sebanyak 2% bersamaan dengan RM62,167.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

13. INVENTORI

	2022 RM	2021 RM
Air mineral	3,243	4,788
Stok air minuman Sekata Apartment	73	307
Stok barang runcit Sekata Apartment	78	179
Stok D' Sekata	7,503	6,947
Stok kafeteria	32,271	25,269
Stok kedai serbaneka	74,210	81,906
Stok kuih raya	2,069	1,723
Stok Touch n Go dan e-pay	11,193	11,512
Stok Sekata Farmasi	141,852	-
Stok Kenny Rogers Roaster	27,963	-
	<u>300,455</u>	<u>132,631</u>

14. PENGHUTANG DAGANGAN

Analisis penuaan penghutang dagangan pada akhir tempoh pelaporan adalah seperti berikut:

	2022 RM	2021 RM
Dalam tempoh kredit (60 hari)	934,323	663,758
1 hingga 30 hari lepas tempoh kredit	186,747	314,746
31 hingga 60 hari lepas tempoh kredit	293,418	266,832
61 hingga 90 hari lepas tempoh kredit	23,876	747,754
	<u>504,041</u>	<u>1,329,332</u>
	<u>1,438,364</u>	<u>1,993,090</u>

Terma kredit yang diberikan oleh Koperasi kepada penghutang dagangan ialah dalam tempoh 30 hari hingga 90 hari (2021: 30 hari hingga 90 hari).

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

15. PENGHUTANG PELBAGAI DAN DEPOSIT

	Nota	2022 RM	2021 RM
Pelbagai penghutang	(a)	10,719,344	9,905,262
Tolak: Peruntukan am		(374,528)	(450,000)
		<u>10,344,816</u>	<u>9,455,262</u>
Penghutang gaji warga kerja		202,747	168,987
Pelbagai deposit		1,648,490	3,198,726
Pendahuluan lain		40,946	1,378,064
Pendahuluan pembiayaan berjangka		1,081,698	16,075
Penghutang pembiayaan	(b)	37,856	66,842
Pendahuluan Ar-Rahnu dalam transit	(c)	23,048	122,036
Pendahuluan projek pelaburan - pembelian tanah	(d)	107,922,686	-
		<u>121,302,287</u>	<u>14,405,992</u>

- (a) Termasuk dalam jumlah pelbagai penghutang ialah keuntungan belum terima hasil jualan unit rumah projek usaha sama Sekata Villa sebanyak RMNil (2021: RM6,750,000). Pada 21 Jun 2021, pihak Pembinaan Tetap Teguh Jentera Sdn. Bhd. (Dahulu dikenali sebagai Mainstay Land Sdn. Bhd.) (837101-V) telah menghantar surat cadangan penjadualan bagi pembayaran balik modal dan untung projek bagi projek Sekata Villa dan telah dipersetujui oleh pihak Koperasi. Pada 1 November 2021, pindaan cadangan penjadualan bagi baki pembayaran telah dikemukakan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Pada 23 Disember 2022, Pembinaan Tetap Teguh Jentera Sdn. Bhd. telah membuat keseluruhan bayaran sebanyak RM6,750,000.

Selain itu, termasuk juga peruntukan Ar-Rahnu untuk modal pusingan yang diberikan kepada cawangan-cawangan Ar-Rahnu untuk tujuan pengurusan operasi.

- (b) Penghutang pembiayaan ialah jumlah baki yang tidak dapat dikutip melalui sistem potongan gaji dan jumlah ini akan dilaraskan dengan yuran dan dividen anggota.
- (c) Pendahuluan Ar-Rahnu adalah modal pusingan yang diberikan kepada cawangan-cawangan Ar-Rahnu untuk tujuan pengurusan operasi.
- (d) Pendahuluan projek pelaburan adalah pendahuluan telah dibayar untuk pelaburan projek usahasama merangkumi projek Perindustrian Elmina dan Pontian sebanyak RM107,922,686.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD (Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

16. PEMBIAYAAN AR-RAHNU

	2022 RM	2021 RM
Baki pada 1 Januari	203,471,347	163,401,071
Pembiayaan gadaian dalam tahun	149,275,592	172,591,946
Penebusan barang gadaian dalam tahun	(53,857,870)	(132,521,670)
Baki pada 31 Disember	<u>298,889,069</u>	<u>203,471,347</u>

17. POTONGAN GAJI IN TRANSIT

	2022 RM	2021 RM
Baki pada 31 Disember	<u>6,924,367</u>	<u>4,421,478</u>

Koperasi mengiktiraf untung daripada aktiviti pembiayaan berdasarkan asas akruan.

18. ASET KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI

	2022 RM	2021 RM
Public Mutal		
- Public Dana Islamic Treasures Growth	347,454	395,830
Bank berlesen		
- Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad		
- Bank Muamalat Berhad		
- Bank Islam Malaysia Berhad		
- Affin Bank Berhad		
- Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad		
Jenis simpanan		
- Mudharabah	191,000	204,790
- Sinking fund	2,868,902	2,810,543
- Sinking fund	3,243,682	2,601,885
- Simpanan tetap	138,266	135,755
- Simpanan tetap	1,700,000	192,373
	<u>8,489,304</u>	<u>6,341,176</u>

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD (Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

19. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2022 RM	2021 RM
Wang di bank	3,115,540	1,721,383
Wang di tangan	1,598,556	1,888,498
	<u>4,714,096</u>	<u>3,609,881</u>

Dasar pengurusan tunai Koperasi adalah dengan menggunakan baki wang tunai di tangan dan bank, instrumen pasaran wang, overdraf bank dan pembiayaan perdagangan jangka pendek dalam menguruskan aliran tunai untuk memastikan kecairan yang mencukupi untuk memenuhi kewajipan Koperasi.

20. PEMIUTANG DAGANGAN DAN PEMIUTANG PELBAGAI

	Nota	2022 RM	2021 RM
Pemiutang perdagangan		290,370	7,646
Pemiutang pelbagai	(a)	57,897,683	3,215,269
		<u>58,188,053</u>	<u>3,222,915</u>

(a) Dalam pemiutang pelbagai merangkumi pendahuluan sewaan Bangunan Komersial Vivo 9 Seputeh yang diterima daripada MRCB berjumlah RM31,787,244 (2021: RM Nil). Jumlah sewaan ini diterima untuk 3 tahun bermula pada bulan Oktober 2022.

21. KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI

	2022 RM	2021 RM Pelarasan
Baki pada 1 Januari	197,411	157,256
Tambah:		
Pindahan dari akaun pembahagian keuntungan	17,097	197,411
	<u>214,508</u>	<u>354,667</u>
Tolak: Bayaran dalam tahun	(207,914)	(157,256)
Baki pada 31 Disember	<u>6,594</u>	<u>197,411</u>

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

22. KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI

	2022	2021
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	394,823	314,513
Tambah:		
Pindahan dari akaun pembahagian keuntungan	34,193	394,823
	429,016	709,336
Tolak: Bayaran dalam tahun	(415,828)	(314,513)
Baki pada 31 Disember	13,188	394,823

23. LIABILITI PAJAKAN

	Nota	2022	2021
		RM	RM
Pajakan kewangan			
Jumlah bawaan bersih mengikut kelas kenderaan	6	-	1
Liabiliti pajakan bukan semasa:			
Baki pada 1 Januari		14,315	16,848
Pindahan ke liabiliti semasa		(14,315)	(2,533)
Baki pada 31 Disember		-	14,315
Liabiliti pajakan semasa:			
Baki pada 1 Januari		6,252	8,045
Pindahan daripada liabiliti bukan semasa		14,315	2,533
Pembayaran		(14,365)	(4,326)
Pelarasan dari bank		(6,202)	-
Baki pada 31 Disember		-	6,252
Jumlah liabiliti pajakan			
Bayaran pajakan masa hadapan perlu dibayar			
- tidak lebih 1 tahun		-	6,252
- tidak lebih 1 tahun ke 5 tahun		-	14,315
Jumlah bayaran pajakan masa hadapan		-	20,567
Jumlah sewa beli		-	21,223
Tolak: Caj kewangan masa hadapan		-	(656)
Nilai semasa bayaran pajakan minimum		-	20,567

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

24. PEMBIAYAAN BERJANGKA

	2022 RM	2021 RM
Baki pada 1 Januari	428,575,681	406,509,802
Tambah:		
Pembiayaan diterima dalam tahun	439,305,930	84,240,000
	867,881,611	490,749,802
Totak:		
Bayaran dalam tahun	(75,665,247)	(62,174,121)
Baki pada 31 Disember	792,216,364	428,575,681
Nilai semasa pembiayaan bank diwakili oleh:		
Pembayaran dalam tempoh 12 bulan	79,221,636	42,857,568
Pembayaran selepas tempoh 12 bulan	712,994,728	385,718,113
	792,216,364	428,575,681
Bercagar:		
Pembiayaan berjangka I	4,095,297	4,319,077
Pembiayaan berjangka II	411,303	514,952
Pembiayaan berjangka III	13,510,441	29,150,204
Pembiayaan berjangka V	18,323,135	19,812,360
Pembiayaan berjangka VI	21,082,178	25,087,155
Pembiayaan berjangka VII	32,589,433	37,363,376
Pembiayaan berjangka VIII	29,613,169	34,906,482
Pembiayaan berjangka IX	43,990,987	52,542,588
Pembiayaan berjangka X	87,016,590	99,667,661
Pembiayaan berjangka XI	171,300,410	94,974,531
Pembiayaan berjangka XII	13,600,355	13,800,000
Pembiayaan berjangka XIII	1,677,625	1,440,000
Pembiayaan berjangka XIV	176,284,087	14,997,295
Pembiayaan berjangka XV	178,721,354	-
	792,216,364	428,575,681

Pembiayaan berjangka I

Pembiayaan berjangka sebanyak RM4,800,000 bagi seunit untuk 32 unit adalah berdasarkan prinsip Tawarruq, Affin Islamic. Pembiayaan ini adalah untuk membiayai 60% daripada jumlah jual dan beli untuk Unit no. 3A-1, 3A-2, 3A-3, 3A-3A, 3A-5, 3A-6, 3A-7, 3A-8, 3A-9, 3A-10, 3A-11, 3A-12, 3A-13, 3A-14, 3A-15, 3A-16, 5-1, 5-2, 5-3, 5-3A, 5-5, 5-6, 5-7, 5-8, 5-9, 5-10, 5-11, 5-12, 5-13, 5-14, 5-15 dan 5-16. Cajgunaan diwujudkan secara nominal di atas unit-unit Apartment Camelia tersebut yang terletak di Orchard, Cameron Highlands, Pahang. Tempoh bayaran balik adalah selama 15 tahun secara ansuran bulanan sebanyak RM1,234 bagi setiap apartment. Margin keuntungan yang dikenakan adalah 4.56% (2021: 5.56%).

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

24. PEMBIAYAAN BERJANGKA (SAMB.)

Pembiayaan berjangka II

Pembiayaan berjangka sebanyak RM1,143,000 daripada Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia. Pembiayaan ini adalah untuk membiayai pembelian bangunan rumah kedai 3 tingkat di No. 74, 74A, 74B dan 74C, Jalan Kg. Attap, Off Jalan Sulaiman, 50460 Kuala Lumpur. Tempoh bayaran balik adalah selama 177 bulan bermula 15 April 2011 dan margin keuntungan yang dikenakan adalah 3.00%. (2021: 3.00%).

Pembiayaan berjangka III

Pembiayaan berjangka sebanyak RM135,000,000 adalah berdasarkan konsep Syariah. Pembiayaan ini adalah untuk penebusan kemudahan daripada Affin Islamic Bank Berhad. Tempoh bayaran balik adalah selama 120 bulan. Keuntungan margin yang dikenakan adalah 6.64% (2021: 4.70%). Jaminan dan cagaran adalah:

- (i) Penyerahan hak untuk potongan gaji;
- (ii) Dana RM30,000 akan dikutip secara bulanan bagi keseluruhan pembiayaan akan dimasukkan ke dalam deposit Tawarruq dan keuntungan yang diperoleh dan akan dipermodalkan; dan
- (iii) Bayaran balik sewa akan dimasukkan ke dalam akaun semasa Koperasi.

Pembiayaan berjangka V

Pembiayaan berjangka sebanyak RM27,000,000 berdasarkan prinsip Tawarruq. Pembiayaan ini adalah untuk membiayai pembelian bangunan pejabat. Keuntungan margin yang dikenakan adalah 4.85% (2020: 4.85%). Jumlah pembiayaan, tempoh bayaran dan cagaran yang dikenakan adalah seperti berikut:

- (i) Pembiayaan adalah sebanyak RM18,000,000. Tempoh bayaran ansuran selama 216 bulan. Pembiayaan ini adalah untuk membiayai semula 1 unit dari 9 tingkat bangunan pejabat berserta tempat letak kereta yang beralamat di Block B, Wisma Glomac 1 (Glomac Business Centre), No. 10, Jalan SS6/1, Kelana Jaya, Selangor. Bayaran balik sewa akan dimasukkan ke dalam akaun semasa Koperasi.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

24. PEMBIAYAAN BERJANGKA (SAMB.)

Pembiayaan berjangka V (Samb.)

- (ii) Pembiayaan adalah sebanyak RM1,000,000. Tempoh bayaran ansuran adalah selama 180 bulan. Pembiayaan ini adalah untuk membiayai 1-unit pejabat kedai 4 tingkat yang terletak di Ground, 1st, 2nd and 3rd Floor di alamat No. 326, Jalan Bandar Melawati, Pusat Bandar Melawati, Kuala Lumpur. Bayaran balik sewa akan dimasukkan ke dalam akaun semasa Koperasi.
- (iii) Pembiayaan adalah sebanyak RM1,000,000. Tempoh bayaran ansuran adalah selama 180 bulan. Pembiayaan ini adalah untuk membiayai 1-unit pejabat kedai 4 tingkat yang terletak di Ground, 1st, 2nd and 3rd Floor di alamat No. 327, Jalan Bandar Melawati, Pusat Bandar Melawati, Kuala Lumpur. Bayaran balik sewa akan dimasukkan ke dalam akaun semasa Koperasi.
- (iv) Pembiayaan adalah sebanyak RM2,700,000. Tempoh bayaran ansuran adalah selama 180 bulan. Pembiayaan ini adalah untuk membiayai 1-unit pejabat kedai 4 tingkat (Unit 1- Corner) Ground, 1st, 2nd and 3rd Floor yang terletak di Block 2, Space U8, Shopoffice, No. 6, Persiaran Pasak Bumi, Seksyen U8, Taman Bukit Jelutong, Shah Alam. Bayaran balik sewa akan dimasukkan ke dalam akaun semasa Koperasi.
- (v) Pembiayaan adalah sebanyak RM2,150,000. Tempoh bayaran ansuran adalah selama 180 bulan. Pembiayaan ini adalah untuk membiayai 1-unit pejabat kedai 4 tingkat (Unit 1- Intermediate) Ground, 1st, 2nd and 3rd Floor yang terletak di Block 2, Space U8, Shopoffice, No. 6, Persiaran Pasak Bumi, Seksyen U8, Taman Bukit Jelutong, Shah Alam. Bayaran balik sewa akan dimasukkan ke dalam akaun semasa Koperasi.
- (vi) Pembiayaan adalah sebanyak RM2,150,000. Tempoh bayaran ansuran adalah selama 180 bulan. Pembiayaan ini adalah untuk membiayai 1-unit pejabat kedai 4 tingkat (Unit 3- Intermediate) Ground, 1st, 2nd and 3rd Floor yang terletak di Block 2, Space U8, Shopoffice, No. 6, Persiaran Pasak Bumi, Seksyen U8, Taman Bukit Jelutong, Shah Alam. Bayaran balik sewa akan dimasukkan ke dalam akaun semasa Koperasi.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

24. PEMBIAYAAN BERJANGKA (SAMB.)

Pembiayaan berjangka VI

Pembiayaan berjangka sebanyak RM40,000,000 adalah berdasarkan konsep Syariah. Pembiayaan ini adalah untuk keperluan modal kerja dalam menyediakan pembiayaan peribadi kepada anggota. Tempoh bayaran balik adalah selama 120 bulan. Keuntungan margin yang dikenakan adalah 6.64% (2021: 5.25%). Jaminan dan cagaran adalah:

- (i) Penyerahan hak untuk potongan gaji;
- (ii) Dana RM30,000 akan dikutip secara bulanan bagi keseluruhan pembiayaan dan akan dimasukkan ke dalam deposit - Tawarruq dan keuntungan yang diperoleh akan dipermodalkan; dan
- (iii) Bayaran balik sewa akan dimasukkan ke dalam akaun semasa Koperasi.

Pembiayaan berjangka VII

Pembiayaan berjangka sebanyak RM50,000,000 adalah berdasarkan prinsip Tawarruq. Pembiayaan ini adalah untuk keperluan modal kerja dalam menyediakan pembiayaan kepada anggota. Tempoh bayaran balik adalah selama 120 bulan. Jaminan dan cagaran adalah:

- (i) Penyerahan hak untuk potongan gaji;
- (ii) Dana RM30,000 akan dikutip secara bulanan bagi keseluruhan pembiayaan dan akan dimasukkan ke dalam deposit - Tawarruq dan keuntungan yang diperoleh akan dipermodalkan; dan
- (iii) Bayaran balik sewa akan dimasukkan ke dalam akaun semasa Koperasi.

Pembiayaan berjangka VIII

Pembiayaan berjangka sebanyak RM50,000,000 adalah berdasarkan prinsip Tawarruq (Komoditi Murabahah). Pembiayaan ini adalah untuk keperluan modal kerja dalam menyediakan pembiayaan kepada anggota berkonsepkan prinsip Syariah. Tempoh bayaran balik adalah selama 120 bulan. Jaminan dan cagaran adalah:

- (i) Surat Ikatan akan mengumpulkan semua bayaran anggota melalui Sumber Manusia Bank Rakyat dan akan terus melalui akaun semasa yang diuruskan oleh Bank Rakyat;
- (ii) Semua hak, faedah dan kemudahan ke atas akaun yang telah dilantik; dan
- (iii) Surat Ikatan untuk insuran dan takaful.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

24. PEMBIAYAAN BERJANGKA (SAMB.)

Pembiayaan berjangka IX

Pembiayaan berjangka sebanyak RM75,000,000 adalah berdasarkan prinsip Murabahah. Pembiayaan ini adalah untuk penebusan kemudahan dengan Bank Muamalat Malaysia Berhad. Tempoh bayaran balik adalah selama 108 bulan. Keuntungan margin yang dikenakan adalah 6.81% (2020: 6.81%) Jaminan dan cagaran adalah:

- (i) Surat Ikatan akan mengumpulkan semua bayaran anggota melalui Sumber Manusia Bank Rakyat dan akan terus melalui akaun semasa yang diuruskan oleh Bank Rakyat;
- (ii) Semua hak, faedah dan kemudahan ke atas akaun yang telah dilantik;
- (iii) Surat Ikatan untuk insuran dan takaful; dan
- (iv) Lain-lain dokumen bercagaran yang dikenakan oleh Bank atas nasihat peguam.

Pembiayaan berjangka X

Pembiayaan berjangka sebanyak RM125,000,000 adalah berdasarkan prinsip Murabahah. Pembiayaan ini adalah untuk keperluan modal kerja dalam melanjutkan skim pembiayaan kepada anggota Koperasi. Tempoh bayaran balik adalah selama 120 bulan. Keuntungan margin yang dikenakan adalah 4.10% (2021: 5.13%). Jaminan dan cagaran adalah:

- (i) Surat Ikatan akan mengumpulkan semua bayaran anggota melalui Sumber Manusia Bank Rakyat dan akan terus melalui akaun semasa yang diuruskan oleh Bank Rakyat;
MELULUSKAN ELAUN-ELAUN KEPADA LEMBAGA, JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN, JAWATANKUASA SYARIAH DAN SARAAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA YANG DILANTIK SEBAGAI PENGARAH SUBSIDIARI ATAU SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA, JIKA ADA

- 1. CADANGAN ELAUN MESYUARAT ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH**
- 2. CADANGAN ELAUN TETAP ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH**
- 3. CADANGAN ELAUN ANGGOTA JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**
- 4. CADANGAN ELAUN JAWATANKUASA SYARIAH**
- 5. MAKLUMAN ELAUN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA YANG DILANTIK SEBAGAI PENGARAH DALAM SYARIKAT BERSEKUTU**
- 6. CADANGAN PERBELANJAAN TAKAFUL GROUP HOSPITAL & SURGICAL DAN RAWATAN PESAKIT LUAR BAGI ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH**

CADANGAN ELAUN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

CADANGAN ELAUN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

1.0 TUJUAN

Cadangan ini disediakan bertujuan memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) 2023 bagi Bayaran Elaun Mesyuarat Lembaga Pengarah sebanyak RM200.00 seorang bagi satu mesyuarat, tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM1,000.00 (5 kali mesyuarat) sebulan kepada sembilan (9) orang Anggota Lembaga Pengarah bagi tahun 2023.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Lembaga Pengarah Sekatarakyat boleh menuntut elaun mesyuarat sebanyak RM200.00 seorang bagi satu mesyuarat, tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM1,000.00 seorang sebulan.
- 2.2 Kadar bayaran elaun tersebut bagi tahun 2022 telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan yang telah diadakan pada 5 Mac 2022.
- 2.3 Jumlah keseluruhan yang diluluskan ialah RM108,000.00 iaitu, RM1,000 x 9 orang x 12 bulan.
- 2.4 Elaun sebenar yang telah dibayar pada tahun 2022 berjumlah RM93,000.00, iaitu tidak melebihi jumlah maksimum yang telah diluluskan.
- 2.5 Jumlah bayaran elaun mesyuarat kepada Lembaga Pengarah berbanding keuntungan bagi sepuluh (10) tahun sehingga tahun 2012 adalah seperti yang berikut :-

Tahun	Untung / (Rugi) Bersih Sebelum Keuntungan dan Hibah Deposit Anggota & Cukai (RM)	+/- berbanding tahun sebelumnya	%+/- berbanding tahun sebelumnya	Jumlah bayaran elaun mesyuarat Lembaga Pengarah	+/- berbanding tahun sebelumnya	% berbanding dengan keuntungan bersih tahun semasa
2012	10,744,343			42,100		0.39%
2013	14,060,163	3,315,820	31%	56,400	14,300	0.40%
2014	14,242,350	182,187	1%	49,200	-7,200	0.35%
2015	15,424,719	1,182,369	8%	53,000	3,800	0.34%
2016	18,678,354	3,253,635	21%	57,800	4,800	0.31%
2017	16,374,476	-2,303,878	-12%	55,600	-2,200	0.34%
2018	17,860,071	1,485,595	9%	58,000	2,400	0.32%
2019	19,631,108	1,771,037	10%	64,400	6,400	0.33%
2020	15,725,646	-3,905,462	-15%	64,800	400	0.41%
2021	19,741,128	4,015,482	25%	84,000	19,200	0.43%
2022	23,115,736	3,374,608	17%	93,000	9,000	0.40%

3.0 CADANGAN

Adalah dicadangkan supaya Elaun Mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tahun 2023 diluluskan seperti yang berikut :-

RM200.00 seorang bagi satu mesyuarat tertakluk kepada RM1,000.00 sebulan seorang, bersamaan dengan jumlah maksimum sebanyak RM108,000.00 untuk 9 orang Anggota Lembaga Pengarah setahun.

4.0 IMPLIKASI KEWANGAN

JUMLAH ELAUN YANG DICADANGKAN	PERUNTUKAN BELANJAWAN 2022 * Elaun Mesyuarat Lembaga Pengarah
(RM1,000.00 x 9) x 12 Bulan = RM108,000.00 (maksimum)	RM298,080.00

5.0 ALASAN CADANGAN

Alasan untuk cadangan ini adalah seperti butiran yang berikut :-

- a. Pertumbuhan perniagaan dan penambahan kerumitan perniagaan Sekatarakyat kerap memerlukan Anggota Lembaga Pengarah bermesyuarat sehingga 5 kali sebulan, kadang-kadang lebih daripada 5 kali.
- b. Walau bagaimanapun jika Anggota Lembaga Pengarah bermesyuarat lebih daripada 5 kali sebulan, elaun mesyuarat akan dibayar untuk 5 kali sahaja.
- c. Jumlah keseluruhan yang dicadangkan ini sebanyak RM108,000.00 adalah dalam lingkungan amaun yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2023.

6.0 KESIMPULAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2023 dipohon meluluskan cadangan ini.

CADANGAN ELAUN TETAP ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH

CADANGAN ELAUN TETAP ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH

1.0 TUJUAN

Cadangan ini disediakan bertujuan memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2023 mengenai cadangan bayaran elaun tetap kepada sembilan (9) orang Lembaga Pengarah bagi tahun 2023.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Sejak tahun 2008 hingga 2020, bayaran Honorarium kepada Lembaga Pengarah adalah berdasarkan kepada prestasi kewangan Sekatarakyat bagi tahun kewangan berakhir setiap 31 Disember.

2.2 Mengikut Akta Koperasi 1993. “honorarium” ertinya suatu bahagian keuntungan bersih teraudit koperasi yang diagihkan antara beberapa atau semua anggota Lembaga sebagai balasan bagi perkhidmatan mereka yang lazimnya tidak diberi saraan.

2.3 Pembayaran honorarium mengambil kira faktor prestasi koperasi, elaun dan kemudahan yang telah diterima oleh ALP serta sumbangan yang diberi oleh ALP dalam koperasi.

2.4 Pada asasnya, koperasi dibenarkan membuat cadangan untuk membayar honorarium dalam dua keadaan iaitu :-

2.4.1 tidak melebihi 10% daripada baki untung bersih teraudit selepas pembahagian berkanun atau RM150,000 mana yang lebih rendah; atau

2.4.2 melebihi amaun RM150,000 bagi koperasi yang mematuhi kriteria berikut:-

2.4.2.1 untung bersih teraudit untuk tahun kewangan berkenaan mestilah melebihi RM30 Juta ;

2.4.2.2 pulangan atas ekuiti (return on equity) sekurang-kurangnya pada kadar 8%; dan

2.4.2.3 pulangan atas aset (return on asset) sekurang-kurangnya pada kadar 6%.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

2.5 Berikut adalah maklumat berkaitan bayaran honorarium Lembaga Pengarah yang telah diluluskan sejak tahun 2008 hingga 2020 :-

Tahun	Keuntungan Sebelum Cukai	Jumlah Bayaran Honorarium	Bilangan Anggota Lembaga Pengarah	% Jumlah Bayaran Honorarium Berbanding Keuntungan Sebelum Cukai
	RM	RM		%
2008	5,717,780	121,503	8 Orang	2.50%
2009	7,470,637	110,000	8 Orang	1.50%
2010	6,646,741	110,000	8 Orang	1.60%
2011	8,006,827	110,000	8 Orang	1.40%
2012	10,744,343	110,000	8 Orang	1.00%
2013	14,060,163	110,000	8 Orang	0.78%
2014	14,242,350	110,000	8 Orang	0.77%
2015	15,424,719	110,000	8 Orang	0.71%
2016	18,678,354	110,000	8 Orang	0.59%
2017	16,374,476	90,000	8 Orang	0.54%
2018	17,860,071	130,000	9 Orang	0.73%
2019	19,631,108	130,000	9 Orang	0.66%
2020	15,725,646	104,000	9 Orang	0.66%

2.6 Mulai tahun 2021, setiap Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat menerima elaun tetap sebanyak RM1,200.00 sebulan yang melibatkan 9 orang dengan peruntukan RM129,600.00 setahun. Honorarium tidak dibayar lagi mulai tahun itu.

2.7 Kadar bayaran elaun tersebut yang diluluskan berbanding untung bersih Sekatarakyat sejak tahun 2021 adalah seperti yang berikut:-

Tahun	Untung/(Rugi) Bersih Sebelum Keuntungan dan Hibah Deposit Anggota & Cukai (RM)	Jumlah Bayaran Elaun Tetap (RM)	Bilangan Anggota Lembaga Pengarah	% Jumlah Bayaran Elaun Tetap Berbanding Untung/(Rugi) Bersih Sebelum Keuntungan dan Hibah Deposit Anggota & Cukai (%)
2021	19,741,128	129,600	9 Orang	0.66%
2022	23,115,736	129,600	9 Orang	0.56%

3.0 CADANGAN

Adalah dicadangkan supaya jumlah bayaran elaun tetap Anggota Lembaga Pengarah diluluskan sebanyak RM1,500.00 sebulan bagi seorang Anggota Lembaga Pengarah bagi tahun 2023.

4.0 ALASAN CADANGAN

4.1 Alasan cadangan untuk menaikkan bayaran elaun tetap Anggota Lembaga Pengarah adalah seperti butiran yang berikut :-

4.1.1 Tanggungjawab Anggota Lembaga Pengarah semakin bertambah dengan perkembangan pesat perniagaan Sekatarakyat beserta dengan kerumitan perniagaan yang bertambah. Jumlah aset telah melepasi RM1 bilion dan bidang perniagaan telah meluas kepada projek pembangunan dan penyewaan hartanah yang besar.

4.1.2 Berikutan daripada yang di atas, tugas dan tanggungjawab untuk mengurus dan mengawal risiko dan keuntungan bagi melindungi pulangan dan manfaat Anggota telah menjadi lebih berat.

4.1.3 Seseorang Anggota Lembaga Pengarah juga perlu memegang sekurang-kurangnya satu Portfolio dan ini masih diteruskan sehingga kini.

4.1.4 Seseorang Anggota Lembaga Pengarah juga perlu menganggotai sekurang-kurang satu komiti projek hartanah yang diluluskan untuk memantau perkembangan status terkini. Projek Hartanah yang telah diluluskan adalah seperti yang berikut :-

4.1.4.1 Projek Perumahan Salak Tinggi, Dengkil, Selangor

4.1.4.2 Projek Perumahan Mantin, Seremban, Negeri Sembilan

4.1.4.3 Projek Pembelian & Penyewaan Blok-Blok Komersial Vivo @ 9 Seputeh, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur

4.1.4.4 Projek Perindustrian Elmina, Shah Alam, Selangor

4.1.4.5 Projek Perindustrian Pontian, Pontian, Johor

4.1.4.6 Projek Perumahan Villa Bukit Negeri, Seremban, Negeri Sembilan

4.1.5 Komitmen dan penglibatan masa seseorang Anggota Lembaga Pengarah dalam mentadbir Sekatarakyat sangat tinggi memandangkan sehingga kini seramai 6 orang Anggota Lembaga Pengarah masih berkhidmat di Bank Rakyat manakala 3 orang Anggota Lembaga Pengarah berstatus bersara.

4.2 Bayaran Elaun Tetap yang dicadangkan ini adalah berjumlah RM162,000.00 setahun.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

- 4.3 Prestasi keuntungan Sekatarakyat telah bertahun-tahun mantap dan bayaran Elaun Tetap adalah sebahagian kecil daripada keuntungan.
- 4.4 Bayaran Elaun Tetap bagi Anggota Lembaga Pengarah selaras dengan amalan kebanyakan koperasi.
- 4.5 Berikut adalah maklumat berkaitan bayaran Elaun Tetap Lembaga Pengarah yang diluluskan sejak tahun 2021 seperti yang berikut :-

Tahun	Untung/(Rugi) Bersih Sebelum Keuntungan dan Hibah Deposit Anggota & Cukai (RM)	Jumlah Bayaran Elaun Tetap (RM)	Bilangan Anggota Lembaga Pengarah	% Jumlah Bayaran Elaun Tetap Berbanding Untung/(Rugi) Bersih Sebelum Keuntungan dan Hibah Deposit Anggota & Cukai (%)
2021	19,741,128	129,600	9 Orang	0.66%
2022	23,115,736	129,600	9 Orang	0.56%

- 4.6 Peratusan Bayaran Elaun Tetap berbanding untung /(rugi) bersih sebelum keuntungan dan hibah deposit anggota dan cukai pada tahun 2021 dan 2022 adalah di bawah 1%.
- 4.7 Berikut adalah maklumat berkaitan cadangan bayaran Elaun Tetap Anggota Lembaga Pengarah bagi tahun 2023 :-

Tahun	Untung/(Rugi) Bersih Sebelum Keuntungan dan Hibah Deposit Anggota & Cukai (RM)	Jumlah Bayaran Elaun Tetap (RM)	Bilangan Anggota Lembaga Pengarah	% Jumlah Bayaran Elaun Tetap Berbanding Untung/(Rugi) Bersih Sebelum Keuntungan dan Hibah Deposit Anggota & Cukai (%)
2023	27,024,951	162,000	9 Orang	0.59%

- 4.8 Peratus jumlah bayaran elaun tetap berbanding untung / (rugi) bersih sebelum keuntungan dan hibah deposit anggota dan cukai selepas kenaikan adalah sebanyak 0.59%, hanya naik 0.03% berbanding peratusan pada tahun 2022 iaitu 0.56%.
- 4.9 Namun peratusan ini masih rendah berbanding pada peratusan beberapa tahun sebelum ini yang pernah diluluskan oleh Mesyuarat Agung sehingga 2.5%.
- 4.10 Kenaikan Bayaran Elaun Tetap adalah sejajar dengan peningkatan prestasi Sekatarakyat dari tahun ke tahun.

5.0 IMPLIKASI KEWANGAN

Peruntukan Elaun Bulanan bagi Anggota Lembaga Pengarah dalam Belanjawan 2023 adalah sebanyak RM162,000.00.

6.0 KESIMPULAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2023 dipohon meluluskan cadangan ini.

CADANGAN ELAUN ANGGOTA JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

CADANGAN ELAUN KEPADA ANGGOTA JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

1.0 TUJUAN

Cadangan ini disediakan bertujuan memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2023 bagi cadangan bayaran elaun kepada tiga orang Anggota Jawatankuasa Audit Dalamam Sekatarakyat.

2.0 LATAR BELAKANG

Pada masa ini, apabila seseorang anggota Jawatankuasa Audit Dalamam menjalankan tugas di Sekatarakyat, beliau perlu mengambil cuti tahunannya di Bank Rakyat ataupun menggunakan masa peribadinya (anggota yang bersara).

3.0 CADANGAN

- 3.1 Lembaga Pengarah mencadangkan supaya bayaran elaun sebanyak RM1,100.00 seorang bagi setiap kali tugas pengauditan tertakluk kepada jumlah maksima RM4,400.00 seorang setahun kepada Jawatankuasa Audit Dalamam yang terdiri daripada seramai 3 orang.
- 3.2 Bayaran elaun tersebut adalah tertakluk kepada tugas pengauditan yang mesti dijalankan sekurang-kurangnya sebanyak 4 kali setahun, iaitu RM1,100.00 bagi setiap kali tugas pengauditan.

4.0 IMPLIKASI KEWANGAN

Implikasi kewangan yang terlibat adalah seperti yang berikut:

BIL	RM (SEORANG)	JUMLAH (RM) (SETAHUN)
3	4,400.00	13,200.00

5.0 KESIMPULAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2023 dipohon meluluskan cadangan ini.

CADANGAN ELAUN JAWATANKUASA SYARIAH

CADANGAN ELAUN KEPADA ANGGOTA JAWATANKUASA SYARIAH

1.0 TUJUAN

Cadangan ini disediakan bertujuan memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2023 bagi cadangan bayaran elaun kepada Anggota Jawatankuasa Syariah Sekatarakyat.

2.0 LATAR BELAKANG

Pada masa ini, apabila seseorang anggota Jawatankuasa Syariah menjalankan tugas di Sekatarakyat, beliau perlu mengambil cuti tahunan dari majikannya ataupun menggunakan masa peribadinya.

3.0 CADANGAN

3.1 Lembaga Pengarah mencadangkan supaya bayaran elaun sebanyak RM1,100.00 seorang bagi setiap kali tugas pengauditan tertakluk kepada jumlah maksima RM4,400.00 seorang setahun kepada Jawatankuasa Syariah yang terdiri daripada seramai 3 orang.

3.2 Bayaran elaun tersebut adalah tertakluk kepada tugas dan mesyuarat jawatankuasa yang mesti dijalankan sekurang-kurangnya sebanyak 4 kali setahun, iaitu RM1,100.00 bagi setiap kali tugas dijalankan.

4.0 IMPLIKASI KEWANGAN

Implikasi kewangan yang terlibat adalah seperti yang berikut:

BIL	RM (SEORANG)	JUMLAH (RM) (SETAHUN)
3	4,400.00	13,200.00

5.0 KESIMPULAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2023 dipohon meluluskan cadangan ini.

**MAKLUMAN ELAUN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH YANG DILANTIK
SEBAGAI PENGARAH DALAM SYARIKAT BERSEKUTU**

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

MAKLUMAN ELAUN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA YANG DILANTIK SEBAGAI PENGARAH DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Pada tahun 2010, Sekata Panacom Sdn. Bhd. telah ditubuhkan atas usahasama antara Sekatarakyat dengan Syarikat Panacom Sales & Services Sdn. Bhd.
- 1.2 Penubuhan Sekata Panacom adalah sebagai platform untuk memasarkan produk-produk Panacom kepada Bank Rakyat yang khususnya untuk bidang keselamatan, komunikasi dan lain-lain.
- 1.3 Kelulusan pelaburan dalam syarikat usahasama telah diperolehi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada 19 Oktober 2011.
- 1.4 Sekatarakyat telah membuat pelaburan sebanyak RM15,000.00 manakala Panacom Sales & Services sebanyak RM35,000.00.
- 1.5 Sejak tahun 2013, Sekatarakyat telah menerima dividen pulangan atas pelaburan seperti jadual di bawah:-

Tahun	Jumlah (RM)
2013	21,000.00
2014	21,000.00
2015	12,000.00
2016	21,000.00
2017	15,000.00
2018	-
2019	9,000.00
2020	-
2021	-
2022	-

2.0 MAKLUMAN

- 2.1 Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, Lembaga Pengarah Sekata Panacom Sdn. Bhd. telah bersetuju untuk membayar elaun sebanyak RM1,000.00 kepada setiap Pengarah yang terdiri daripada seorang wakil daripada Sekatarakyat dan dua orang wakil daripada Panacom Sales & Services Sdn. Bhd.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

- 2.2 Y. Bhg. Datuk Mohamed Arsad Sehan telah dilantik untuk mewakili Sekatarakyat dalam Sekata Panacom Sdn. Bhd. dan selanjutnya syarikat itu telah melantik beliau sebagai Pengerusinya.
- 2.3 Mengikut garis panduan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, GP17, Datuk Mohamed Arsad Sehan perlu mendapat kelulusan Mesyuarat Agung bagi membolehkan beliau menerima elaun yang dibayar oleh Sekata Panacom ini. Walaubagaimanapun, Datuk Mohamed Arsad Sehan telah memilih untuk menyerahkan wang elaun ini kepada Sekatarakyat dan Sekatarakyat telah pun menerima wang itu.
- 2.4 Elaun Pengarah tersebut telah dibayar bermula tahun 2012 hingga kini (*kecuali bagi tahun 2018*). Butiran penerimaan elaun yang telah diserahkan kepada Sekatarakyat adalah seperti yang dibawah:-

TAHUN	JUMLAH (RM)
2012	8,000.00
2013	8,000.00
2014	8,000.00
2015	2,000.00
2016	8,000.00
2017	2,000.00
2018	-
2019	1,000.00
2020	1,000.00
2021	1,000.00
2022	1,000.00
JUMLAH	40,000.00

*** Nota : Elaun Pengarah bagi tahun 2022 telah diterima pada 13 Disember 2022.*

- 2.5 Keuntungan bersih bagi tahun-tahun perniagaan Sekata Panacom adalah seperti yang berikut :-

TAHUN	2022	2021
JUALAN (RM)	47,353.00	88,350.00
KEUNTUNGAN BERSIH (RM)	(21,519.55)	(12,432.02)

**CADANGAN PERBELANJAAN TAKAFUL GROUP HOSPITAL & SURGICAL DAN
RAWATAN PESAKIT LUAR BAGI ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH**

CADANGAN PERBELANJAAN TAKAFUL GROUP HOSPITAL & SURGICAL DAN RAWATAN PESAKIT LUAR BAGI ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH

1.0 TUJUAN

Cadangan ini disediakan bagi memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2023, Kali ke-27 berkenaan Takaful Group Hospital & Surgical (GHS) serta rawatan pesakit luar bagi Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat yang telah bersara dari perkhidmatan Bank Rakyat dan tiada skim perlindungan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pemilihan Lembaga Pengarah Sekatarakyat dilakukan oleh anggota-anggota perwakilan di Mesyuarat Agung Perwakilan yang diadakan setahun sekali.
- 2.2 Anggota Lembaga Pengarah yang dilantik akan berkhidmat untuk setiap penggal dan boleh dilantik semula oleh Mesyuarat Agung Perwakilan selepas akhir penggal.
- 2.3 Bilangan Anggota Lembaga Pengarah pada masa ini adalah seramai sembilan orang.
- 2.4 Jumlah bayaran premium yang telah disalurkan mengikut tahun adalah seperti yang berikut:

TAHUN	JUMLAH PREMIUM SEORANG (RM)	JUMLAH BAYARAN (RM)	JUMLAH PENGGUNAAN (RM)
2017	916.90	2,750.70	TIADA
2018	1,412.00	2,824.00	TIADA
2019	1,005.00	2,010.00	TIADA
2020	1,558.00	3,116.00	TIADA
2021	1,434.00	4,302.00	TIADA
2022	1,417.00 (\leq 66 tahun) 12,500.00 (\geq 67 tahun)	13,917.00	TIADA

- 2.5 Sepanjang tahun 2022, tiada sebarang tuntutan untuk takaful GHS dan pesakit luar yang dituntut oleh Anggota Lembaga Pengarah.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

3.0 CADANGAN

3.1 Perlindungan Takaful Group Hospital & Surgical

Lembaga Pengarah mencadangkan adalah untuk memberi perlindungan Takaful Group Hospital & Surgical kepada Lembaga Pengarah Sekatarakyat seperti yang berikut:-

HOSPITAL & SURGICAL	PLAN
In- Hospital Care	RM
Hospital Room & Board (max. daily benefits) :	160.00
(i) Ordinary Room (up to 120 days max. per disability)	As Charged
(ii) Intensive Care (max. daily benefits) (up to 20 days max. per disability)	
Hospital Supplies & Services	
Surgical Fees	As Charged
Anesthetics Fees	
Operating Theatre Charges	

- In Hospital Physician's Fees (Max. 120 days per disability) (For Non- Surgical disability – max 2 visit per day, up to 120 days per disability)	
Malaysian GH Daily Allowance (Max 120 days per disability)	30.00

MEDICAL HOSPITALIZATION	PLAN
Hospital Service Tax	6%
Pre-Surgical/Medical Diagnostic Services	
Pre-Surgical/Medical Specialist Consultant	
Second Surgical Opinion	
Post-Hospitalisation Treatment (Max 60 days follow-up)	As Charged
Emergency Out patient Accidental Treatment (Max 60 days to follow-up)	
Accidental Dental Treatment (Max 14 days follow-up)	
Daycare Procedure (inclusive all incidental cost)	
Ambulance Fees – (Emergency & Non Emergency)	200.00
Emergency Out-patient Treatment (disability)	100.00
Medical Report Fee Reimbursement	50.00
Basic Overall Limit Per Member Per Annum	80,000.00

Additional benefits:	
Long Term Care	
i. Kidney Dialysis	10,000.00
ii. Chemotheraph, Radiation Therapy	10,000.00

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

3.1.1 Lembaga Pengarah mencadangkan adalah untuk mengambil Pelan *Per Member Per Annum*, di mana jumlah keseluruhan perlindungan tahunan tersebut berjumlah RM80,000.00 seorang.

3.1.2 Premium (kos) untuk perlindungan tersebut terbahagi kepada dua iaitu:

NO	HAD UMUR	JUMLAH PREMIUM SETAHUN
1	66 Tahun Kebawah	RM1,417.00
2	67 Tahun Keatas	RM12,500.00

3.1.3 Had umur yang diberikan bagi Group Hospital & Surgical adalah seperti yang berikut :-

- i. Sehingga 66 tahun, premium adalah sama seperti perkara 3.1.2.
- ii. Umur 67 tahun dan keatas, premium dikenakan berdasarkan pemeriksaan kesihatan. Sekiranya keputusan kesihatan di tahap memuaskan, pihak takaful akan melindungi dengan caj tambahan (*loading*) pada premium, manakala sekiranya keputusan kesihatan di tahap tidak memuaskan, pihak takaful akan menolak tanpa perlindungan.

3.1.4 Takaful ini hanya ditawarkan kepada Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat yang masih berkhidmat di Sekatarakyat.

3.1.5 Tempoh perlindungan tahunan bagi produk ini adalah bermula pada 1 September hingga 31 Ogos. Pemulangan premium secara prorata akan dibuat oleh pihak takaful sekiranya Anggota Lembaga Pengarah berkenaan menamatkan tempoh perkhidmatannya di Sekatarakyat sebelum tempoh takaful berakhir, begitu juga pembayaran premium secara prorata akan dicaj untuk Anggota Lembaga Pengarah baharu yang dilantik semasa Mesyuarat Agung Perwakilan.

3.2 Rawatan Pesakit Luar

Dicadangkan juga kemudahan rawatan pesakit luar dengan kosnya ditanggung oleh Sekatarakyat untuk Anggota Lembaga Pengarah dengan had tuntutan tersebut terhadap kepada RM600.00 setahun bagi seorang. Setiap resit tuntutan daripada mana-mana klinik adalah terhadap atas nama Anggota Lembaga Pengarah sahaja.

3.3 Implikasi Kewangan

Pada masa ini, bilangan Anggota Lembaga Pengarah yang mengambil skim perlindungan Group Hospitalisation & Surgical serta rawatan pesakit luar adalah seramai 3 orang, manakala 6 orang Anggota Lembaga Pengarah yang selebihnya mempunyai skim dan kemudahan yang ditanggung oleh majikan di tempat kerja mereka. Jumlah implikasi kewangan yang akan ditanggung oleh Sekatarakyat untuk 3 orang anggota lembaga ini ialah seperti yang berikut :-

- I. Premium bagi skim perlindungan Group Hospitalisation & Surgical untuk Anggota Lembaga Pengarah 3 orang itu adalah seperti yang berikut:-

NO	JUMLAH PREMIUM	AHLI LEMBAGA PENGARAH	JUMLAH
1	RM1,417.00	2	RM2,834.00
2	RM12,500.00	1	RM12,500.00
JUMLAH			RM15,334.00

- II. Kos rawatan pesakit luar:-

RM600.00 X 3 orang = RM1,800.00

- III. Jumlah tahunan RM17,134.00 [Jumlah tahunan untuk (i) dan (ii)].

- IV. Premium bagi skim perlindungan Group Hospitalisation & Surgical sekiranya andaian tambahan untuk Anggota Lembaga Pengarah yang berkhidmat di Sekatarakyat dan bersara (awal/wajib) dari majikan sedia ada, seramai 3 orang adalah seperti yang berikut :-

NO	JUMLAH PREMIUM	AHLI LEMBAGA PENGARAH	JUMLAH
1	RM1,417.00	3	RM4,251.00
JUMLAH			RM4,251.00

- V. Bagi kos rawatan pesakit luar pula adalah seperti yang berikut :-

RM600.00 X 3 orang = RM1,800.00

- VI. Jumlah premium keseluruhan bagi Anggota Lembaga Pengarah yang berkhidmat dan yang bersara (awal/wajib) adalah berjumlah RM23,185.00 [jumlah tahunan untuk (i), (ii), (iv) dan (v)].

VII. Selain daripada skim yang dicadangkan di atas, Anggota Lembaga Pengarah pada masa ini juga menerima imbuhan lain seperti yang berikut:-

- a. Elaun mesyuarat bulanan sebanyak RM200.00 bagi setiap mesyuarat dan tertakluk kepada maksimum RM1,000.00 sebulan.
- b. Elaun tetap setiap Anggota Lembaga Pengarah sebanyak RM1,200.00 sebulan.

4.0 ALASAN CADANGAN

Cadangan dibuat bagi memastikan Anggota Lembaga Pengarah yang sedang berkhidmat di Sekatarakyat tetapi telah bersara dari perkhidmatan di Bank Rakyat mempunyai skim perlindungan Group Hospitalisation & Surgical serta rawatan pesakit luar.

5.0 KESIMPULAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2023 dipohon meluluskan cadangan ini.

PERKARA 7

**MELULUSKAN PERLANTIKAN SUATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA TIDAK
KURANG DARIPADA DUA FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN
ATAU LAIN-LAIN FIRMA BERKAITAN**

**CADANGAN MEMOHON KELULUSAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN 2023
UNTUK MEMBERI MANDAT KEPADA LEMBAGA PENGARAH BAGI PELANTIKAN
SUATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA TIDAK KURANG DARIPADA DUA
FIRMA AUDIT ATAU LAIN-LAIN FIRMA BERKAITAN UNTUK MENGAUDIT AKAUN**

1.0 TUJUAN

Cadangan ini disediakan bertujuan memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2023 untuk memberi mandat kepada Lembaga Pengarah bagi perlantikan Juruaudit Luar bagi tahun kewangan berakhir Disember 2023.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada 5 Mac 2022, Mesyuarat Agung Perwakilan telah memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah bagi pelantikan Juruaudit Luar bagi tahun kewangan 2022 dan juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM50,000.00 setahun.
- 2.2 Selaras dengan kelulusan tersebut, Lembaga Pengarah bersetuju untuk melantik UHY Chartered Accountants dengan bayaran Fi Audit sebanyak RM40,000.00.
- 2.3 Pelantikan ini juga selaras dengan arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) kepada Sekatarakyat untuk melantik juruaudit luar yang berdaftar dengan Lembaga Pemantauan Audit (AOB - Audit Oversight Board).

3.0 CADANGAN

- 3.1 Memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan untuk memberi mandat kepada Lembaga Pengarah bagi perkara-perkara seperti yang berikut :-
 - a. Pelantikan firma audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.
 - b. Juruaudit yang akan dilantik adalah juruaudit yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia di bawah subseksyen 61 (1) Akta Koperasi 1993 (pindaan) 2016 serta pada masa yang sama juruaudit berkenaan berdaftar dengan Lembaga Pemantauan Audit (AOB).
 - c. Peruntukan fi Juruaudit luar dalam Belanjawan 2023 adalah sebanyak RM50,000.00.

4.0 RUMUSAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2023 dipohon meluluskan cadangan ini.

PERKARA 8

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN YANG DIBIYAI
OLEH WANG BERLEBIHAN KOPERASI**

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

CADANGAN BAGI AGENDA MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN DARIPADA WANG BERLEBIHAN SEKATARAKYAT

1.0 TUJUAN

Cadangan ini disediakan bertujuan memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2023 bagi memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk menentukan skop dan had pelaburan Sekatarakyat.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Agung Perwakilan telah meluluskan cadangan Lembaga Pengarah Sekatarakyat supaya Lembaga Pengarah diberi kuasa untuk menentukan skop dan had pelaburan Sekatarakyat bagi tahun 2022 dan tahun-tahun sebelumnya.
- 2.2 Kelulusan telah diberikan bagi membolehkan Lembaga Pengarah membuat keputusan segera apabila terdapat peluang yang menguntungkan Sekatarakyat.
- 2.3 Lembaga Pengarah Sekatarakyat juga akur bahawa kemudahan kepada anggota-anggota wajar diberi keutamaan sebelum menerima sebarang tawaran bagi menceburi sesuatu pelaburan dan sebagainya.
- 2.4 Senarai pelaburan yang disertai oleh Sekatarakyat sehingga 31 Disember 2022 adalah seperti yang berikut :-

BIL	PERKARA		PECAHAN PELABURAN	RM
1	Pelaburan Saham Siarharga	I	ASM Premier Fund	130,387
		II	Public Islamic Treasure Growth Fund	347,454
2	Pelaburan Saham Tak Siarharga	I	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd	6,000,097
		II	Akaun Deposit Koperasi di Coop Bank Pertama	6,324,793
3	Simpanan Tetap	I	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd	2,097,163
		II	Bank Muamalat Malaysia Berhad	2,810,543
		III	Bank Islam Malaysia Berhad	3,201,885
		IV	Affin Bank Berhad - Simpanan Tetap	135,755
4	Pelaburan Usahasama	I	Pelaburan projek perumahan Salak Tinggi	2,000,000
		II	Pelaburan projek perumahan Villa Bukit Negeri	12,500,000
		III	Pelaburan projek perumahan Mantin	3,350,000
		IV	Pelaburan projek perindustrian Kota Elmina	76,165,249
		V	Pelaburan projek perindustrian Pontian	105,421,046

Jumlah Pelaburan

220,484,372

3.0 CADANGAN

Lembaga Pengarah mencadangkan Mesyuarat Agung Perwakilan 2023 memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah bagi menentukan skop dan had pelaburan Sekatarakyat.

4.0 ALASAN CADANGAN

4.1 Bagi membolehkan Lembaga Pengarah berupaya membuat keputusan sama ada menceburi atau sebaliknya sesuatu pelaburan apabila peluang tersebut ditawarkan kepada Sekatarakyat.

4.2 Pelaburan perlulah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia terlebih dahulu seperti yang dinyatakan di bawah Garis Panduan 16 – Garis Panduan Pelaburan Wang Koperasi di bawah Seksyen 54 Akta Koperasi 1993.

5.0 KESIMPULAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2023 dipohon meluluskan cadangan ini.

PERKARA 9

MENETAPKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI

CADANGAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN SEKATARAKYAT

1.0 TUJUAN

Cadangan ini bertujuan memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2023 bagi mengekalkan had maksimum keterhutangan Sekatarakyat kepada RM1.6 bilion.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Agung Perwakilan yang telah diadakan pada 5 Mac 2022 telah meluluskan permohonan Lembaga Pengarah Sekatarakyat untuk menaikkan had keterhutangan maksimum Sekatarakyat daripada RM1.2bilion kepada RM1.6 bilion.
- 2.2 Penggunaan dana termasuk dana tambahan sepanjang tahun 2023 adalah seperti yang berikut:-

BIL	PERKARA	RM
1	Baki pembiayaan berjangka sehingga 31 Disember 2022	792,216,364
2	Baki Dana yang belum digunakan sehingga 31 Disember 2022	
	a) Pembiayaan Anggota	44,509,204
	b) Pembiayaan Ar-Rahnu / Pembukaan Cawangan Ar-Rahnu	54,400,139
3	Projek Pelaburan Hartanah	346,128,544
4	Rizab keterhutangan 2023	362,745,749
	JUMLAH	1,600,000,000

3.0 CADANGAN

Lembaga Pengarah mencadangkan supaya had maksimum keterhutangan Sekatarakyat dikekalkan sebanyak RM1.6 bilion bagi menampung unjuran pengeluaran pembiayaan kepada anggota-anggota Sekatarakyat, peminjam-peminjam Ar-Rahnu serta lain-lain projek yang telah dirancang oleh Sekatarakyat, manakala selebihnya akan digunakan apabila terdapat keperluan kelak.

4.0 ALASAN CADANGAN

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada jumlah yang dinyatakan di atas, baki had keterhutangan sedia ada adalah dikekalkan bagi memastikan Sekatarakyat dapat bergerak lancar dalam menjalankan aktiviti-aktivitinya dan seterusnya dapat memberikan pulangan yang menguntungkan kepada anggota-anggotanya dalam bentuk dividen tahunan, keuntungan deposit anggota, kemudahan yang disediakan dan sebagainya.

5.0 KESIMPULAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2023 dipohon meluluskan cadangan ini.

PERKARA 10

**PELANTIKAN JAWATANKUASA PENENTUSAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG
KALI KE DUA PULUH TUJUH (KE-27)**

CADANGAN MELANTIK SUATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM ORANG ANGGOTA ATAU PERWAKILAN DAN EMPAT ORANG ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH UNTUK MENENTUSAHKAN DERAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN 2023 KALI KE-27

1.0 TUJUAN

Cadangan ini disediakan untuk memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2023 bagi melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota atau perwakilan dan empat orang anggota Lembaga Pengarah untuk menentusahkan deraf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan 2023 Kali Ke-27.

2.0 LATAR BELAKANG

Bermula dari Mesyuarat Agung Perwakilan yang telah diadakan pada 19 Februari 2011, mesyuarat bersetuju supaya perlantikan jawatankuasa tersebut dimaklumkan pada awal mesyuarat bagi membolehkan anggota jawatankuasa yang dilantik menumpukan perhatian kepada perkara-perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat supaya boleh meneliti deraf minit yang disediakan agar tepat.

3.0 CADANGAN

Atas alasan yang sama seperti di Perkara 2.0, Lembaga Pengarah Sekatarakyat mencadangkan anggota-anggota perwakilan seperti yang berikut dilantik sebagai anggota Jawatankuasa penentusahan deraf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-27/2023, seperti yang berikut:-

BIL	NAMA PERWAKILAN	NO. ANGGOTA	KAWASAN
1	Pengerusi Sekatarakyat	-	ALP
2	Setiausaha Kehormat	-	ALP
3	Abdul Lidzam Muhamad Alias	1138	ALP
4	Saliman Zainal	955	ALP
5	Nor Laily Nor Anuar	1756	1
6	Suhaimi Omar	2023	1
7	Suhaimi Che Omar	2192	1
8	Ismat Nazrul Mat Isa	4161	2
9	Dzulnuren Dzulkifli	7163	2
10	Pengerusi Mesyuarat	-	-

*** Nota : semua calon telah dihubungi dan bersetuju dengan pelantikan*

4.0 KESIMPULAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2023 dipohon meluluskan cadangan ini.

PERKARA 11

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN TAHUN
KEWANGAN 2022**

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

CADANGAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN 2022

(i) Cadangan Tabung Persaraan Kakitangan

- a) Berdasarkan kepada prestasi kewangan Sekatarakyat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, Lembaga Pengarah Sekatarakyat mencadangkan peruntukan bagi Tabung Persaraan Kakitangan berjumlah **RM250,000** untuk dipertimbangkan dan diluluskan oleh mesyuarat.
- b) Maklumat Tabung Persaraan Kakitangan yang telah diluluskan sejak tahun 2008 adalah seperti yang berikut :-

Tahun	Keuntungan sebelum Cukai RM	Peruntukan dicadangkan	Peruntukan diluluskan oleh MAP	Jumlah RM
		%	%	
2008	5,717,780		2	97,202
2009	7,470,637		2	112,059
2010	6,646,741		2	112,995
2011	8,006,827		2	136,116
2012	10,744,343		2	183,311
2013	14,060,163		2	206,614
2014	14,242,350		2	219,808
2015	15,424,719		2	233,820
2016	18,678,354		2	282,532
2017	16,374,476		2	256,799
2018	17,860,071		2	281,368
2019	19,631,108		-	-
2020	15,725,646		-	-
2021	19,741,128		2	348,837
2022	1,709,668			250,000

- c) Pergerakan tabung tersebut sejak tahun 2008 adalah seperti yang berikut :-

Tahun	Bayaran kepada kakitangan	Peruntukan dari Akaun Pembahagian Keuntungan	Keuntungan dari Pelaburan	Baki Tabung
	RM	RM	RM	RM
2008		112,059		829,611
2009	46,800	112,059		883,435
2010		112,995		996,430
2011		136,116		1,132,546
2012	39,840	183,311		1,276,017
2013		206,614		1,482,631
2014		219,808		1,702,439

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

2015	104,583	233,820		1,831,676
2016		282,532		2,114,208
2017		256,799		2,371,007
2018	122,751	281,368		2,529,624
2019		-		2,529,624
2020		-	235,084	2,764,708
2021		348,837	10,209	3,123,754
2022	19,475	250,000	49,704	3,403,983

(ii) Cadangan Tabung Kebajikan dan Khairat Anggota

- a) Berdasarkan kepada prestasi kewangan Sekatarakyat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, Lembaga Pengarah Sekatarakyat mencadangkan peruntukan bagi Tabung Kebajikan dan Khairat Anggota berjumlah **RM12,009** untuk dipertimbangkan dan diluluskan oleh mesyuarat.
- b) Maklumat Tabung Kebajikan dan Khairat Anggota yang telah diluluskan sejak tahun 2008 adalah seperti yang berikut:-

Tahun	Keuntungan sebelum Cukai RM	Peruntukan dicadangkan %	Peruntukan diluluskan oleh MAP %	Jumlah RM
2008	5,717,780		2	97,202
2009	7,470,637		2	112,059
2010	6,646,741		2	112,995
2011	8,006,827		2	136,116
2012	10,744,343		2	183,311
2013	14,060,163		2	206,614
2014	14,242,350		2	219,808
2015	15,424,719		2	233,820
2016	18,678,354		2	282,532
2017	16,374,476		2	256,799
2018	17,860,071		2	281,368
2019	19,631,108		2	310,395
2020	15,725,646		2	272,752
2021	19,741,128		2	368,161
2022	1,709,668			12,009

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

c) Pergerakan tabung tersebut sejak tahun 2008 adalah seperti yang berikut :-

Tahun	Bayaran kepada anggota RM	Tambahan Peruntukan Dari Akaun Pembahagian Keuntungan RM	Baki Tabung RM
			156,742
2008	80,600	97,202	173,344
2009	82,435	112,059	202,968
2010	85,450	112,995	230,513
2011	94,200	136,116	272,429
2012	63,700	183,311	392,040
2013	79,700	206,614	518,954
2014	87,800	219,808	650,452
2015	86,490	233,820	797,782
2016	24,500	282,532	1,055,814
2017	49,400	256,799	1,263,213
2018	122,400	281,368	1,422,181
2019	115,400	310,395	1,617,176
2020	106,700	272,752	1,636,829
2021	263,200	348,837	1,722,466
2022	169,099	12,009	1,565,376

(iii) Cadangan dividen bagi tahun

- a) Berdasarkan kepada prestasi kewangan Sekatarakyat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, Lembaga Pengarah Sekatarakyat mencadangkan bayaran dividen sebanyak 1% dibayar kepada setiap anggota-anggota Sekatarakyat yang berkecualan bagi tahun tersebut berjumlah **RM349,293** untuk dipertimbangkan dan diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

- b) Maklumat dividen yang telah diluluskan sejak tahun 2008 adalah seperti yang berikut :-

Tahun	Keuntungan sebelum cukai RM	Dividen dicadangkan %	Dividen diluluskan oleh MAP %	Dividen diluluskan oleh SKM %	Jumlah RM
2008	5,717,780		10	10	4,024,026
2009	7,470,637		10	10	4,208,768
2010	6,646,741		10	10	4,463,457
2011	8,006,827		12.5	12.5	5,912,941
2012	10,744,343		13	13	7,521,792
2013	14,060,163		15	15	9,670,348
2014	14,242,350		15	15	10,117,306
2015	15,424,719		15	15	10,991,275
2016	18,678,354		15	15	13,034,194
2017	16,374,476		13.5	13.5	12,156,124
2018	17,860,071		13.5	13.5	13,322,493
2019	19,631,108		14	14	15,022,743
2020	15,725,646		10	10	11,858,047
2021	19,741,128		12	12	15,779,418
2022	1,709,668	1			349,293

PERKARA 12
MENGISYTIHAR ATAU MENERBITKAN SYER-SYER BONUS
(TIADA)

PERKARA 13

**MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA URUSAN LAIN
KOPERASI YANG SUATU NOTIS YANG TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI
TELAH DIBERIKAN**

PERKARA 14

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA CADANGAN PINDAAN KEPADA
UNDANG-UNDANG KECIL SEKATARAKYAT**

(TIADA)

PERKARA 15

MENDENGAR DAN MEMUTUSKAN APA-APA ADUAN, YANG SUATU NOTIS YANG TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI TELAH DIBERIKAN KEPADA SEKATARAKYAT, YANG DIKEMUKAKAN OLEH ANGGOTA YANG TERKILAN DENGAN KEPUTUSAN LEMBAGA PENGARAH SEKATARAKYAT

PERKARA 16

**MELULUSKAN APA-APA PERBELANJAAN BAGI PELANTIKAN ORANG-ORANG
YANG KOMPETEN UNTUK MEMBANTU JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**

**CADANGAN MEMOHON KELULUSAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN 2023
UNTUK MEMBERI MANDAT KEPADA LEMBAGA PENGARAH BAGI MELANTIK
ORANG-ORANG YANG KOMPETEN UNTUK MEMBANTU JAWATANKUASA AUDIT
DALAMAN**

1.0 TUJUAN

Cadangan ini disediakan bagi memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2023 untuk memberi mandat kepada Lembaga Pengarah bagi melantik Orang-orang yang Kompeten untuk membantu Jawatankuasa Audit Dalaman.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Jawatankuasa Audit Dalaman memainkan peranan penting dalam sistem tadbir urus koperasi berkaitan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko kerana ia berupaya menyediakan penilaian yang bebas dan boleh menjadi petunjuk terhadap pematuhan ke atas undang-undang, dasar dan prosedur sedia ada di Sekatarakyat.
- 2.2 Oleh kerana kekangan masa dan tanggungjawab, Jawatankuasa Audit Dalaman didapati tidak berfungsi sepenuhnya seperti yang perlu dijalankan bagi memenuhi Garis Panduan 4 yang disediakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Oleh yang demikian, Lembaga Pengarah berpendapat Sekatarakyat perlu melantik orang-orang yang kompeten bagi membantu Jawatankuasa Audit Dalaman yang telah dilantik.
- 2.3 Permohonan bagi mendapatkan kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan bagi cadangan pelantikan Orang-orang yang Kompeten bagi membantu Jawatankuasa Audit Dalaman Sekatarakyat bagi tahun 2022 telah diluluskan di Mesyuarat Agung Perwakilan pada 5 Mac 2022.
- 2.6 Mesyuarat Agung Perwakilan juga telah meluluskan perbelanjaan sebanyak RM80,000.00 setahun diperuntukkan bagi perbelanjaan yang melibatkan kerja-kerja yang dijalankan oleh pihak yang dilantik bagi membantu jawatankuasa tersebut.
- 2.7 Skop pengauditan yang ditentukan oleh Jawatankuasa Audit Dalaman Sekatarakyat dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Sekatarakyat bagi tahun kewangan 2022 adalah seperti butiran yang berikut :-
- a) Bidang Kuasa Pengurusan
 - b) Unit Kafetaria & Kedai
 - c) Unit Ar-rahnu

- 2.8 Lembaga Pengarah telah bersetuju melantik syarikat CWC & ENG PLT sebagai orang yang kompeten bagi membantu Jawatankuasa Audit Dalam berkuatkuasa mulai 5 Jun 2022 di mana tempoh kerja yang ditetapkan adalah bagi satu tahun dengan yuran tahunan sebanyak RM40,000.00. CWC & ENG PLT adalah firma audit bertauliah yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengauditan, usaha wajar (due diligence), tawaran awam permulaan (*Initial Public Offering*) dan penggabungan dan pengambilalihan yang melibatkan syarikat tersenarai / syarikat multinasional dan pelanggan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).
- 2.9 Skop pengauditan yang telah ditetapkan kepada syarikat tersebut bagi tahun 2022 adalah bidang kuasa pengurusan, Unit Kafeteria & Kedai dan Unit Ar-rahnu.
- 2.10 Sepanjang tahun 2022, CWC & ENG PLT telah menjalankan kerja-kerja pengauditan sebanyak 4 kali dari 11 Mei 2022 sehingga 13 Disember 2022. Jawatankuasa Audit Dalam dan Lembaga Pengarah berpuas hati dengan kerja-kerja yang telah dijalankan oleh CWC & ENG PLT.

3.0 CADANGAN

- 3.1 Lembaga Pengarah memohon mandat daripada Mesyuarat Agung Perwakilan 2023 untuk memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah bagi melantik Orang Kompeten bagi membantu Jawatankuasa Audit Dalam dengan kelulusan perbelanjaan tidak melebihi RM80,000.00.
- 3.2 Skop pengauditan akan ditentukan kemudian oleh Lembaga Pengarah setelah merujuk kepada Jawatankuasa Audit Dalam.

4.0 KESIMPULAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2023 dipohon meluluskan cadangan ini.

PERKARA 17

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA LAPORAN YANG HENDAK
DIKEMUKAKAN MENURUT PERATURAN-PERATURAN**

LAPORAN KURSUS LUAR NEGARA BAGI LEMBAGA PENGARAH

(TIADA)

**LAPORAN KURSUS LUAR NEGARA BAGI LEMBAGA PENGARAH
(TIADA)**